



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

### PARLIMEN KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT MESYUARAT KEDUA

---

---

Bil. 25

Isnin

23 Mei 2015

---

#### K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>		
■ Pelan Pelaksanaan Mitigasi Banjir di Klang - YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	(Halaman	25)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016	(Halaman	28)
Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016	(Halaman	46)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 23 Mei 2016

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Persatuan Ibu Tunggal Daerah Barat Daya daripada Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua.  
*[Tepuk]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat semakan semula terhadap hukuman terhadap individu yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa membuat semakan terhadap peraturan dan hukuman bagi mana-mana pihak yang melanggar peruntukan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

Pindaan terkini Akta Kualiti Alam Sekitar ataupun EQA 1974 pada tahun 2012 bertujuan untuk memperkuatkannya, memantapkan, melaksanakan kerja penguatkuasaan yang lebih efektif. Satu elemen yang diberi penekanan adalah peruntukan denda yang optimum selaras dengan kewujudan *the green court* bagi menunjukkan kesalahan mencemar alam sekitar adalah merupakan kesalahan yang serius. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) kesalahan berkaitan laporan mengenai kesan alam sekitar akibat aktiviti yang ditetapkan di bawah seksyen 34A dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000;
- (ii) kesalahan melanggar perintah larangan bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah Akta 34A(a) dikenakan denda maksimum sebanyak RM500,000

atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali atau disertakan RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

Dalam cadangan pindaan EQA semakan hukuman terhadap individu yang melanggar EQA juga diberi perhatian utama:

- (i) memasukkan denda maksimum setiap hukuman dalam EQA seperti kesalahan melepaskan *effluent* ke perairan daratan ialah antara RM25,000 hingga RM100,000;
- (ii) peningkatan denda maksimum yang berupa kesalahan di bawah EQA seperti kesalahan melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia, seksyen 27, RM500,000 kepada RM1 juta. Tidak mematuhi syarat lesen premis yang ditetapkan seksyen 16, RM25,000 kepada RM100,000 dan menggunakan premis yang ditetapkan tanpa lesen di bawah seksyen 18, RM50,000 kepada RM100,000; dan
- (iii) peningkatan kadar tawaran kompaun dari RM2,000 kepada 50% dari denda maksimum kesalahan tersebut.

Selain daripada hukuman denda yang dikenakan setelah kesalahan telah dihukum, jabatan memasukkan elemen-elemen pencegahan dalam peruntukan peraturan di bawah EQA di mana pemantauan prestasi ke atas alat-alat kawalan pencemaran di premis turut diwajibkan melalui keperluan adanya orang berwibawa iaitu *competent person* yang di sijil oleh Jabatan Alam Sekitar. Orang berwibawa akan bertanggungjawab memastikan setiap unit proses, unit operasi sistem kawalan mengawal pencemaran dan memastikan setiap pelepasan mematuhi had pelepasan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Selain itu, laporan kajian penilaian kesan kepada alam sekitar iaitu EIA juga perlu disediakan oleh orang yang layak atau *qualified person* yang didaftar dengan Jabatan Alam Sekitar mengikut garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kedua-dua, *competent person* dan *qualified person* ini adalah tertakluk kepada satu peraturan yang akan digubal kelak dan dikawal di bawah *code of ethics* yang telah ditetapkan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang dibekalkan agar ia tidak akan menjelaskan kualiti alam sekitar.

Ini merupakan pendekatan *a guarded self-regulation* yang diterapkan oleh Jabatan Alam Sekitar kepada semua industri yang memastikan alam sekitar terpelihara. Dalam pada masa yang sama, semakan terhadap peruntukan peraturan di bawah EQA masih diteruskan bagi masa ke semasa bagi mencegah pencemaran dan meningkatkan kualiti alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi. Kita melihat bahawa amat penting bagi negara kita untuk memastikan alam sekitar ini dapat dipelihara supaya alam sekitar ini kelak nanti akan secara tidak langsung kalau daripada kalau kita lihat sekarang, ancaman-ancaman kemasuhan alam sekitar sering terjadi akibat arus-arus pemodenan. Tuan

Yang di-Pertua, dalam soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri pada pagi ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah corak ataupun cara pihak kementerian menangani masalah-masalah yang bertindih dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan dengan peraturan-peraturan alam sekitar.

■1010

Di mana kita lihat hari ini sebagai contohlah, kalau negeri yang dikuasai oleh pihak pembangkang sering menyalahkan Kerajaan Persekutuan. Padahal kalau dilihat...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Soalan, soalan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya memang soalan, nak marahkah? Dengarlah, dengar orang soal dulu, Menteri sini ada. Panas pula pagi-pagi ini Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan kepentingan rakyat, kadang-kadang pihak pembangkang ini suka untuk memutarbelitkan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Dua buah negeri saja di bawah pembangkang, yang lain semua di bawah Kerajaan Persekutuan, lagi nak guna dua buah negeri sebagai contoh.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sering menyalahkan Kerajaan Persekutuan. Contohnya isu terowong Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya soalan sudah ditanya Yang Berhormat, apa tanya soalan lagi, memang ada soalan itu. Soalan berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang yang bertindih. Yang pertama ingin saya maklumkan kepada majlis bahawa tugas dan tanggungjawab tiap-tiap penguat kuasa ataupun kerajaan negeri ataupun pusat telah diletakkan di bawah Perlembagaan. Jadi Perlembagaan telah memberi garis panduan yang asas. Jadi mana-mana undang-undang yang kita hendak buat selepas itu mesti berpandukan Perlembagaan, kalau tidak, ini akan berlaku kesalahan apa yang dikatakan ultra virus undang-undang itu sendiri ataupun Perlembagaan itu sendiri.

Dalam keadaan sedemikian, maka tugas-tugas ini telah ditetapkan di mana letaknya tugas pusat dan di mana letaknya tugas negeri. Ingin saya sebutkan bahawa penyelarasan ini secara umumnya kita buat menerusi satu buah majlis ataupun jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Alam Sekitar, dipanggil majlis jawatankuasa MEXCO ataupun mesyuarat di antara EXCO negeri yang berhubung dengan alam sekitar dan juga menteri-menteri alam sekitar negeri Sarawak dan Sabah bersama dengan Menteri Alam Sekitar. Penyelarasannya menerusi *commute* ini dibuat oleh kementerian supaya menyelaraskan di manakah letaknya parameter di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam menguatkuasakan undang-undang.

Akan tetapi walau bagaimanapun, ada undang-undang umpamanya Undang-undang EIA yang baru saya sebutkan tadi dalam secara ringkas. Sebenarnya Undang-undang EIA ini telah kita laksanakan beberapa tahun sudah. Hingganya pada tahun 2015, saya memperkenalkan yang baru iaitu telah diguna pakai sejak 28 Ogos 2015 yang mana kita telah beri garis panduan yang berlainan. Umpamanya dahulu kalau satu buah kawasan hendak

dibangunkan, 50 hektar baru memerlukan EIA tetapi dalam peraturan yang baru kita perlu kalau 20 hektar ke atas itu dah perlu EIA. Maknanya kawasan yang lebih kecil, tidak berapa luas sangat perlu EIA.

Fakta yang kedua di bawah peraturan baru ini yang memberi kuasa yang banyak iaitu apabila difikirkan bahawa satu-satu tempat itu sensitif oleh pihak Jabatan Alam Sekitar maka Jabatan Alam Sekitar boleh meminta EIA dibuat kepada satu-satu projek. Maknanya tidak tertakluk kepada berapa hektar yang tertentu sebagaimana yang di perenggan 1. Jadi ini boleh diguna pakai dalam satu-satu situasi yang tertentu. Walau bagaimanapun, undang-undang ini hanya berkuat kuasa daripada 28 Ogos 2015, ia tidak boleh ke belakang. Bermakna mana-mana projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan sebelum itu tidak termasuk di bawah peraturan ini. Ia masih termasuk pada peraturan yang dulu.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, penguatkuasaan masalah EIA ataupun pencemaran alam sekitar kebanyakannya terletak di tangan kerajaan negeri iaitu umpamanya kerana banyak situasi yang orang sebut ialah berhubung dengan masalah Cameron Highlands dulu orang sebut. Macam mana kita menangani masalah Cameron Highlands? Hutannya kerajaan negeri, tanahnya, penerokaannya semua kerajaan negeri. Jadi ini di bawah kerajaan negeri. Begitu juga dengan Pulau Pinang, pembotakan pulau, bukit Pulau Pinang begitu juga. Maknanya kalau kelulusan telah dibuat sebelum 28 Ogos 2015, ia tidak tertakluk kepada peraturan yang baru, ia masih tertakluk kepada kawasan peraturan yang lama iaitu 50 hektar dan tidak ada klausa nombor 2 memberi kuasa kepada mana-mana pihak untuk meminta EIA dibuat kepada satu-satu projek yang sensitif kepada alam sekitar.

Jadi garis panduan ini sebenarnya kalau dikuatkuasakan Yang Berhormat, memang mencukupi tetapi dengan syarat Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mesti bekerjasama dan kerajaan negeri juga mesti peka dengan soalan alam sekitar ini. Jangan letak bulat-bulat kepada Kerajaan Pusat sebab kuasa undang tanah, kuasa hutan, kuasa semua sekali itu, pembangunan dan sebagainya kebanyakannya di tangan kerajaan negeri dan daripada kerajaan negeri itu sendiri hinggalah pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab kepada alam sekitar. Jadi bukannya Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat hanya menggaris pandu sahaja soalan ini, penguatkuasaan EIA sahaja kalau projek-projek itu perlu EIA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak bertanyakan Yang Berhormat Menteri tentang kes-kes di mana kerajaan negeri tidak mematuhi peraturan untuk menjalankan EIA. Mereka memberikan butiran-butiran terperinci dan juga tindakan yang boleh diambil apabila EIA tidak dipatuhi ataupun tidak diperlukan, adakah wujud kes-kes sebegini kerana ini adalah sesuatu yang amat penting. Kalau ada, bolehkah menyenaraikan manakah projek-projek di mana kerajaan-kerajaan negeri seluruh Malaysia tidak mewajibkan EIA dijalankan sungguh pun diperlukan di bawah undang-undang, yang pertama.

Yang kedua, sekiranya ada EIA dijalankan, adakah mana-mana kerajaan negeri tidak atau tidak mengendahkan EIA dan terus meluluskan projek? Saya rasa ini amat penting kerana kita bukan sahaja sebut daripada segi individu, kita pun kena sebut daripada segi kerajaan negeri. Tadi Yang Berhormat sebut tentang Pulau Pinang. Pulau Pinang tidak pernah ada keskes di mana kita tidak mematuhi EIA ataupun tidak menjalankan EIA. Tentang penggondolan bukit, ini dijalankan secara haram, tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri. Tentunya tindakan penguatkuasaan akan dijalankan. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Perincian Yang Berhormat, saya tidak boleh sebutlah projek A sendirian berhad ini yang buat, Ahmad, Amin ataupun Chong ini yang buat. Jadi saya tidak ada butiran yang amat terperinci sebagaimana Yang Berhormat sebut tetapi sebagai hakikatnya memang betul. Mana-mana projek yang sebagaimana saya sebut tadi, sebelum 28 Ogos itu banyak perkara yang memang tidak diperlukan EIA. Ia hanya berlandaskan apa yang pihak berkuasa tempatan lihat sebagai mendaangkan pencemaran kepada alam sekitar. Pihak berkuasa tempatan boleh menguatkuasakan ini di bawah undang-undang pihak berkuasa tempatan. Kalau tidak ada EIA, maknanya Kerajaan Pusat telah tidak ada kena-mengena dengan persoalan tersebut.

Jadi maknanya apa yang saya sebut secara umum tadi, sebagai contohnya tadi macam Cameron Highlands dan juga sebagaimana yang berlaku di Pulau Pinang. Penerokaan, pembinaan pembangunan sama ada haram ataupun yang benar dibuat, betul dibuat, halal. Macam mana yang berlaku di Cameron Highlands dan saya sebutkan juga memang macam itu. Banyak tempat yang tidak termasuk dengan EIA. Memang tidak perlu pun EIA sebab perundangan kita tidak memerlukan EIA. Jadi maknanya kerajaan negeri hanya melihat benda-benda lain. Adakah pencemaran berlaku di bawah peraturan negeri itu sendiri. Jadi soal *detail* nya mana satu tidak dibuat.

#### ■1020

Saya tahu Kerajaan Pulau Pinang umpamanya hendak membuat terowong. Saya tahu juga soalan ini. Belum lagi kita meluluskan mana-mana EIA ataupun permohonan EIA. Memang belum adapun perancangan. Jadi maknanya tidak kerja boleh dibuat ataupun dimulakan sebelum EIA dipohon, di lulus dan garis panduannya diletak untuk dilaksanakan. Makna belum ada lagi.

Begitu juga soalan dahulu, ada satu ketika sebidang tanah kepunyaan Pulau Pinang Incorporate, 200 hektar kalau tidak salah saya hendak diteroka menjadi satu kawasan *aquaculture* tetapi saya kata perkara ini perlu EIA. Akan tetapi, juga tidak dilaksanakan sehingga sekarang. Saya cukup yakin. Kalau adapun ini adalah satu penerokaan ataupun pembinaan haram kerana EIA dikehendaki tetapi belum dibuat. Saya ingat selalu dibangkit pada ketika itu. Sekarang sudah hilang cerita itu. tapi yang tinggal itu, Pulau Pinang bukit itu. Itu yang banyak. Masyarakat ini dia melihat Yang Berhormat, dia melihat apa yang dia lihat. Kalau dia lihat apa yang dia lihat itu, dia akan tanya dengan kerajaan, dia mengetahui ini NRE punya soalan. Akan tetapi persoalannya sama ada ini perkara NRE ataupun perkara negeri itu sendiri.

Ini yang kadang-kadang orang tidak faham. Ini sebenarnya terletak di tangan kerajaan negeri. Jadi kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa penguatkuasaan untuk pekerjaan-pekerjaan haram yang boleh mencemarkan alam, yang boleh mendatangkan *erosion* dan sebagainya kepada bukit itu nanti, kita berterima kasihlah kepada kerajaan Yang Berhormat. Jadi apa yang perlu ialah penguatkuasaan itu mesti dibuat supaya salah tafsiran tidak berlaku di kalangan rakyat. Terima kasih.

2. **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan tahunan pasukan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Sejak ditubuhkan, berapakah tangkapan militan/pengganas yang telah berjaya ditumpaskan. Apakah perkembangan terkini empat mangsa culik di Perairan Semporna pada 3 April 2016.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM ditubuhkan pada 1 April 2013, pasca insiden pencerobohan Lahad Datu dan Semporna. Penubuhan ESSCOM pada menggunakan peruntukan darurat yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3.5 juta untuk belanja mengurus, manakala peruntukan pembangunan berjumlah RM2.4 juta.

Pada tahun 2014, ESSCOM telah diluluskan sejumlah RM7.5 juta bagi tujuan peruntukan mengurus. Manakala peruntukan pembangunan adalah sebanyak RM7.5 juta. Dalam pengumuman Bajet 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan bagi ESSCOM adalah sebanyak RM17 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM61 juta bagi perbelanjaan pembangunan.

Seterusnya untuk tahun ini ESSCOM telah diluluskan peruntukan mengurus sebanyak RM21.4 juta dan RM26.6 juta bagi peruntukan pembangunan. Secara keseluruhannya jumlah peruntukan mengurus yang telah diberikan kepada ESSCOM bermula dari ditubuhkan adalah sebanyak RM49.4 juta bagi peruntukan mengurus manakala RM97.5 juta peruntukan pembangunan. Peruntukan pembangunan yang diterima adalah untuk ESSCOM sahaja dan tidak termasuk peruntukan yang disalurkan melalui ESSCOM kepada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Sejak ESSCOM ditubuhkan pada 2013, seramai empat orang yang berkaitan dengan pengganas Sulu telah ditembak mati manakala seramai 67 orang yang lain telah ditahan untuk siasatan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan-kumpulan pengganas dari Selatan Filipina telah mengubah taktik mereka iaitu dari pencerobohan kepada jenayah rentas sempadan di Perairan Pantai Timur Sabah. Sehingga kini sebanyak 13 penculikan telah dilakukan oleh *Kidnap for Ransom Group* (KFRG) termasuk kejadian di Perairan Pulau Ligitan pada 1 April 2016. Walau bagaimanapun, ESSCOM telah berjaya mematahkan sebanyak sembilan cubaan culik iaitu enam cubaan pada tahun 2014 dan tiga pada tahun 2015 di Perairan ESSZON. Selain daripada itu Januari hingga Mei 2016, sebanyak enam cubaan culik lagi telah berjaya dipatahkan.

Langkah pengukuhan dan memperketat kawasan keselamatan yang dilakukan oleh ESSCOM khususnya di pusat peranginan, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa KFRG menukar modus operandi dengan mengubah sasaran kepada vessels yang bergerak perlahan atau yang mempunyai *low free board*. Ini jelas bahawa inisiatif pengukuhan keselamatan ke atas *resorts* tempat tumpuan pelancong, sangkar ikan dan laluan yang berisiko adalah berkesan dan memaksa KFRG mengubah sasaran kepada sasaran mudah ataupun *soft target* seperti kapal datang dan juga kapal tunda.

Pada keseluruhannya inisiatif yang diambil oleh ESSCOM bagi mengukuhkan keselamatan di ESSZON telah berjaya meningkatkan keyakinan pelancong daripada luar terutamanya pelancong daripada China. Pengusaha-pengusaha *resort* di ESSZON melaporkan bahawa kadar kompetensi meningkat antara 40% hingga 60% pada lapan bulan pertama tahun 2015 kepada 60% sehingga 80% pada enam bulan berikutnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk makluman empat orang krew kapal warga Malaysia yang diculik di Perairan Pulau Ligitan di laporkan berada dalam keadaan selamat. Kerajaan Malaysia meneruskan usaha untuk menyelamatkan mangsa tebusan dengan bantuan pihak berkuasa Filipina. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan tadi daripada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanyakan sungguhpun hampir RM150 juta telah dibelanjakan untuk menubuhkan ESSCOM, berapakah anggota-anggota yang terlibat. Pada masa yang sama apakah jaminan bahawa insiden-insiden penculikan dan jenayah oleh penganas-penganas luar negara ini tidak akan berulang lagi kerana selagi ada kes-kes penculikan, tentu keberkesanan ESSCOM akan dipersoalkan dan tentu saya rasa dalam aspek ini adalah penting bahawa selain daripada langkah pencegahan iaitu yang paling berkesan ialah tentulah langkah-langkah pencegahan.

Akan tetapi apabila berlaku kes-kes penculikan, selain daripada kerjasama dengan pihak berkuasa keselamatan Filipina, apakah langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan kerana selepas insiden di mana ada seorang telah dipancung kepala daripada Sarawak juga yang telah dipancung kepala, adakah pihak Kerajaan Persekutuan yakin bahawa keempat-empat mangsa ini dapat diselamatkan dan adakah pihak Kerajaan Malaysia juga rela membincangkan apa-apa permintaan yang ditawarkan oleh penculik. Bolehlah nyatakan apakah permintaan-permintaan oleh penculik tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut berkali-kali di Dewan yang mulia ini bahawa kita akan meningkatkan usaha-usaha keselamatan bagi memastikan supaya jenayah rentas sempadan ini dapat dihadapi. Yang terkini sekali, ini sebagai tambahan. Yang terkini sekali kita memasang lima unit radar *Coastal Civilian System* (CSS) di lima tempat. Jadi kalau kita melihat peta kawasan ESSZON, pemasangan yang terbaru ini mampu mengesan pergerakan vessel dan juga lain-lain lagi. Jadi Yang Berhormat ini adalah antara langkah-langkah yang dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Manakala yang keduanya berapa anggota? Itu saya tidak dapat maklumkan secara khusus tetapi untuk secara umumnya saya boleh maklum secara bertulis. Secara umum ya, sekarang Yang Berhormat kena ingat bahawa bila berlaku saja insiden tersebut, kerajaan telah menubuhkan ESSCOM dan untuk menubuhkan ESSCOM, kita kena lihat bahawa semuanya benda baru Yang Berhormat termasuk pembinaan kem latihan yang belum siap lagi.

■ 1030

Akan tetapi kita kena *mobilized* dengan izin semua sekali aset dan juga tentera kita ke sana. Mereka harus berada di sana dalam keadaan yang sedia ada di sana. Jadi kemudahan itu dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Kedua, Yang Berhormat kena ingat bahawa jarak di antara kita dengan Filipina yang paling dekat sekali ialah satu kilometer sahaja. Jadi bererti saya pun sudah pergi ke sana saya lihat bahawa mereka nampak kita, kita pun nampak mereka. Kita menggunakan kamera nampak mereka, mereka pun nampak kita. Mereka tidak ada apa-apa sistem tetapi kita nampak pergerakan mereka. Jadi makna satu kilometer ini kalau di tengah-tengah tinggal setengah kilometer makna kata dia selepas setengah laut dia bergerak dia boleh masuk ke kawasan mereka. Itulah kedudukan kita.

Walau bagaimanapun kita tidak akan ambil peluang untuk membenarkan apa-apa pembolosan yang mungkin berlaku. Akan tetapi kadang-kadang dia berlaku dalam keadaan apa yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat, dalam keadaan kita terpaksa berkawal di satu kawasan yang luas yang sebesar negeri Pahang daratannya dan lautannya ialah agak luas.

Kedua, apakah mungkin empat orang ini diselamatkan dan apakah usaha-usaha yang sedang dibuat? Kita membuat pelbagai usaha. Yang Berhormat kena ingat bahawa penculikan juga berlaku pada masa yang lepas kecuali satu kes seperti Yang Berhormat sebut dipenggal kepala. Akan tetapi yang lain kita lihat perundingan kita berjaya dan kita berjaya menyelamatkan mereka yang telah diculik. Kita menggunakan pendekatan pelbagai cara. Jadi secara rasminya saya menjawab bahawa kita sedang menggunakan membuat melalui Kerajaan Filipina sama-sama dengan Kerajaan Filipina untuk menyelamatkan mereka yang ditawan. Bagi yang lain-lain itu Yang Berhormat kita terpaksa menggunakan pelbagai cara untuk memastikan supaya empat orang ini dapat dikembalikan kepada Malaysia.

Jadi pada keseluruhannya kita mengambil langkah-langkah pro aktif untuk menghadapi pelbagai keadaan. Akan tetapi satu benda yang rakyat Malaysia kena lihat bahawa kejayaan kita iaitu untuk menghalang mereka membuat apa pun bentuk jenayah di kawasan tempat peranginan, di sangkar ikan dan juga di laluan berisiko tinggi. Mereka sudah tidak ada lagi aktiviti jenayah.

Sekarang mereka cari tempat yang disebut *soft target* dan juga *soft area* dengan izin. *Soft target* ini ialah *vessel* dan juga *tug bot* yang bergerak perlahan dan sebagainya. Jadi sekarang ini usaha dibuat supaya kita boleh berkomunikasi dengan apa-apa sahaja *vessel* yang bergerak. Dengan itu kalau berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini kita boleh bertindak dengan cepat. Kadang-kadang kita tahu bahawa setengah daripada *vessel* ini juga

bukan sahaja bergerak perlahan tetapi bagi maklumat kepada kita juga perlahan. Terima kasih.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya adalah berkaitan dengan masa respons yang diambil oleh pihak keselamatan ESSCOM. Apakah ada latihan ataupun aspek-aspek keselamatan diberikan kepada peniaga, pemilik kapal ataupun pengusaha sangkar ikan untuk mereka dapat memberi maklumat jika berlaku kecemasan? Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, *engagement* dibuat dengan mereka. Sekarang ini pihak kerajaan sendiri akan meningkatkan aktiviti kesukarelaan di kawasan ini dengan menggalakkan mereka menyertai anggota sukarela kita iaitu seperti RELA, bomba, dan *of course*lah yang terakhir sekali JPAM. Itu yang lebih mudah dan *insya-Allah* pada minggu ini kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju kita akan jenama semula JPAM kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Jadi semua Ahli Parlimen dijemput hadir dan semua Ahli Parlimen akan diberi pangkat kehormat. Semua sudah siap minggu ini sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi pangkat.

Jadi yang saya maksudkan di sini ialah bila rakyat sudah menyertai anggota kesukarelaan ini sudah pasti mereka akan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan. Ini termasuklah pengusaha sangkar ikan dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini kita lihat ada satu trend yang menarik yang berlaku di Sabah. Kebanyakan pengusaha-pengusaha ini ialah orang luar. Mungkin pekerja-pekerja mereka orang tempatan. Jadi kita akan galakkan supaya mereka bersama-sama menyertai anggota kesukarelaan. Akan tetapi kita juga ada masalah, masalah kemanusiaan seperti biasa. Kadang-kadang orang-orang dalam ini mungkin menjadi perisik kepada pihak yang lain.

Kemudian yang keduanya pihak ESSCOM sendiri sentiasa mengekor *vessel* ataupun kapal yang melalui kawasan yang berisiko tinggi. Jadi kawasan yang berisiko tinggi sekarang ini pihak KFRG kira macam tidak berani masuk iaitu mereka saya sebutkan tadi mencari *soft target* dengan izin dan juga *soft area*. *Soft area* ini ialah selalunya kawasan sempadan Yang Berhormat. Kawasan di sempadan makna kata kalau botnya melencong sebelah kanan dia akan masuk ke sana jadi itu kawasan *soft area* yang membolehkan mereka bergerak ke negara jiran itu dengan lebih mudah. Jadi bot kita itu di kawasan berisiko tinggi kita akan buat pengekoran dari masa ke semasa. Jadi walaupun baru saya lihat keseluruhan anggota ESSCOM untuk menangani masalah keselamatan itu harus diberi penghargaan dan pujian. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kita dapat banyak persatuan belia yang berdaftar mengeluh kerana kebanyakan mereka tidak dapat bantuan daripada kementerian, justeru apakah langkah proaktif kementerian untuk mengatasi perkara tersebut.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sedia pantun Yang Berhormat?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tidak ada sedia pantun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Kalabakan, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memandang serius terhadap kelestarian dan juga program-program yang telah pun dianjurkan, dicadangkan dan dirancang oleh persatuan-persatuan belia di negara ini. Kita usahakan untuk memastikan bahawa sebanyak mungkin permintaan daripada persatuan-persatuan belia ini dapat dibantu supaya mereka dapat menjalankan program-program di peringkat akar umbi.

Hasrat Dasar Belia Negara, Dasar Belia Malaysia dapat dicapai dengan adanya kumpulan yang berpersatuan ini bergerak aktif dan menjalankan tugas-tugas mereka seperti mana yang dirancang. Sehingga tahun 2015, jumlah bilangan persatuan belia yang aktif yang didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia adalah sebanyak 8,305. Pada tahun 2015 sahaja kementerian melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara telah meluluskan dan menyalurkan bantuan kepada 794 daripada 1,196 persatuan yang memohon. Bagi yang memohon 1,196 dan yang kita telah lulus adalah 794 dengan jumlah bantuan RM50,883,964.

Jumlah untuk tahun lepas adalah jumlah yang tertinggi dari segi penyaluran bantuan kewangan kepada pertubuhan belia sejak tahun 2008.

Tahun	Jumlah (RM Juta)
2008	18.7
2009	8.4
2010	11.5
2011	37.4
2012	44
2013	22
2014	31.3

#### ■1040

Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada bantuan pentadbiran yang tetap yang kita bagi kepada pertubuhan dan persatuan-persatuan belia. Ini tidak termasuk bantuan program. Ini adalah bantuan pentadbiran tetap yang kita bagi kepada persatuan-persatuan belia di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri, di peringkat daerah dan juga bagi badan-badan beruniform.

Untuk tahun 2016, kita cadangkan dan kita telah pun bagi separuh daripada RM8,384,000 kepada persatuan-persatuan untuk bantuan pentadbiran tetap. Ini termasuk RM1.2 juta yang kita bagi kepada Majlis Belia Malaysia, RM80,000 yang kita peruntukkan kepada setiap majlis belia negeri dan RM40,000 yang kita peruntukkan kepada setiap majlis

belia daerah yang mendapat bantuan tersebut untuk pentadbiran mereka. Ini tidak termasuk badan-badan beruniform seperti pengakap yang menerima RM80,000. St John Ambulans RM64,000 dan lain-lain juga.

Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak hanya memberi peruntukan untuk program atau pun bantuan pentadbiran semata-mata. Kita juga menjalankan pelbagai kursus kepimpinan untuk kita pastikan bahawa nilai tambah dapat diberikan kepada persatuan-persatuan belia ini oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Antara kursus-kursus yang telah pun dianjurkan dan akan dianjurkan pada tahun 2016 adalah program kepimpinan organisasi, projek pimpinan muda, Anugerah Perdana Belia Negara sebagai pengiktirafan dan ini menelan perbelanjaan lebih daripada RM3 juta.

Selain daripada itu, kita juga telah memperkenalkan pada tahun 2014 satu sistem baru iaitu penambahan peruntukan, selain daripada pentadbiran yang kita bagi, selain daripada latihan yang kita berikan kepada mereka, kepada persatuan-persatuan belia yang telah mencapai penarafan lima bintang di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia atau pun ROY. Bagi persatuan-persatuan belia yang mendapat lima bintang iaitu laporan mereka lengkap, program mereka aktif dan sebagainya, mereka akan menerima tambahan RM2,000 untuk menjalankan program. Pada tahun 2014 sebanyak 66 yang terima, tahun 2015 sebanyak 77 yang terima. Ini adalah usaha kita untuk memastikan bahawa yang aktif, yang menjalankan tugas, yang ada perancangan yang baik dapat sedikit tambahan dari segi peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Parlmen Kalabakan terdapat dua persatuan belia yang aktif di Kalabakan. Tawau lebih banyak lagi tetapi di Kalabakan ada dua kelab tunggal yang aktif iaitu Persatuan Belia Kalabakan yang ditubuhkan pada tahun 2013 dan Persatuan Kelab Belia Murut Kalabakan yang ditubuhkan pada tahun 2016. Setakat tahun ini tidak ada apa-apa permohonan daripada kelab-kelab itu lagi. Kalau ada, saya akan menerima daripada Ahli Yang Berhormat atau pun wakil-wakil persatuan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Menteri Belia kerana kita nampak banyak program yang diatur untuk belia. Akan tetapi masalah yang dihadapi belia, bukan sahaja mungkin di Kalabakan, bahkan mereka ini orang muda, mereka akan naik sampai ke atas untuk mewakili negara kita. Jadi, di kawasan Kalabakan dan Tawau, belia-belia yang mahu bermain badminton, mereka mesti mahu membayar kepada majlis perbandaran atau majlis daerah. Jadi, bererti Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak mampu.

Jadi, adakah cara yang lain untuk mungkin menyalurkan kepada Ahli-ahli Parlmen untuk membantu mereka ini? Ini kerana kesemua kementerian mungkin dapat memberi bantuan tetapi kalau boleh kementerian beri peruntukan kepada Ahli Parlmen supaya kami boleh membantu belia-belia ini.

Di Kalabakan, Tuan Yang di-Pertua, kita ada 12 padang futsal tetapi padang futsal ini hanya boleh digunakan pada waktu malam sahaja. Waktu malam pun tidak boleh kerana tidak

ada lampu. Waktu siang tidak boleh kerana tidak ada bumbung. Jadi, apa erti futsal yang diberi oleh kerajaan?

Jadi, kita minta mungkin Menteri Belia sendiri turun padang untuk pastikan bahawa semua tempat permainan futsal dan lain-lain ini diatasi. Bagi bumbung, bagi lampu supaya orang boleh gunakan siang malam. Kalau boleh, kita mintalah Menteri memberi jawapan yang telus ikhlas untuk membantu belia-belia yang ada di seluruh negara bukan di Kalabakan sahaja.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian sedia maklum bahawa permintaan daripada persatuan-persatuan belia termasuk wakil-wakil rakyatnya berkenaan dengan kemudahan-kemudahan seperti mana yang disebutkan tadi sangat-sangat tinggi. Bukan hanya pembinaan gelanggang yang baru yang boleh dikatakan permohonan yang paling banyak yang saya terima tetapi juga penambahbaikan kepada pembinaan gelanggang-gelanggang yang sedia ada.

Yang paling banyak yang saya terima adalah permohonan untuk membina bumbung atau pun menyiapkan lampu limpah kepada gelanggang-gelanggang futsal yang telah pun lama dibina yang pada ketika itu *spec* nya tidak merangkumi atau pun tidak memasuki bumbung dan juga lampu limpah. Betul, apa Yang Berhormat katakan tadi bahawa apabila ada bumbung dan apabila ada lampu, maka gelanggang itu dapat digunakan sepanjang hari dan juga sepanjang malam.

Oleh yang demikian, saya telah mohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dalam RPT yang kedua, pohon juga kerjasama dan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat supaya tambahan diberi kepada usaha kita untuk menyelesaikan permintaan tersebut sebab banyak sangat permintaan. Setakat ini, tidak ada apa-apa peruntukan khas diberikan oleh Unit Perancangan Ekonomi tetapi saya akan usahakan dan saya harap dapat sokongan daripada Ahli Yang Berhormat sebab ini permintaan daripada *grass root*, ini permintaan daripada bawah yang setakat ini tidak dapat kita selesaikan disebabkan keutamaan perbelanjaan yang tidak merangkumi kemudahan-kemudahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kalabakan tadi.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya berkenaan dengan dasar belia yang baru iaitu mengehadkan umur belia iaitu pimpinan untuk persatuan-persatuan belia di antara umur 15 hingga 30 tahun. Pertamanya, saya menyokong penuh dasar yang baru ini iaitu mengehadkan umur bawah 30 tahun.

Cuma soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan bahawa ada kesinambungan kepimpinan menjelang tahun 2018? Apakah dasar ini dilaksanakan untuk semua jawatan dan tidak ada pengecualian diberikan kepada mana-mana jawatan dan mana-mana persatuan? Ini kerana kita tidak mahu ada mana-mana kes seperti dahulu walaupun ada dasar menetapkan bahawa umur belia di bawah 40 tahun tetapi ketua pemudanya atau pun pengurusnya dipimpin oleh orang yang berumur 60 tahun dan tidak ada pengecualian kepada mana-mana jawatan

termasuk ketua pemuda. Tidak seperti parti politik, ada pengecualian kepada ketua pemudanya di mana tiada had umur untuk jawatan ketua. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa persatuan-persatuan belia ini benar-benar dipimpin oleh orang muda menjelang tahun 2018? Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Seremban. Untuk kita menjayakan peralihan kepada takrifan umur yang baru daripada 15 hingga 40 kepada 15 hingga 30— kerana ini adalah juga piawaian antarabangsa di mana Malaysia sekarang ini merupakan antara negara minoriti yang masih lagi meletakkan had umur pada usia 40 tahun.

Akan tetapi untuk memastikan peralihan ini berjaya dan tidak menimbulkan apa-apa masalah terutamanya dari segi kesediaan pelapis untuk mengambil alih tampuk kepimpinan persatuan-persatuan belia, maka kita ada satu tempoh transisi iaitu dua tahun sehingga tahun 2018 di mana akan dipinda, *insya-Allah*, dan takrifan usia baru itu akan dikuatkuasakan melalui undang-undang Akta Belia Malaysia.

#### ■1050

Namun demikian, kita ada dua tahun untuk memastikan bahawa segala persiapan sudah berada di tahap yang mantap dan tidak berlaku pada tahun 2018, rumah sudah siap tetapi pahat masih berbunyi dan persatuan-persatuan belia tidak bersedia untuk ketengahkan pemimpin di bawah umur 30 tahun mengambil alih tampuk kepimpinan. Kerisauan dan kekhawatiran saya adalah sangat tinggi bukan di peringkat kebangsaan. Saya percaya dan yakin sudah ada pelapis tetapi di peringkat daerah kerana di peringkat daerah dan juga di peringkat yang lebih *grass root* lagi, maka kita ada masalah untuk kenal pasti pemimpin-pemimpin muda usia 20-an untuk mengambil alih.

Oleh sebab itu, kementerian bekerjasama dengan Majlis Belia Malaysia hari ini untuk kita buat satu pelan peralihan. So sekarang ini kita sedang mengenal pasti pemimpin-pemimpin belia di peringkat akar umbi yang usianya 20 tahun, 20-an yang mana boleh dapat dikursuskan, dapat dilatih dan dapat ditunjuk ajar supaya mereka dapat mengambil alih kelab-kelab, persatuan-persatuan dan juga pertubuhan belia menjelang tahun 2018. Untuk tahun lepas, kita telah memperuntukkan hampir sejuta ringgit untuk pelan peralihan di bawah kursus kepimpinan di bawah Majlis Belia Malaysia. Tahun ini juga kita akan sambung kursus tersebut supaya kita dapat *train* dengan izin, pemimpin-pemimpin muda yang boleh mengambil alih pada tahun 2018 persatuan-persatuan belia.

Kedua, tahun ini saya telah mulakan satu program baru iaitu Jelajah Kampus di bawah Rakan Muda. Jelajah Kampus ini adalah untuk kita mendekati persatuan-persatuan belia dengan para mahasiswa yang secara automatik juga adalah belia tetapi mereka tidak banyak melibatkan diri dalam persatuan belia kerana mereka ada kelab-kelab di bawah universiti dan kelab-kelab persatuan-persatuan mahasiswa mereka. Akan tetapi mereka inilah adalah dengan izin *natural captive market* kepada persatuan-persatuan belia untuk menjadi pemimpin. Jadi melalui jelajah kampus ini, saya dan Majlis Belia Malaysia sedang mendaftar ahli-ahli

mahasiswa, aktivis-aktivis mahasiswa yang ingin dan ada keinginan serta minat untuk menyertai persatuan-persatuan belia yang boleh mengambil alih pada tahun 2018.

Ketiga, soalan Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan had umur pengecualian dan sebagainya, Akta Belia dan juga Dasar Belia Negara ini adalah diaplikasikan kepada persatuan-persatuan yang berdaftar di bawah Pejabat Pertubuhan Berdaftar Belia atau *Registration of Youth* (ROY) dan bukannya *Registration of Societies*. Maka dengan itu sayap-sayap politik PEMUDA dikecualikan daripada Dasar Belia Malaysia, dikecualikan daripada Akta Pembangunan Belia disebabkan ini adalah persatuan-persatuan pergerakan politik yang berdaftar di bawah ROS dan itu adalah keputusan politik. Ini adalah berkenaan dengan persatuan belia yang didaftar di bawah *Registration of Youth*.

Itu pun saya harus meletakkan kepada rekod dalam Dewan ini, ada beberapa persatuan ataupun pertubuhan yang ditubuhkan atas akta sendiri yang tidak tertakluk kepada Akta Pembangunan Belia tetapi dikira sebagai persatuan belia juga seperti Persatuan Pengakap Malaysia. Oleh sebab itu kita masih lagi ada pengakap yang kalau tengok tidak berapa belia disebabkan mereka ada akta sendiri.

Jadi ini adalah akta dan dasar yang khusus untuk persatuan yang berdaftar di bawah ROY tetapi saya harap hasrat kita adalah supaya yang lain termasuklah persatuan-persatuan yang wujud atas aktanya sendiri dan juga barangkali termasuk parti-parti politik akan mengikut *the spirit* ataupun semangat pindaan tersebut untuk melihat peremajaan dapat disegerakan dalam pertubuhan-pertubuhan mereka juga. Terima kasih.

4. **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan jenis-jenis bantuan dan program yang sedang dan akan dijalankan atau dalam perancangan bagi membantu pekerja, pengusaha, perniagaan dan sebagainya dalam memajukan sektor pelancongan di Sabah.

#### **Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ada menyediakan pelbagai galakan dalam bentuk insentif kepada syarikat-syarikat pelancongan di Malaysia. Antara galakan tersebut adalah pemberian insentif melalui pelepasan cukai yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi pengusaha syarikat pengendali pelancongan dan agensi pengembalaan dengan izin, *tour operating business and travel agency business inbound* di Malaysia yang mengendalikan pakej pelancongan asing yang sekurang-kurangnya berjumlah 750 orang dan pakej pelancong tempatan yang sekurang-kurangnya berjumlah 1,500 orang.

Menerusi pembentangan Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tempoh pengecualian cukai sebanyak 100% yang telah tamat pada Disember 2015 telah dilanjutkan hingga tahun taksiran 2018 iaitu pembentangan Bajet 2016 perenggan 92.

Kementerian juga menggalakkan perkembangan projek pelancongan di Malaysia melalui insentif pelepasan cukai oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di mana syarikat yang layak akan diberikan pelepasan cukai berdasarkan dua kategori iaitu

dengan izin *pioneer status* ataupun *investment tax allowance* ke atas pembinaan baru mahupun pengubahsuaian ke atas projek-projek penginapan atau projek-projek pelancongan yang lain seperti taman tema, pusat kraf tangan, marina dan galeri. Syarikat yang ingin memohon harus memenuhi kriteria kelayakan sebagai projek pelancongan dan memperoleh sijil pendaftaran projek pelancongan dari kementerian ini.

Selain itu, kementerian juga turut menawarkan bantuan dalam bentuk pinjaman, *soft loan* kepada pengusaha pelancongan tempatan. Kemudahan pembiayaan dana pelancongan ini adalah melalui Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP). Tujuan dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkelayakan yang ingin membangunkan atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, resort, chalet dan membiayai pembangunan projek-projek seperti taman tema, galeri dan muzium yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan adalah terbuka kepada syarikat pengusaha pelancongan tempatan yang mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM5 juta atau 20% daripada jumlah pinjaman yang mana lebih tinggi. Jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah dari RM5 juta sehingga RM100 juta. Kadar faedah pula di antara 4% hingga 6% setahun. Tabung ini diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Selain itu, dalam usaha menyemarakkan lagi industri pelancongan sekali gus membantu pekerja, pengusaha, perniagaan dan sebagainya dalam memajukan sektor pelancongan secara keseluruhan di Sabah, kementerian ini terus giat menjalankan aktiviti kawal selia industri pelancongan dari sudut penguatkuasaan. Antara program-program *engagement* bersama penggiat industri yang telah dijalankan di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) Kempen Kesedaran Mengenai Penipuan Umrah/Ziarah dan Hak Kepenggunaan Kepada Orang Awam Siri Satu pada 29 September 2015 di Hotel Perkasa, Keningau Sabah;
- (ii) Kempen Kesedaran Mengenai Penipuan Umrah/Ziarah dan Hak Kepenggunaan Kepada Orang Awam Siri Dua pada 28 Oktober 2015 di Hotel Ibis Style, Sandakan Sabah; dan
- (iii) *engagement session* dengan izin Yang Berhormat Menteri dalam peranan penggiat industri pelancongan pada 11 Februari 2016 di The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu Sabah.

Bagi mengukuhkan lagi aktiviti penguatkuasaan, kementerian ini juga telah melancarkan kempen anti van putih yang merupakan satu kerjasama strategik di antara agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dengan penguatkuasaan serta penggiat industri pelancongan di Sabah. Langkah ini diambil bagi menangani masalah operasi pengusaha pelancongan yang tidak berlesen. Gelaran van putih adalah merujuk kepada kenderaan yang biasanya diguna oleh operator pelancongan yang tidak berlesen untuk mengangkut pelancong luar dan dalam negara. Sekiranya didapati bersalah, pemilik kenderaan akan disabitkan kesalahan di bawah

Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan sehingga membawa penalti maksimum sebanyak RM50,000.

Lanjutan daripada kempen ini, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Sabah (PKPKN) Sabah akan melancarkan kempen yang sama dengan pendekatan yang berbeza bagi menangani isu penjualan pakej pelancongan haram di daerah Semporna. Kempen ini akan melihat kaedah terbaik bagi menyusun semula aktiviti-aktiviti pelancongan yang bergantung sepenuhnya kepada penggunaan bot. Bagi memantapkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan dengan izin *service delivery* sektor pelancongan di Sabah, kementerian ini melalui PKPKN Sabah telah berjaya melatih seramai 1,593 orang peserta yang terdiri daripada petugas barisan hadapan ataupun *front liner* di dalam industri ini secara percuma.

#### ■1100

Jumlah ini telah melebihi sasaran ataupun KPI yang ditetapkan bersama 1,000 peserta setahun. Latihan melalui kursus '*We Are The Host*' merupakan satu bentuk latihan sehari yang diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai *Malaysian hospitality* kepada semua petugas barisan hadapan industri pelancongan yang terdiri daripada petugas-petugas hotel dan *resort*, pemandu pelancong serta mereka yang terlibat secara langsung di dalam industri ini.

Dari sudut pengiklanan pula, kementerian ini menerusi Tourism Malaysia ada memaparkan produk-produk pelancongan di negeri Sabah dan iklan media cetak dan TV *commercial* terbitan Tourism Malaysia. Antara produk-produk pelancongan yang diketengahkan ialah Lembah Danum, Taman Marin Tunku Abdul Rahman dan Safari Sungai Sukak. Pengiklanan destinasi-destinasi ini ialah bagi menarik pelancong domestik dan antarabangsa mengunjungi tempat-tempat menarik di Sabah yang mana secara tidak langsung dapat menjana ekonomi negeri Sabah dalam sektor pelancongan. Kementerian ini akan terus aktif dalam memberikan bantuan dan galakan kepada semua pengusaha serta pekerja-pekerja yang terlibat dalam bidang pelancongan di seluruh negara demi memastikan industri pelancongan akan terus maju selaras dengan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia iaitu menerima 36 juta pelancong dengan RM168 bilion pendapatan pada tahun 2020.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan industri pelancongan boleh mendapat hasil pendapatan yang lebih lumayan untuk membantu negara kita dalam ekonomi sekarang yang amat membimbangkan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah kementerian Yang Berhormat bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bahawa keselamatan salah satu faktor yang *important* yang mustahak untuk menarik lebih pelancong-pelancong dari negara asing? Adakah kita ada cukup jurubahasa seperti dalam bahasa Mandarin, bahasa Korea atau bahasa Jepun untuk membantu pelancong-pelancong di negara yang seperti

Sabah. Oleh sebab mereka yang suka mengunjungi ke negeri Sabah oleh sebab banyak tempat boleh dibangunkan industri di negara kita ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Kita sentiasa bekerjasama dengan semua kementerian yang terlibat dengan keselamatan di negeri Sabah terutamanya dengan KDN dan sebentar tadi Yang Berhormat dari Arau telah sebut dengan ESSCOM juga dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pertahanan untuk memastikan supaya keselamatan di negeri Sabah dapat kita pastikan supaya boleh menarik lebih ramai pelancong khususnya dari China ke negeri Sabah. Hasil kerjasama itu telah jelas dinampakkan dengan statistik yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi.

Berkenaan dengan *booking* yang telah dibuat di hotel-hotel di sebelah Pantai Timur telah meningkat pada tengah tahun pertama 2015 di antara 40% hingga 60% dan sekarang *second half* 2015 telah meningkat sampai 80%. Ini menunjukkan iaitu bahawa kita telah berjaya. Cuma sekarang ini dia telah lari kepada *soft target* iaitu bukan lagi pelancong-pelancong tetapi dia cari pula mereka yang lain yang bukan pelancong tetapi terlibat dengan industri-industri lain. Jadi daripada segi itu kita cukup yakin bahawa kerjasama kita dengan kementerian ini akan mencapai keputusan yang diharapkan.

Berkenaan dengan *tourist guide*, saya kira Mandarin tidak ada masalah kerana saya telah pergi ke negara China dan mereka telah memberitahu di antara sebab mengapa pelancong-pelancong China suka datang ke Malaysia dan juga ke negeri Sabah ialah kerana rakyat Malaysia fasih bahasa Mandarin. Bukan itu sahaja tetapi fasih dalam dialek seperti Kantonis, Hokkien, Teochew, Hakka dan lain-lain. Jadi itu tidak ada masalah. Cuma Korea kita berusaha untuk meneruskan kursus-kursus yang diberikan dan galakan kepada jurubahasa ataupun *tourist guide* yang boleh fasih dalam bahasa Korea.

Saya ingin menyebut di sini mengikut statistik di negeri Sabah bahasa Mandarin, kita ada 625 pemandu pelancong di negeri Sabah yang fasih bahasa Mandarin. Kantonis ada 71. Kemudian kalau kita lihat pula kalau macam Korea, di Sabah ada 10. Saya kira jumlah ini akan kita besarkan lagi kerana akhir-akhir ni kita lihat memang banyak pelancong-pelancong dari Korea telah menaruh minat untuk melawat Malaysia terutama di negeri Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Menteri Pelancongan pasai boleh anak kecil baru-baru ini. Ini hebat lelaki Melayu yang terhebat. *[ketawa]*

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau buat kenduri aqiqah tu jangan lupa panggil saya. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut berkaitan dengan van-van putih khususnya van-van asing yang menarik pelancong, mengangkut pelancong dalam kawasan wilayah Malaysia. Bagi saya ini bukan sahaja isu di Sabah, di Malaysia Timur tetapi juga berlaku di Semenanjung khususnya di kawasan-kawasan di sebelah utara iaitu van-van dari

Thailand, dari Siam yang nombor *plat*nya nombor *plate* Thailand yang mengangkut pelancong-pelancong dalam negara kita. Ada disebut tadi bahawa Yang Berhormat Menteri tadi kata bahawa boleh diambil tindakan di bawah satu akta, di bawah Akta Pelancongan.

Jadi saya hendak tanya, berapa jumlah tindakan yang telah diambil setakat ini dan sejauh mana langkah-langkah ke arah untuk membanteras kegiatan ini dengan kerjasama daripada JPJ dan juga pihak polis. Sebab sebelum ini saya pernah tanya di Dewan ini, JPJ kata bukan bawah tanggungjawab dia. Jadi ini masalah yang dihadapi oleh khususnya pemandu-pemandu teksi di negara kita bersaing dengan van-van putih yang dimaksudkan tadi. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ada perbedaan van putih di Sabah dengan van putih di Semenanjung, terutama sekali Kedah. Apa yang berlaku di Sabah itu adalah mereka melakukan secara haram iaitu mereka tidak mempunyai permit dan kebenaran untuk mengangkut pelancong-pelancong daripada orang kata apa di sanalah di Sabah, mereka tidak dibenarkan. Akan tetapi mereka melakukan perkara ini secara haram dan kebanyakannya menggunakan van-van berwarna putih. Namun di Semenanjung, apa yang dilakukan oleh pembawa-pembawa pelancong dari Thailand dengan menggunakan van mereka yang berdaftar itu tidak merupakan kesalahan.

Sebagai perbandingan, kapal terbang yang datang dari Thailand dia turun di Penang dalam negara kita dalam *airspace* kita, ia turun katalah di Kuala Lumpur, KLIA dalam *airspace* kita dan mendarat dalam tanah kita, ia bukan merupakan satu kesalahan kerana ia membawa pelancong-pelancong masuk ke dalam negara kita. Begitu lah juga van-van putih yang berdaftar dibenarkan untuk membawa pelancong-pelancong ke Pulau Pinang ataupun ke sampai ke Kuala Lumpur ataupun menerusi sampai ke Johor.

#### ■1110

Ini kerana kepada kita Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan soal katalah pemandu-pemandu teksi itu di bawah orang kata SPAD kah ataupun di bawah kementerian Pengangkutan kah saya tidak tahu. Tetapi bagi saya sebagai Menteri Pelancongan dan Kebudayaan yang penting pelancong masuk ke dalam negara secara halal. Jadi saya hendak sebut di sini van putih Kedah halal, yang masuk dari Thailand itu dia tidak melakukan apa-apa kesalahan. Jadi orang kata tindakan sama tidak boleh dikenakan kepada mereka kerana mereka masuk secara halal.

**5. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status terkini Program Penggajian dan Penempatan Semula Pekerja Asing serta jumlah pekerja asing tanpa izin yang telah mendapat kebenaran bagi penempatan semula mengikut jantina, jenis pekerjaan dan negara asal.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bagi tempoh 15 Februari 2016 sehingga 19 Mei 2016 seramai 31,706 orang majikan telah tampil ke hadapan untuk

mendaftarkan sejumlah 103,040 orang pendatang asing tanpa izin di bawah Program Rehiring. Ini meliputi 66,000 orang PATI warganegara Bangladesh, 19,000 PATI warga Indonesia, 3,777 orang PATI warganegara Nepal, 3,669 PATI warganegara India, 2,615 PATI warganegara Pakistan, 2,472 orang PATI warganegara Vietnam dan 4,933 orang PATI lain-lain warganegara.

Pada masa yang sama juga, sehingga 22 Mei 2016, Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan 4,535 pelbagai jenis operasi di mana 81,547 orang telah diperiksa. Daripada itu seramai 24,104 orang PATI dan 482 orang majikan serta 6 orang agen atau sindiket telah ditangkap atas pelbagai jenis kesalahan di bawah Akta Imigresen 1963. Pada masa yang sama juga seramai 28,924 orang telah diusir keluar ke negara asal oleh Jabatan Imigresen Malaysia di seluruh Malaysia.

Dalam operasi ini adalah menjadi harapan kerajaan supaya lebih ramai majikan dan PATI akan tampil ke hadapan untuk menyertai program ini kerana semua majikan dan PATI yang ditangkap oleh Jabatan Imigresen akan melalui proses pendakwaan di Mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Isu ini adalah isu yang amat sensitif. Minggu lalu Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan komitmen kerajaan bagi memastikan kekosongan pekerjaan dalam pelbagai bidang industri ini dapat diisi dahulu oleh pekerja-pekerja mahir tempatan terutamanya sebelum ia dibuka kepada pekerja asing. Banyak dakwaan yang menyatakan kerajaan bakal menarik balik keputusan pembekuan pengambilan pekerja asing ini. Jadi apakah pelan serta langkah-langkah yang akan diambil kementerian bagi memastikan komitmen kerajaan agar kekosongan pekerjaan dalam pelbagai bidang yang diisi ini terlebih dahulu oleh pekerja mahir tempatan ini seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada minggu lalu.

Serta adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sistem nisbah pekerja tempatan dan juga pekerja asing bagi menghalang monopoli pekerja-pekerja asing bagi sesuatu bidang pekerjaan. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sebenarnya Program Rehiring ini dibuat untuk membenarkan atau memudahkan majikan-majikan untuk mendaftarkan pekerja asing tanpa izin yang di bawah jagaan mereka. Nisbah pekerja asing dengan pekerja *local* yang sepatutnya digunakan oleh majikan adalah ada pelbagai dia punya kadar tetapi rata-rata lebih kurang 20% orang pekerja asing dan 80% orang pekerja *local* yang dibenarkan majikan mengajikan. Jadi dalam Program Rehiring ini kita memang hendak pastikan dulu bahawa majikan ataupun PATI yang ada di dalam negara boleh didaftarkan dengan majikan dipadankan dengan majikan yang ada, yang mereka gajikan supaya kita dapat mengetahui jumlah PATI yang masih ada di dalam negara kita ini dulu.

Selepas itu, baru kita akan pertimbangkan untuk membuka semula proses pengambilan pekerja asing daripada negara lain. Pada waktu yang sama juga, nampaknya sekarang ini jumlah pekerja asing yang berminat untuk datang ke Malaysia daripada pelbagai negara telah makin berkurang. Ini disebabkan oleh kadar tukaran wang asing kita yang sudah menurun dan juga majikan di Malaysia ini tidak lagi memberikan layanan yang baik kepada pekerja asing di banyak negara. Sebab itu kita juga telah melihat jumlah pekerja asing dari Nepal sudah mula menurun dan juga dari Filipina dan juga dari Indonesia juga sebenarnya. Ini kerana mereka boleh mencari pekerjaan di tempat lain yang memberikan pulangan yang lebih lumayan.

Satu masalah di Malaysia sekarang ini adalah masalah mengenai kecenderungan majikan untuk bergantung pada pekerja asing. Walaupun di sektor-sektor yang berteknologi tinggi. Majikan tidak mahu untuk *upgrade* proses dan juga cara *business* mereka kepada teknologi yang lebih tinggi yang mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Ini merupakan masalah yang utama yang dihadapi oleh kementerian di mana ia menggalakkan aktiviti yang kurang sihat seperti tindakan daripada agen-agen yang sebenarnya memberikan perkhidmatan pekerja asing kepada majikan-majikan ini. Majikan tidak mahu mengambil tanggungjawab kepada *welfare* atau kebijakan pekerja asing ini dan mereka lebih berminat untuk mengambil perkhidmatan agen-agen atau sindiket-sindiket yang membekalkan pekerja asing yang banyak kalinya adalah pekerja asing tanpa izin.

Jadi tindakan agen-agen ini juga menyulitkan lagi usaha kementerian untuk memastikan bahawa jumlah pekerja asing tanpa izin di dalam negara dapat dikurangkan. Jadi selagi aktiviti agen-agen ini tidak dibanteras, tidak dikurangkan oleh kementerian maka ini akan menyulitkan kita untuk mengurangkan jumlah pekerja asing tanpa izin ini. Jadi yang pentingnya kita kurangkan jumlah pekerja asing dahulu, baru kita pertimbangan untuk ambil pekerja asing yang baru. Jadi Program Rehiring ini sebenarnya telah dijadualkan untuk berakhir pada 30 Jun 2016 maknanya akhir bulan depan. Tetapi itu pun kita akan mempertimbangkan sama ada untuk melanjutkan program ini sekiranya kita belum lagi berpuas hati bahawa jumlah pekerja asing tanpa izin di dalam negara ini sudah dapat dipastikan daripada Program Rehiring ini.

Dan memang ada permintaan daripada beberapa sektor seperti sektor perkilangan, perladangan, pembinaan yang mahu kerajaan buka semula pengambilan pekerja asing yang baru ini. Setakat ini kementerian masih lagi dalam proses mempertimbangkan cadangan ini dan belum lagi membuat keputusan untuk membuka kembali pengambilan pekerja asing ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Menteri, saya khusyuk dan tawaduk mendengar penjelasan menteri dan kerangka yang hendak dibina untuk memastikan kawal selia pekerja asing ini dapat diselesaikan. Namun dalam rekod yang kita dapati daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, 2.1 juta yang telah didaftarkan,

yang tidak didaftarkan Timbalan Menteri berjuta-juta. Dalam proses itu ia sudah dibuat pemantauan peringkat demi peringkat dan kegagalan itu juga penyebab kepada lambakan pekerja asing keterlaluan di dalam negara ini.

Soalan saya ialah apakah langkah yang drastik yang diambil oleh kementerian seperti 6P yang lalu dianggap gagal kerana tidak dapat mengenal pasti jumlah yang daftar pekerja asing tanpa izin dan ini juga memberikan isyarat bahawa satu kerangka baru yang kena buat oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan maklumat yang kita terima daripada mereka hanya 3D sahaja diberikan peruntukan kekalkannya itu tetapi data itu perlu diselaraskan dalam sistem yang membolehkan kita mengawal selia. Adakah langkah itu diberikan perhatian oleh kementerian? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1120

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Langat minta maaf saya ingat Yang Hulu Langat.

Jadi tidak adillah kalau Yang Berhormat Kuala Langat menyatakan bahawa KDN gagal menangani masalah PATI ini. Ini kerana ia memerlukan kerjasama juga daripada MTUC, Yang Berhormat Kuala Langat sebagai pemangku presiden MTUC yang mewakili pekerja. Sepatutnya Yang Berhormat Kuala Langat memperjuangkan nasib pekerja *local* di negara kita ini dan membantu KDN ya untuk meyakinkan persatuan-persatuan majikan seperti MEF dan juga seperti FMM yang memang tiap-tiap tahun kalau sudah diberi peluang pun untuk hendak – kita berikan peluang mereka untuk mendapatkan pekerja asing baru pun tapi tiap-tiap tahun mereka akan kembali semula kata pekerja *local* tidak hendak bekerja. Jadi mereka terpaksa ambil pekerja asing tapi itu jadi sebagai alasanlah.

Jadi kalau boleh MTUC bantu KDN. Kita pengaruhi persatuan-persatuan majikan ini supaya mereka dapat mempengaruhi majikan supaya tidak lagi bergantung pada pekerja asing. Saya sudah sebutkan tadi, kita sudah cuba banteras. Baru-baru ini kita tangkap sindiket membawa pekerja ataupun menyeludup orang Sri Lanka ke negara kita ini. Kita sudah tangkap sindiket-sindiket yang menawarkan pekerja asing kepada majikan. Kita sudah laksanakan program penguatkuasaan di mana saya sebut tadi kita telah mengadakan banyak operasi dan juga telah memeriksa ramai daripada pekerja asing ini. Kita telah mengusir hampir 29,000 orang daripada negara ini dan sampai program ini boleh menunjukkan kejayaan yang ketara.

Tadi Yang Berhormat cakap jumlah pekerja asing tanpa izin negara ini berjuta-juta orang, daripada mana Yang Amat Berhormat dapat, eh, Yang Amat Berhormat pula – doa *[Ketawa]* daripada mana Yang Berhormat dapatkan satu tekaan jumlah pekerja..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Menteri Besar pun Yang Amat Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ah, ada perancangan jadi Selangor *[Ketawa]*. Jadi daripada Yang Berhormat dapatkan jumlah pekerja asing Yang Berhormat teka ini berjuta-juta. Apa yang kita tahu daripada program *rehiring* ini setakat ini lepas tiga bulan baru 103,000 orang yang telah tampil ke hadapan untuk mendaftarkan pekerja asing. Jadi saya rasa program

*rehiring* ini juga telah membuktikan bahawa sebenarnya jumlah ataupun sangkaan masyarakat bahawa jumlah pekerja asing dalam negara ini adalah pada kadar berjuta-juta ini tidak betul. Ini kerana yang mendaftar di bawah program *rehiring* ini yang dengan tujuan untuk hendak menghalalkan pekerja asing tanpa izin ini adalah baru menunjukkan kadar 103,000 orang.

Jadi saya berharap, saya ulang sekali lagi MTUC marilah bersama-sama KDN kita perjuangkan hak pekerja-pekerja *local* kita. Banyak pekerja *local* kita lebih berpendidikan tinggi berbanding dengan pekerja asing yang kita import. Sekarang ini pun kita import pekerja asing pun bukan pekerja asing yang mempunyai *skill* yang tinggi. Kita masih ada masalah yang baru iaitu masalah penyakit berjangkit yang dibawa oleh pekerja-pekerja yang kita bawa daripada negara-negara asing ini.

Jadi kalau kita dapat bekerjasama di antara MTUC dengan KDN kita yakinkan majikan supaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing ini. Saya rasa itu merupakan satu langkah baik juga ke arah matlamat untuk mengurangkan jumlah pekerja asing tanpa izin dalam negara kita ini. Terima kasih.

**6. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan :-

- (a) apakah bentuk-bentuk galakan kerajaan terhadap pembeli-pembeli kenderaan supaya dapat menarik minat mereka untuk membeli kenderaan “*energy efficient*” atau EEV dan Hybrid memandangkan permintaan terhadap kenderaan mesra alam sekitar ini masih lagi tidak memberangsangkan; dan
- (b) mengapakah kenderaan EEV dan Hybrid tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pembeli kereta.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Jawapan kepada bahagian (a) soalan Yang Berhormat berkaitan dengan kenderaan *energy efficient* ataupun kenderaan cekap tenaga. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat tiga jenis enjin, yang pertama ialah apa yang dipanggil enjin konvensional iaitu *Internal Combustion Engine* (ICE), yang kedua enjin hibrid, ketiga kereta menggunakan elektrik, *electric vehicle*. Itu tiga jenis enjin dalam kenderaan.

Di bawah Dasar Automatif Negara 2014, kerajaan telah mentakrifkan *energy efficient vehicle* ataupun yang kenderaan cekap tenaga. Kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar secara lebih efisien dan juga berkaitan dengan pelepasan bahan asap. Jadi ia meliputi kenderaan konvensional bertenaga efisien, hibrid dan kenderaan elektrik ataupun EV. Jadi mana-mana kenderaan yang mana bahan bakar yang digunakan lebih baik, lebih rendah daripada konvensional maka ditakrifkan sebagai EV.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pengeluaran kereta-kereta bertenaga efisien kerajaan telah memberikan insentif tertentu termasuklah pengecualian duti import dan duti eksais umpamanya untuk tempoh 20 Januari 2014 hingga Disember 2015 bagi CKD kenderaan hibrid tidak dikenakan dikecualikan duti import dan duti eksais dan selepas itu pada Januari 2014 hingga Disember 2017 diberikan kepada kenderaan elektrik CKD. Jadi ini langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan penggunaan kereta bertenaga efisien ataupun EV.

So, kita kena maklumkan bahawa penggunaan EV telah meningkat dengan mendadak dengan langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan iaitu pada tahun lalu peningkatannya sebanyak 33.9% daripada jumlah kenderaan penumpang sebanyak kira-kira sebanyak 600,000 unit, kira-kira 200,000 unit adalah kenderaan yang dianggap yang ditakrifkan kerajaan sebagai EV iaitu kira-kira 33.9%.

Jadi adalah tidak benar mengikut tanggapan Yang Berhormat bahawa kenderaan EV dan hibrid tidak mendapat sambutan. Sebenarnya mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ini adalah selari dengan hasrat kerajaan yang pertamanya untuk mengurangkan dengan izin *carbon emissions* yang kedua ialah untuk mengurangkan penggunaan tenaga ataupun bahan bakar dalam kenderaan-kenderaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri.

Untuk mencapai matlamat Malaysia sebagai pusat atau hab automatif serantau EEV. Inisiatif ini masih ada kesungguhannya dalam melaksanakan dasar ini kerana tidak semua pengeluar kereta di negara ini berusaha mengeluarkan kereta bertaraf EEV. Apa yang ada sekarang ini mungkin ada yang banyak yang ada yang kita lihat ialah hibrid. Hibrid ia sebahagian daripada EEV.

Insentif yang ada untuk keluarkan hibrid ini pun menggalakkan mereka hanya setakat mencapai taraf hibrid bukan kepada EEV. Melainkan ada juga kesungguhan BMW misalnya yang menggunakan status EEV untuk mempromosikan kenderaan mereka dan juga mengurangkan harga.

Jadi untuk mencapai matlamat ini kesungguhan kita itu – apakah inisiatif kerajaan supaya apakah kita perlu mengadakan *target*, sasaran bagi pengeluar-pengeluar kereta tempatan untuk mengeluarkan kereta EEV. Terima kasih.

■1130

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada sembilan jenama kenderaan yang sudah diiktirafkan oleh kerajaan sebagai kenderaan yang menepati takrif EEV ataupun kenderaan cekap tenaga, termasuklah kenderaan yang disebut Yang Berhormat Telok Kemang tadi iaitu BMW. Sebagai makluman yang paling banyak bilangan kenderaan EEV modelnya ialah Perodua Axia. Ini merupakan kenderaan yang paling laris di pasaran dan ia menepati takrif kerajaan sebagai kenderaan yang EEV.

Kenapa ia cekap tenaga kerana kereta-kereta ini jika ia 1000cc dan ke bawah, maka penggunaan minyak bahan bakarnya ialah bagi setiap lima liter dia dapat lebih 100 kilometer. Itu takrif 1000cc ke bawah. Kalau lima liter digunakan, kalau perjalanannya lebih 100 kilometer dianggap sebagai kenderaan cekap tenaga. Jadi, yang paling laris pada masa ini ialah Perodua Axia, sembilan model termasuklah BMW. Malaysia berhasrat untuk menjadikan yang pertama ialah untuk mempopularkan kenderaan dalam negara kerana pertamanya menggunakan bahan bakar yang lebih rendah.

Kedua, mengeluarkan dengan izin, *carbon emission* lebih rendah—hendak galak dalam negara. Kedua kita hendak jadikan Malaysia sebagai *hub* di pasaran serantau, yang ini belum tercapai lagi. Maknanya kita bukan sahaja hendak menggalakkan penggunaan dalam negara tetapi kita hendak jadikan Malaysia *hub* serantau hendak pastikan kenderaan mengeluarkan dalam negara ini mampu untuk mengeksport kenderaan keluar negara. Itu belum tercapai lagi. Apa pun dalam negara kita rasa ada kejayaan kerana 34 peratus berjumlah kenderaan yang ada atas jalan Malaysia ini kita anggap sebagai kenderaan EEV dan bilangannya tahun lepas 200,000. Berjaya dalam negara dan luar negara belum lagi berjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

### 11.32pg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan kenderaan EE ataupun EEV ini. Ini adalah satu inisiatif yang selari dengan hasrat kerajaan sebenarnya untuk menurunkan pencemaran udara, menurunkan pengeluaran karbon dioksida sebanyak 45 peratus kepada KDNK by 2030. Ini juga pada akhirnya akan mengurangkan pemanasan global dan juga akan mengurangkan dan menolong dunia ini untuk mengurangkan masalah perubahan cuaca. Jadi ini satu inisiatif yang penting dari segi pencemaran alam, dari segi *business*.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah status penyelidikan tentang kereta hibrid ataupun EEV ini ke atas kereta nasional seperti Proton dan Perodua. Sebab kita sudah dengar kerajaan sudah mula mencerita tentang ini sejak 2012 dan Malaysia ini hendak jadikan hub katanya menjelang 2015, sekarang kita sudah 2016. Jadi apa statusnya? Apakah sebenarnya jenis kenderaan EEV yang sesuai dengan Malaysia ini dari segi geografinya, dari segi cuaca yang terbaik di sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Betul kata Yang Berhormat Bagan Serai. Tujuan kita adalah antara lain untuk mengurangkan pencemaran alam yang mengurangkan *carbon emission*. Ini juga satu perkara yang penting yang menjadi dasar dan hasrat negara. Berkaitan dengan kemajuan setakat ini, Proton pernah mempelopori satu usaha tiga empat tahun lepas untuk mengambil bahagian dalam usaha memperkenalkan kereta elektrik dan malangnya belum lagi berjaya. Mengikut laporan yang kita terima, Proton sudah pun ada berhubung dengan ataupun telah menjalankan

penyelidikan dengan syarikat LG daripada Korea dan sudah pun ada kejayaan tetapi belum dikomersialkan lagi.

Jadi setakat ini usaha-usaha di Malaysia oleh Proton telah dimulakan tiga empat tahun yang lalu belum lagi dikomersialkan. Usaha ini pada masa ini antara Proton dengan syarikat LG di Korea Selatan. Berkaitan dengan apa yang sesuai untuk negara kita, sudah pasti kita mana-mana kenderaan yang mampu untuk mengurangkan pencemaran alam sudah pasti ini yang sesuai. Setakat ini kita sebenarnya belum lagi merangka *standard* piawaian untuk *carbon emission*. EV ini definisinya dua.

Pertama menggunakan bahan bakar yang lebih rendah pada enjin konvensional. Kedua yang mengeluarkan asap ataupun yang kurang mengeluarkan asap, yang kurang mencemarkan alam. Jadi, kriteria yang pertama itu pengurangan dalam penggunaan bahan bakar sudah pun ditepati oleh sembilan buah jenis kereta yang sudah pun dikeluarkan dalam negara ini. Pihak kerajaan sedang merangka kaedah-kaedah ataupun piawaian bagi menentukan kereta mana yang layak di anggap sebagai *energy efficient* berdasarkan kepada dengan izin *carbon emission*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itu, pertanyaan-pertanyaan untuk jawab lisan pagi ini.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

#### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

#### **PELAN PELAKSANAAN MITIGASI BAJIR DI KAWASAN KLANG**

##### **11.36pg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk bincang dan bahas isu berkait dengan banjir di Klang di mana dua pertiga daripada Klang telah di bawah *under water* pada 15 Mei. Tuan Yang di-Pertua saya baca semua kah ataupun....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** You have to read Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahawa dengan ini adalah untuk memberi notis di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk mengusulkan perkara tentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendaki disegerakan seperti berikut:

“Bahawa Dewan mengizinkan saya, Charles Anthony Santiago, Ahli Parlimen Klang untuk menangguhkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendaki disegerakan iaitu Kerajaan Persekutuan Harus Mengambil Alih Pelaksanaan Pelan Mitigasi Banjir di Klang.

Pada hari ahad yang lepas (15 Mei) rakyat di kawasan Parlimen Klang terpaksa menghadapi banjir yang amat teruk sekali. Lebih kurang dua pertiga daripada Klang adalah di bawah air pada petang hari berkenaan. Banjir ini menenggelamkan sebanyak 15 hingga 20 taman perumahan, bank-bank, industri kecil dan sederhana termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Ini telah menyebabkan kerosakan harta benda dan kerugian pada ahli peniaga. Penduduk hidup dalam keadaan takut walaupun hujan yang renyai.

Kawasan ini telah dibanjiri dua minggu lalu dan ini menunjukkan bahawa ada masalah berstruktur. Malah hujan hingga 20 hingga 30 minit boleh menyebabkan banjir. Rakyat Klang percaya bahawa masalah ini boleh diselesaikan jika sekiranya pihak berkuasa seperti Jabatan Pengairan dan Saliran dan Majlis Perbandaran Klang termasuk dengan JKR mempunyai kemauan politik untuk menyelesaikan isu ini memandangkan masalah banjir ini adalah suatu masalah yang begitu lama.

Kemungkinan terdapat unsur penyelewengan atau rasuah memandangkan kolam tadahan air yang baru dibina tidak berfungsi pada waktu banjir melanda dan dikatakan pam rosak. Banjir ini adalah hasil daripada kegagalan perancangan (*failure of planning*) dan juga *failure* untuk kekurangan pelaksanaan pelan mitigasi banjir.

Jabatan Meteorologi mengatakan bahawa keadaan cuaca ataupun La Nina akan meningkatkan hujan dan kemungkinan banjir adalah tinggi. Sebagai kesediaan untuk menangani La Nina, JPS termasuk dengan MPK perlu mengimplementasikan pelan mitigasi banjir dalam masa yang singkat supaya dapat memberi keyakinan kepada rakyat Klang bahawa banjir besar-besaran tidak akan berlaku di Klang.

Sehubungan dengan itu, satu laporan audit mesti dijalankan atau dikemukakan oleh JPS supaya kelemahan dapat dikenal pasti. JPS juga perlu diberi peruntukan yang lebih tinggi menangani masalah ini. Oleh yang demikian, Dewan yang mulia ini harus membahas permohonan ini demi kepentingan rakyat dan kerajaan ada tanggungjawab untuk menentukan kualiti kehidupan rakyat dijamin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima suatu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Klang pada hari Rabu, 18 Mei 2016. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat kawasan Klang sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua telah berpuas hati beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu;

- (i)      bahawa perkara itu tertentu;
- (ii)     bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii)    ialah berkehendak disegerakan.

■1140

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, berkepentingan orang ramai, dan perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan Usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6), Usul ini akan dibahaskan pada jam 2.30 petang di Kamar Khas. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERTAHANAN AWAM (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertahanan Awam 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN GAS (PINDAAN) 2016**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[19 Mei 2016]**.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**11.43 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Dasar pada hari Khamis, 19 Mei 2016. Terima kasih juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim kerana membantu saya dalam pembentangan Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016 ini.

Pada hari tersebut, saya telah sempat menjawab beberapa soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Kangar berkenaan akta pindaan termasuk aspek alam sekitar. Izinkan saya pada pagi ini menyambung semula untuk menjawab soalan-soalan daripada tujuh lagi Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Stampin.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]**

Saya telah membahagikan soalan ataupun isu yang dibangkitkan mengikut enam kategori isu iaitu isu pelesenan, isu bekalan, isu infrastruktur dan kemudahan bekalan gas, isu dasar kerajaan, isu persaingan dan isu prospek masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sepuluh pertanyaan berkaitan isu pelesenan. Yang Berhormat Kangar ingin mendapatkan penjelasan berkenaan syarat ataupun kriteria yang dikenakan sebelum pihak ketiga diberikan akses dan adakah ia hanya tertumpu kepada syarikat tempatan atau syarikat antarabangsa. Juga, adakah standard yang sama akan diguna pakai dalam pemberian lesen pengiriman kepada pemohon daripada negara-negara lain.

Yang Berhormat Kelana Jaya pula ingin mendapatkan penjelasan berkenaan kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan lesen pengangkutan dan apakah ini akan memberi pemegang lesen itu status monopoli.

Yang Berhormat Kelana Jaya juga membangkitkan perkara yang berkaitan perbezaan di antara kelulusan lesen oleh Menteri dan kelulusan lesen oleh Suruhanjaya Tenaga, perbezaan antara subseksyen 11B(1)(a) dan subseksyen 11B(1)(b) dan juga kuasa *discretionary* yang diberikan kepada Suruhanjaya Tenaga untuk menetapkan tempoh lesen sama ada adalah terlalu besar dan mencadangkan tempoh lesen yang ditetapkan.

Juga, tentang isu pemberian melebihi satu lesen kepada satu entiti dan larangan pindah milik serahhak dan subserahhak lesen kecuali dengan keizinan bertulis Menteri dan Suruhanjaya Tenaga.

Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan berkenaan kriteria-kriteria untuk pemilihan syarikat yang akan mengambil bahagian dalam usaha pembekalan gas dan cara penilaianya. Manakala Yang Berhormat Hulu Langat ingin mendapatkan penjelasan sama ada kerajaan akan membuka peluang dengan lebih luas lagi kepada syarikat petroleum luar negara dan tempatan memandangkan perniagaan ini melibatkan isu pelesenan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1993 oleh Menteri adalah mengikut proses dan syarat-syarat yang diperuntukkan di dalam peraturan, kod dan garis panduan yang berkaitan. Antara lain, untuk menjadi seorang pemegang lesen, sesebuah entiti hendaklah:

- (i) merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia kecuali bagi lesen pengimportan ke Terminal Penggasan Semula yang mana ia boleh hanya mempunyai tempat perniagaan di Malaysia;
- (ii) perlu mempunyai modal berbayar seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga;
- (iii) mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh;
- (iv) mempunyai kemahiran teknikal seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan,
- (v) mematuhi apa-apa keperluan tambahan lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga dari semasa ke semasa.

Proses dan syarat-syarat pemegang lesen yang termaktub di dalam peraturan, kod dan garis panduan perlu diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Menteri mempunyai peranan yang penting untuk menentukan ketelusan sistem proses yang ada bagi meningkatkan tadbir urus supaya telus dan adil dalam aktiviti pengeluaran lesen oleh Suruhanjaya Tenaga.

Daripada segi kelulusan lesen pula, ada tujuh jenis lesen di bawah akta pindaan akan dikeluarkan dengan dua cara berikut:

- (i) bagi lesen yang dijangka mempunyai bilangan permohonan yang banyak dan mengambil tempoh pemprosesan yang panjang seperti lesen pengimportan ke Terminal Penggasan Semula, pengiriman,

peruncitan dan penggunaan gas, kelulusan lesen tersebut adalah diletakkan di bawah Suruhanjaya Tenaga; dan

- (ii) bagi lesen yang berkaitan dengan struktur utama atau *backbone structure*, dengan izin, sistem pembekalan gas di Malaysia seperti lesen penggasan semula, pengagihan dan pengangkutan, kuasa kelulusan adalah pada Menteri.

Terdapat dua jenis kuasa Menteri untuk pengeluaran lesen iaitu di bawah seksyen 11B (1)(a) dan 11B (1)(b) seperti berikut;

Di bawah seksyen 11B(1)(a), Suruhanjaya Tenaga boleh mengeluarkan lesen penggasan semula dan pengagihan melalui proses dan syarat-syarat tertentu dengan kelulusan Menteri.

Manakala di bawah subseksyen 11B(1)(b), Suruhanjaya Tenaga boleh mengeluarkan lesen pengangkutan kepada seseorang yang ditetapkan oleh Menteri. Ini kerana seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang bermaksud “*person* includes a body or persons, corporate or unincorporate, dengan izin.

Sehubungan dengan ini, seksyen 11B(1)(b) tidak ada perbezaan yang ketara dengan 11B(1)(a) kerana lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada proses dan peraturan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tempoh lesen adalah...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, boleh mencelah atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. Terima kasih kepada Menteri. Saya tidak setuju langsung dengan apa yang Menteri kata tadi bahawa tidak ada perbezaan ketara di antara 11B(1)(a) dan 11B(1)(b). Subseksyen (1)(a) jelas menunjukkan bahawa *Commission may grant* dengan *approval of the Minister*.

#### ■1150

Padahal 11B(1)(b) pula *Minister* yang *designate* siapa yang boleh dapat lesen dan selepas itu komisen *grant*. Ia berlainan dan ia memang berlainan. *I mean both are different* dengan izin, *the meaning also different*. Sila - kalau boleh Yang Berhormat Menteri, apakah bezanya *regasification distribution of gas*? Kenapa yang itu diberi kuasa kepada komisen tetapi dengan *approval Minister*? Akan tetapi untuk isu *transportation gas*, *Minister* yang *designate* selepas itu minta komisen untuk *grant* pula. Ia ada perbezaan yang ketara sekali. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan dengan lebih detil dan kenapakah berlainan dua polisi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya sebutkan tadi ada dua jenis lesen iaitu yang pertama bagi lesen yang dijangka mempunyai bilangan permohonan yang banyak dan mengambil tempoh pemprosesan yang panjang seperti lesen pengimportan ke terminal penggasan semula, pengiriman, peruncitan dan penggunaan gas dan kelulusan lesen tersebut adalah di bawah Suruhanjaya Tenaga.

Kedua adalah bagi lesen yang berkaitan dengan struktur utama ataupun *backbone structure* seperti lesen penggasan semula, penagihan dan pengangkutan. Kuasa kelulusan adalah pada Menteri. Daripada yang disebutkan tadi ada dua jenis. Penggasan semula dan pengagihan melalui proses dan syarat-syarat tertentu dan ini dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Menteri dan di bawah seksyen 11B(1)(b) Suruhanjaya Tenaga boleh mengeluarkan lesen pengangkutan kepada seseorang yang ditetapkan oleh Menteri. Jadi ia ada penggasan semula, pengagihan dan yang ketiga itu ialah pengangkutan ataupun *transport*. So, ini yang beza ia.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kedua-dua bangun Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh izinkan saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, tidak fahamlah. Yang Berhormat Menteri boleh bagi contoh? Contoh spesifik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Okey, okey. Tuan Yang di-Pertua, perbeaan ini bagi lesen pengangkutan yang kita sebut itu *transportation* ia ditetapkan oleh Menteri kerana ia melibatkan aset dan melibatkan pelaburan yang tinggi dan tindakan *unequally efficient* untuk membina talian paip pengangkutan yang kedua. Jadi ini bermakna kerana ia merupakan satu pelaburan yang tinggi adalah penting supaya ia diasingkan. Jadi banyak *consideration* untuk memastikan bahawa tidak ada *duplication* dan supaya pelaburan yang dilaksanakan itu adalah optimum. Jadi, kalau boleh...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya celah sekali lagi? Kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya terpulang kepada Yang Berhormat Menteri kalau Yang Berhormat Menteri beri laluan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Jadi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kalau boleh saya *go through* semua dan *at the end* kita boleh balik kepada isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tempoh-tempoh lesen yang akan dikeluarkan adalah sedang dalam proses kajian dan perkembangan oleh kerajaan. Sebagai contoh, bagi lesen import ke dalam terminal penggasan semula dicadangkan pada tahap lima tahun bagi lesen penggasan semula, lesen pengangkutan dan pengagihan pada tahap 20 tahun. Lesen pengiriman dan juga lesen peruncitan pada kadar 10 tahun. Manakala bagi lesen gas persendirian adalah pada jangka masa setahun.

Cadangan pindaan akta membenarkan Suruhanjaya Tenaga untuk mengeluarkan lebih daripada satu lesen kepada satu entiti adalah terpakai kepada aktiviti peruncitan dan penggunaan gas persendirian sahaja. Perkara ini adalah dibenarkan kerana lesen yang berasingan akan dikeluarkan bagi aktiviti peruncitan gas dan penggunaan gas berdasarkan kawasan pembekalan masing-masing.

Bagaimanapun seksyen 11B(2)(a) memperuntukkan bahawa lesen hanya boleh dikeluarkan kepada satu entiti sekiranya tiada konflik kepentingan dalam pelaksanaan tugas pemegang lesen tersebut. Suruhanjaya Tenaga akan mengeluarkan garis panduan bagi permohonan lesen bagi memastikan tiada konflik dalam pengeluaran lesen. Sebagai contoh, pihak yang ingin memegang lesen pengangkutan ataupun *transporter* tidak boleh memegang lesen pengiriman ataupun *shipper license*. Ini bagi mengelakkan berlakunya konflik kepentingan di antara kedua-dua pemegang lesen.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]**

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Manakala seksyen 11B (4) menetapkan larangan pindah milik, serah hak dan sub serah hak lesen kecuali dengan keizinan bertulis Menteri. Halangan ini dikenakan untuk mengelak daripada berlakunya pengkomersialan lesen yang dikeluarkan yang boleh menyebabkan kesukaran mengawal selia aktiviti pemegang-pemegang lesen. Sebagai contohnya sekiranya larangan ini tidak wujud, pemegang lesen bebas untuk menjual lesen yang dikeluarkan kepada mereka kepada pihak yang menawarkan harga yang paling tinggi dan memindah milik lesen tersebut sewenang-wenangnya. Ini adalah suatu situasi yang tidak diingini berlalu dan tidak akan membawa sebarang manfaat kepada industri pembekalan gas negara.

Namun demikian, terdapat situasi di mana lesen perlu dipindah milik, serah hak atau di sub serah hak untuk memastikan keberterusan dan sekuriti bekalan gas. Contohnya apabila pemegang lesen telah diisyiharkan bankrap, dalam situasi ini untuk memastikan jaminan bekalan yang berterusan lesen tersebut bolehlah dipindah milik kepada pihak yang dikenal pasti layak oleh Suruhanjaya Tenaga berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya balik kepada isu 11B(1)(b) dan juga 11B(4) isu tentang lesen dan *transfer assignment*.

11B(1)(b) itu ini ialah kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kuasa luar biasa di mana dia *designate* siapa yang boleh dapat lesen *transportation*. Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa ini adalah satu *provision* oleh kerana banyak *investment* terlibat, *investment* terbesar sekali. Kalau *investment* besar sekali, jangan bagi pada seorang kuasa itu untuk *decide*, bagi kepada komuniti ataupun *Energy Commissions*. Sebenarnya yang *Energy Commission* 10 orang duduk dalam *board* itu bolehlah berbincang dengan lebih terperinci kepada isu-isu yang terbesar iaitu *very big investment*. Kenapa bagi kepada seorang Perdana Menteri untuk membuat keputusan? Ini adalah *bad governance*, undang-undang ini tidak masuk akal. Menunjukkan bahawa monopoli dibenarkan dan keputusan luar biasa diberi kepada seorang sahaja. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri *state your position as the technocrat* bukan *as a electoral representatives*. Sebagai seorang teknokrat yang dibawa oleh kerajaan untuk masuk tolong dia, kenapa you *take anti competition policy*?

Nombor dua, 11B(4) kalau betul-betul hendak memberi larangan kepada orang untuk jual lesen, *full stop* di tempat dikatakan tidak boleh *dispose*. Kenapa diberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk *overwrite* ataupun untuk beri *approval* lebih? Kenapa diberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membenarkan lesen-lesen dijual?

Isu tentang kebankrapan Yang Berhormat Menteri, *you are used to be CEO Bank, Maybank*. *We respect you a lot*, kita semua di *governance*, di luar syarikat-syarikat besar tengok bagus *appointment* Senator. Akan tetapi tidak akan Senator tidak tahu bahawa isu ini – bahawa Yang Berhormat Menteri tidak tahu kebankrapan *wasting order* boleh dilakukan tanpa undang-undang sebegini. *The continuance of the gas apply* boleh dilakukan mengikut undang-undang. Tidak semestinya seorang bankrap, *gas supply* tutup. *Wasting of order*. Syarikat itu boleh jual syarikat entiti dia, ya. Kalau Syarikat ABC dapat, you jual saham ABC lah. Kenapa ini – inilah *provision* untuk *transfer of license*, *this is not about taking over a failing company that supply gas*.

Jadi pada pendapat saya Yang Berhormat Menteri, saya memang *disappointed* to say about this tetapi saya memang minta Yang Berhormat Menteri boleh atau tidak tangguhkan pindaan ini, bawa balik kemaskan dan – ini adalah satu *opportunity* kita pada masa debat kepada *community stage*. Kalau boleh silalah buat yang betul. Pastikan negara kita nampaknya maju terhadap *better corporate governance*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma Yang Berhormat Menteri disebut 11B(1)(a) dan juga (1)(b) dan juga 11B(4). Perkataan yang tertulis ini adalah Menteri. Saya tidak jumpa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya seorang Perdana Menteri.

**Seorang Ahli:** Mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya tanya Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan.

■1200

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang disebutkan di sini adalah Menteri yang bertanggungjawab di dalam polisi minyak dan gas. Buat masa ini, Menteri tersebut adalah Menteri yang bertanggungjawab, termasuklah Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab perkataannya adalah Menteri dan...

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Itu portfolio.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...tidak disebutkan Perdana Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, saya harap Yang Berhormat Kelana Jaya bersangka baiklah dalam *approach* kita ini. Kita membentangkan rang undang-undang ini adalah untuk membolehkan antara lainnya pihak ketiga mendapat akses kepada rangkaian yang sedia ada. Jadi, ini merupakan satu penambahbaikan daripada sistem yang ada sekarang ini. Saya mohon agar kita melihat secara keseluruhan, secara pragmatik. Apa yang kita bezakan, 11B(1)(a) dengan 11B(1)(b) ini adalah kerana kita asingkan pelesenan untuk pengangkutan.

Ini adalah kerana talian paip pengangkutan ini ia merupakan satu talian paip yang besar yang bertekanan tinggi. Di Malaysia ini sekarang ini hanya ada satu iaitu *the Peninsular Gas Utilization (PGU)* yang dilaksanakan oleh Petronas Gas dan ini merupakan satu infrastruktur yang penting. Oleh sebab itulah kita hendak pastikan bukan sesiapa sahaja yang boleh diberikan lesen ini. *This is very very important*, dengan izin. Dari segi prosesnya, walaupun kuasa ini terletak pada Menteri tetapi prosesnya masih lagi dibuat oleh pegawai-pegawai di Suruhanjaya Tenaga. Jadi, ini proses kita. Diharap Yang Berhormat Kelana Jaya bersangka baiklah dengan hasrat dan niat kita. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat Menteri. Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya lihat apabila ada pindaan RUU, sebenarnya untuk penambahbaikan. Akan tetapi bagi menjaga kepentingan pengguna, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri sama ada dengan RUU ini akan ada apa-apa bentuk peningkatan harga gas yang akan berlaku yang mungkin akan membebankan kepada pengguna. Oleh kerana apa saya lihat di sini, setiap bayaran bagi penggunaan paip gas macam serupa kita buat lebuh raya, tol jalan.

Keduanya, penalti bagi penggunaan pihak-pihak pengguna yang melebihi atau kurang daripada kadar yang dikenakan oleh Petronas. Misalnya, yang akan berlaku kalau di Melaka, kalau Jana Kuasa Panglima terpaksa mengambil kuantiti gas yang lebih daripada yang telah kita janjikan ataupun yang telah kita tandatangani, maka ia akan dikenakan penalti oleh

Petronas. Begitu juga kalau dalam masa yang sama kalau Jana Kuasa Pahlawan pula terpaksa hentikan kerana ada apa-apa *emergency* dan jana kuasa ini juga akan dikenakan penalti oleh Petronas. Jadi, semua penalti ini akan dibil melalui TNB yang seterusnya akan ditanggung oleh pengguna. Jadi, saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, tentang isu peningkatan harga ini, tujuan kita untuk membenarkan *third party access*, dengan izin, adalah untuk membolehkan persaingan wujud. Apabila wujudnya persaingan, *insya-Allah* kita merasakan harga ini akan lebih kompetitif dan ini juga akan memberi pilihan kepada pengguna-pengguna gas untuk memilih pembekal mereka. Jadi, ini juga akan saya jawab berkenaan dengan soalan-soalan yang telah disoalkan sebelum ini. Jadi, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan. Terdapat sebanyak enam pertanyaan daripada Yang Berhormat Kangar, Beruas dan Hulu Langat berkaitan dengan isu bekalan.

Yang Berhormat Kangar membangkitkan sama ada kerajaan akan mengenakan sebarang caj tambahan sekiranya pembekal gas menghadapi kekurangan bekalan apabila pindaan akta ini diluluskan. Manakala, Yang Berhormat Beruas membangkitkan berkenaan polisi kerajaan untuk memastikan bekalan gas mencukupi dan berharga munasabah serta langkah yang akan diambil oleh kerajaan jika harga gas meningkat dan juga langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi gangguan bekalan pada masa hadapan. Manakala Yang Berhormat Hulu Langat pula membangkitkan berkenaan apakah bekalan gas negara tidak mencukupi sehingga kita perlu mengimport LNG daripada luar negara. Dengan pelaksanaan akses pihak ketiga, adakah *reserves gas* Malaysia boleh bertahan sehingga 39 tahun akan datang? Adakah sebarang perjanjian pembelian gas dengan Australia pada tahun 2015 wujud?

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar mengenai pengenaan sebarang caj tambahan apabila pembekal gas menghadapi kekurangan bekalan gas selepas Akta pindaan ini diluluskan. Sukacita saya memaklumkan, harga gas tidak lagi dikawal selia oleh kerajaan kerana ia berdasarkan harga pasaran. Melalui kerangka akses pihak ketiga, pembekal dan pengguna gas tertakluk kepada perjanjian jual beli di antara mereka. Dalam keadaan harga pasaran yang sudah direalisasikan, kerajaan tidak akan mengenakan sebarang caj tambahan apabila berlaku kekurangan gas. Ini adalah kerana kerajaan tidak lagi akan campur tangan dalam menentukan harga gas yang berdasarkan harga yang dipersetujui oleh pembekal dan pengguna.

Bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas berkenaan bekalan dan harga gas untuk menampung permintaan yang semakin bertambah daripada sektor industri, kerajaan telah meneroka pelbagai sumber alternatif untuk bekalan gas seperti pengimportan gas asli cecair atau LNG yang dilakukan menerusi terminal penggasan semula. Contohnya, terminal penggasan semula di Melaka mempunyai kapasiti 3.8 juta tan setahun, manakala pembinaan terminal penggasan semula di Pengerang Johor yang berkapasiti 3.5 juta tan setahun sedang rancak dijalankan bagi menampung permintaan gas di masa hadapan dan dijangka beroperasi pada tahun 2018. Untuk memastikan harga gas yang munasabah, pada

masa ini harga gas berpaip dikawal selia oleh kerajaan, di mana bagi sektor elektrik pada kadar RM18.20 sen sejuta *British thermal unit*, dengan izin...

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** ...dan bagi sektor bukan elektrik, pelanggan Gas Malaysia Berhad pada kadar purata RM25.53 *per milion British thermal unit*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Mersing bangun, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Sebentar, bagi saya habis ini. Manakala, harga gas asli cecair (LNG) adalah berdasarkan harga pasaran iaitu pada anggaran RM33 per MMBTU. Dalam hubungan ini, kerajaan akan sentiasa memantau harga gas di pasaran tempatan supaya ia adalah berpatutan. Apabila akses pihak ketiga diperkenalkan, situasi pasaran juga akan sentiasa dipantau oleh kerajaan untuk memastikan keadaan pasaran yang sihat dan kondusif. Akses pihak ketiga akan membolehkan lebih ramai peserta menyertai pasaran gas dan manfaat akhirnya akan dapat dinikmati oleh pengguna di Malaysia, khususnya dari segi harga yang lebih kompetitif apabila terdapat persaingan yang sihat dalam industri berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi gangguan bekalan gas pada masa hadapan termasuklah meningkatkan pembangunan infrastruktur baharu gas serta meningkatkan kerja-kerja penyenggaraan. Sementara itu, bagi menghadapi situasi kecemasan, satu *swing fuel*, dengan izin, di pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia akan menyediakan isi padu tambahan gas asli antara 100 hingga 200 juta kaki padu sehari ataupun *million standard cubic feet per day*, dengan izin. Isi padu tambahan ini berserta isi padu penimbang sebanyak 15% daripada kapasiti penyimpanan terminal penggasan semula di Sungai Udang, Melaka akan memenuhi permintaan gas di Semenanjung Malaysia. Bagi menjawab pertanyaan Hulu Langat berkaitan isu pengimportan LNG ke Semenanjung Malaysia, *reserves gas* dan perjanjian pembelian gas daripada Australia. Sebenarnya Malaysia telah mula mengimport LNG dari pelbagai negara pada tahun 2013 apabila beroperasinya terminal penggasan semula di Sungai Udang, Melaka.

## ■1210

Situasi kekangan gas di Semenanjung Malaysia ini telah berlaku pada tahun 2009 di mana bekalan gas tempatan tidak dapat menampung peningkatan permintaan gas tempatan dan bertambah kritikal pada tahun 2010 sehingga pertengahan tahun 2013 ekoran insiden kebakaran yang berlaku di platform Bekuk C. Kesan daripada insiden berkenaan telah menyebabkan bekalan gas terpaksa dihadkan bagi memastikan jaminan bekalan gas yang berterusan dan integriti sistem bekalan gas tidak terus terjejas. Keutamaan telah diberikan kepada pengguna-pengguna sektor industri dan sektor elektrik. Walaupun sektor ini juga telah diminta untuk menggunakan bahan api alternatif seperti diesel sebagai ganti sehingga bekalan dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu rizab gas pula. Berdasarkan tahap pengeluaran gas pada tahun 2015, dengan anggaran purata 6,100 juta kaki padu sehari, rizab

gas Malaysia yang sebanyak kira-kira *16.7 billion barrel of oil equivalent* dengan izin ia dijangka akan bertahan sehingga 45 tahun akan datang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, rizab minyak negara pula ialah sebanyak *5.9 billion dollar of oil equivalent* dengan izin dan berdasarkan purata pengeluaran sebanyak 681,000 tong sehari, rizab minyak kita boleh bertahan selama 25 tahun lagi. Untuk itu, kita perlu maklum bahawa polisi kerajaan untuk memastikan kemapanan pengeluaran minyak dan gas ini telah pun diiktiraf oleh Bank Dunia yang menyebut Malaysia sebagai *success story when it comes to harnessing natural resources for development* dengan izin. Ini dimuatkan dalam laporan Bank Dunia pada bulan Jun 2013.

Ini juga kerana Malaysia mengamalkan satu dasar ataupun polisi *overall resources replenishment rate* yang memberi satu kali di mana kita mengeluarkan minyak pada kadar yang lebih kurang berbanding dengan penemuan rizab baru kita. Jadi sebab itulah yang saya sebutkan tadi, rizab gas kita boleh bertahan selama 45 tahun dan rizab minyak kita *insya-Allah* boleh bertahan selama 25 tahun lagi. Jadi jaminan bekalan gas melalui sumber dalam negara dijangka akan lebih kukuh dengan pengenalan akses pihak ketiga yang membolehkan pengguna-pengguna gas memilih untuk mendapatkan bekalan gas daripada pembekal-pembekal gas dari luar negara sama ada melalui Petronas atau pihak ketiga yang lain. Ini kerana dari semasa ke semasa harga gas daripada luar mungkin lebih murah dan dengan adanya sistem akses ketiga ini membolehkan pihak-pihak untuk mengimport gas pada harga yang lebih murah yang menjawab semula soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiada perjanjian pembelian gas dari Australia yang telah ditandatangani pada 2015. Walau bagaimanapun, Petronas mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 27.5% dalam projek *Let's Tour LNG* di Australia untuk tujuan pelaburan sumber gas di luar negara. Melalui pegangan ekuiti ini, Petronas mempunyai akses kepada LNG yang dikeluarkan oleh projek tersebut dan boleh membawa kargo LNG yang dihasilkan daripada projek ..... ke serata dunia termasuklah di Malaysia. Yang Berhormat Mersing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Dah lupa dah Tuan Yang di-Pertua, hilang stim dah. *[Ketawa]* Saya nak tanya kerana ada negara berperang kerana gas. Gas ini adalah satu *energy* dan ia adalah satu elemen sekuriti kepada negara. Kalau tengok soalan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya, seolah-olah banyak sangat salah guna kuasa oleh menteri. Jadi saya hendak tanya, semangat dan juga *spirit* kepada pindaan ini adalah untuk- dulu gas ini semua monopolii oleh Petronas. Kuasa kepada *Energy Commission* amat terhad. Bila rang undang-undang ini dipinda, ia memberi ruang kepada *Energy Commission* untuk mempunyai kuasa yang lebih. Bukan begitu Yang Berhormat Menteri?

Jadi soalan saya, sewaktu gas ini dimonopoli oleh Petronas, adakah penyalahgunaan kuasa yang memang ada pada kuasa menteri?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Tuan Yang di-Pertua, setahu saya walaupun dalam kedudukan monopoli sekarang ini, saya tidak pernah *come across* dengan izin situasi di mana ada penyalahgunaan kuasa sama ada oleh Petronas ataupun oleh menteri. Kita perlu *observe this spirit intention* dengan izin yang kita hendak buat ini ialah penambahbaikan untuk membolehkan lebih persaingan wujud dan ini melibatkan peranan yang lebih penting diberikan kepada Suruhanjaya Tenaga.

Kalau kita lihat selain daripada akta ini, akan wujudnya pelbagai *code guidelines* yang akan diterbitkan oleh Suruhanjaya Tenaga untuk memantau dan menyelia industri bekalan gas ini.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan, penjelasan boleh tak?

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Sambung balik.

**Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad [Mersing]:** Sambung balik. Adakah negara-negara lain yang buat macam kita? Saya pasti Yang Berhormat Menteri dah kaji semua sekali untuk memastikan sekuriti kepada *energy* ini sentiasa terpelihara. Macam Yang Berhormat Menteri kata kita boleh *sustain* sampai 25 tahun. Adakah standard-standard dalam pindaan ini sama dengan negara-negara yang lain? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang semasa kita memuktamadkan rang undang-undang ini dan kita telah mengambil kira pelbagai *experience* dengan izin, pengalaman di negara-negara lain dalam dunia ini. Jadi kita mengambil pakai, yang mana yang baik kita *apply* dalam akta ini, rang undang-undang ini.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dua orang yang bangun Yang Berhormat, yang mana satu.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang depan tadi itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit penjelasan. Merujuk kepada keperluan gas tadi, saya melihat dalam laporan bahawa kita mengeksport gas ke Jepun. Jadi adakah itu juga menjadi faktor kekurangan dalam negara kita dan berapa lama kita ada ikatan ataupun kontrak dengan Jepun itu? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. Kalau boleh saya jawab ini dulu. Dalam pengurusan sumber asli kita, kita perlu memastikan bahawa terdapat keseimbangan antara jualan yang kita dapat buat kepada negara-negara luar dan juga permintaan yang perlu ada dalam negara kita. Ia juga berkait rapat dengan lokasi yang sesuai. Untuk pembekalan gas untuk negara-negara di Asia Utara, Jepun, Korea dan sebagainya, memang kedudukan lapangan gas kita di Sabah dan Sarawak memang ideal sebab *distance* nya yang dekat dan sebagainya.

Ini membolehkan kita mendapat harga yang premium. Manakala untuk yang Semenanjung Malaysia ini, mungkin lebih murah kadangkala datangnya daripada sebelah *Middle East* dengan izin dan juga kadangkala sekiranya harga gas itu terlalu murah, sekarang ini di bawah paras USD2 untuk MMBTU. Ini bukan satu yang mudah. Jadi kita kena campur dengan kos *liquidation*, dari situ kena kos *transportation* nya, kemudian kena *regas* semula. Kalau kita campur-campur itu mungkin harga itu kadangkala lebih murah daripada harga yang dibekalkan dari dalam negara sendiri.

Jadi dengan adanya sistem akses pihak ketiga ini, jadi kita boleh seimbangkan secara kesinambungan. Jadi ada kalanya lebih murah diimport, ada kalanya lebih murah kita pakai resource kita sendiri. Ia juga bergantung pada kebolehan kita untuk menandatangani perjanjian pembekalan jangka masa panjang sebab biasanya memang pihak Jepun memberikan pada kontrak yang panjang dan pada harga yang kita rasa yang baik untuk Petronas. Terima kasih.

Maaf saya tidak ada maklumat tentang *period*, kalau tidak silap saya ia ada pelbagai kontrak yang telah ditandatangani, bukannya satu. Setiapnya ada pada harga dan pada tempoh yang bersesuaian.

#### ■1220

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta penjelasan yang pendek tentang isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Mersing tadi. Yang Berhormat Mersing memang seperti sayalah kita takut pada isu tentang monopoli. Akan tetapi nampaknya tadi Yang Berhormat Mersing salah anggap bahawa dia ingat monopoli ini dipegang oleh Petronas. Kita di Dewan ini jangan memfitnah parti yang salah. Petronas tidak pegang monopoli. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab siapa sebenarnya pegang monopoli ini. Bukanakah ia bukan lain daripada Tan Sri Syed Mukhtar. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Tuan Yang di-Pertua, dia ada tujuh aktiviti yang diasingkan di bawah rang undang-undang ini iaitu pengimportan, pengiriman, *shipper* ataupun kita ada pengasian semula, ada paip penghantaran, paip pengagihan dan *retail*.

Apa yang disebutkan tadi yang *portion* yang *main one* memang Petronas. So, maknanya Petronas dan Petronas Gas bagi import, mereka juga yang pengasian semula dan kita panggil *the transporter*. Di mana PGU paip ini dimiliki oleh Petronas. Manakala Yang bahagian *distribution* itu, hanya sebahagian daripadanya adalah diberikan Gas Malaysia yang merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Mereka ini kalau dari segi nilainya dalam konteks keseluruhan pembekalan gas kecil berbanding dengan apa yang dibekalkan dan peranan yang dimainkan oleh gas.

Jadi mungkin apa Yang Berhormat Kelana Jaya cuba bayangkan itu mungkin tidak tepat. So *this is actually a smaller portion. The bigger portion* memang dikuasai oleh Petronas dan Petronas Gas buat masa ini. So, terdapat *misperception* dengan izin di situ. Tuan Yang di-Pertua kalau boleh saya teruskan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang Berhormat Jasin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada satu soalan saja. Kita lihat sekarang banyak negeri-negeri telah mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab tentang semua infrastruktur iaitu dipanggil Badan Koridor Infrastruktur di mana semua *line* sama ada TNB atau air, atau Telekom, Telco semua dalam satu koridor. Jadi adakah pemasangan paip-paip untuk gas ini disyaratkan di bawah BKI tadi ataupun dia mempunyai koridor dia sendiri. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, tentang pelaksanaannya, bagaimana koridor ini terpulanglah kepada *viability* projek dan kawasan-kawasan yang hendak dibekalkan dengan paip gas ini dengan izin. Sekiranya mereka sebagai contoh, sekarang ini wujud cadangan untuk membekalkan gas berpaip di kawasan Perak dan ini merupakan satu *investment*, pelaburan sebanyak kira-kira RM180 juta. Apabila mereka membuat *alignment* tersebut dengan izin, mereka perlulah mematuhi pelbagai aspek perundangan dan juga keperluan majlis-majlis daerah dan sebagainya. So, ini akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya teruskan. Saya ingin beralih kepada isu ketiga iaitu mengenai infrastruktur dan kemudahan gas yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Hulu Langat juga juga. Yang Berhormat Kangar telah membangkitkan berkenaan bagaimana kerajaan dapat menggalakkan penggunaan infrastruktur gas oleh pihak ketiga supaya dapat berjalan dengan lancar tanpa campur tangan dari pihak lain.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen 14 akta ini pemilik infrastruktur gas harus membenarkan penggunaan infrastruktur milik mereka sekiranya terdapat permintaan oleh pihak ketiga. Tambah pula tarif yang dikenakan untuk menggunakan infrastruktur gas adalah sama untuk semua pihak sama ada untuk pembekal sedia ada mahupun pihak ketiga di masa hadapan. Tidak ada sifat pilih kasih yang berbeza untuk perkhidmatan atau penggunaan infrastruktur yang sama.

Selain itu tarif penggunaan infrastruktur ini akan dikawal selia dan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Ini akan memastikan tarif penggunaan yang dikenakan adalah munasabah dan dapat mengelakkan campur tangan daripada pihak lain serta melancarkan penggunaan infrastruktur gas oleh pihak ketiga.

Seterusnya Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Hulu Langat telah bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk membina talian paip gas meliputi kawasan daripada Manjung ke Ipoh atau menambah lagi rangkaian paip gas yang ada sekarang umpamanya daripada Sarawak ke Semenanjung, Semenanjung ke Indonesia atau daripada Kerteh ke Kota Bharu.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, talian paip pengagihan gas di negeri Perak pada masa ini telah meliputi kawasan di Lumut, Manjung, Kamunting dan Sitiawan. Gas Malaysia Berhad mempunyai perancangan untuk membina talian paip pengagihan ke kawasan Lembah Kinta, Ipoh dengan anggaran kos sebanyak RM180 juta yang saya sebutkan tadi. Perkara ini masih dalam proses kajian oleh syarikat berkenaan dan juga dengan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan maklum bahawa cadangan paip pengagihan gas adalah penting untuk pembangunan industri di negeri Perak.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Hulu Langat berkenaan cadangan penambahan paip gas sedia ada di kawasan-kawasan tersebut, perkara ini akan dikaji oleh pemain-pemain industri untuk melihat keperluan, penambahan dan talian paip gas yang bergantung kepada permintaan dan daya maju projek. Kerajaan dijangka dengan pembangunan ekonomi yang lebih pesat, permintaan gas akan meningkat mengikut sasaran yang ditetapkan. Jika ini berlaku, kemungkinan rangkaian talian paip gas akan ditambah mengikut permintaan daripada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan persoalan isu keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas mengenai polisi kerajaan berkaitan bekalan dan harga gas serta polisi kerajaan untuk menggalakkan penggunaan gas untuk industri dan penjanaan kuasa elektrik. Kerajaan sentiasa memastikan bekalan gas adalah mencukupi pada harga yang kompetitif.

Dalam hubungan ini, usaha-usaha berterusan untuk mencari gali minyak dan gas sentiasa dilakukan oleh Petronas. Pada masa yang sama untuk menampung permintaan yang semakin bertambah daripada sektor industri, pengimportan gas asli cecair atau LNG juga dilakukan menerusi *tunnel* pengasian semula di Melaka. Di samping itu penggunaan peminda pengasian semula di Pengerang yang saya sebutkan tadi sedang giat dijalankan bagi menampung permintaan gas di masa hadapan dan dijangka siap pada tahun 2016 nanti.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sikit. Yang Berhormat Menteri, saya selalu terima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya selalu terima kompelin daripada industri-industri bahawa gas di Malaysia memang tidak cukup terutamanya sektor pembuatan *glove* dan juga di banyak sektor termasuk di kawasan Bayan Lepas di mana banyak industri yang bertapak di sana. Mereka kata, salah satu kompelin adalah tidak ada gas, tidak cukup gas walaupun minta daripada kerajaan tidak dapat. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan kenapa ada *this problem* di mana berlakunya, *which* adakah dia pengimportan atau *you know which chain has a problem*. Mana satu yang mempunyai kelemahan di mana *supply* tidak mencukupi. Minta penjelasan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berdasarkan kepada *engagement* yang saya buat dengan MITI dan juga

pelbagai industri yang lain, sebenarnya bukan isu tidak cukup gas. Isunya tidak cukup gas pada harga yang mereka hendak. Harga yang rendah. Ini berdasarkan kepada *limitation* ataupun had yang wujud dalam perjanjian antara Petronas dengan Gas Malaysia di mana Gas Malaysia dapat harga yang rendah pada kuantiti yang terhad. Jika pengurangan melebihi jumlah tersebut, bermakna harga pengimportan LNG akan terpakai. Ini bermakna, ini *surplus requirement* dengan izin akan dikenakan pada kadar yang lebih tinggi.

Jadi isunya bukan tidak ada gas tetapi tidak ada gas pada harga rendah yang dibekalkan oleh Gas Malaysia. Itulah, dengan adanya rang undang-undang ini, kita akan membenarkan lebih ramai lagi *players* dengan izin dan ini *insya-Allah* dengan ada *competition more choices* dengan izin kepada industri dan diharapkan agar harganya akan lebih rendah lagi.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, isu kelima adalah isu persaingan. Yang Berhormat Batu telah membangkitkan adakah kerajaan sudah mengenal pasti syarikat yang akan memperolehi monopoli kerana dikhawatir pemegang lesen monopoli boleh menaikkan harga sewenang-wenangnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pembekalan gas pada masa ini adalah dimonopoli oleh penggiat-penggiat industri sedia ada seperti Petronas dan Gas Malaysia Berhad.

Pada masa ini satu-satunya pihak yang menjadi pembekal gas melalui talian paip penghantaran adalah Petronas yang merupakan syarikat pengeluar gas negara dan seterusnya menjual kepada pihak-pihak lain termasuklah Gas Malaysia Berhad. Petronas Gas Berhad adalah pemilik dan pengendali talian paip penghantaran dan Terminal Penggasan Semula di Semenanjung Malaysia yang merupakan anak syarikat Petronas. Situasi monopoli ini perlu diliberalisasikan dengan mewujudkan sistem akses pihak ketiga supaya infrastruktur dan pemindahan gas dapat digunakan oleh semua pihak di atas terma-terma yang sama.

Di bawah sistem akses pihak ketiga selain daripada Petronas boleh melibatkan diri dalam industri pembekalan gas di Malaysia dengan menjadi pemegang lesen pengiriman yang menggunakan infrastruktur gas seperti Terminal Penggasan Semula, talian paip penghantaran dan talian paip pengagihan untuk menjual gas kepada pengguna. Situasi ini akan memecahkan monopoli sedia ada, mewujudkan persaingan sihat dalam pasaran yang telah diliberalisasikan dan memberi manfaat kepada pengguna melalui harga yang kompetitif dan perkhidmatan yang efisien. Di samping itu akta ini juga memperuntukkan seksyen-seksyen berkenaan persaingan untuk mengawal selia persaingan di kalangan peserta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai pula membangkitkan bagaimanakah sekiranya penjual-penjual gas berpaktat untuk menjual gas pada harga yang mahal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akta pindaan ini mengandungi bahagian yang khusus menangani isu berkaitan persaingan dalam Bahagian VIA. Secara khususnya terdapat dua larangan di dalam Bahagian VIA iaitu larangan untuk memasuki sebarang perjanjian yang anti persaingan dalam seksyen 28C.

Kedua adalah larangan menyalah guna kedudukan dominan di bawah seksyen 28G. Sekiranya mana-mana pihak melanggar larangan tersebut seksyen 28N(5) memperuntukkan bahawa penalti kewangan boleh dikenakan ke atas pihak tersebut iaitu tidak melebihi 10% daripada pusing ganti atau jualan seluruh dunia atau *worldwide turn over* dengan izin bagi sesebuah syarikat atau RM500,000 bagi orang persendirian. Peruntukan ini dijangka akan menghindarkan mereka daripada melakukan aktiviti-aktiviti anti persaingan.

Merujuk kepada kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan pakatan harga gas. Sekiranya terdapat situasi di mana para pengirim berpakat untuk menetapkan harga jualan gas yang tinggi, pakatan atau dengan izin kartel akan tergolong dalam larangan memasuki perjanjian anti persaingan dan pengirim tersebut akan dikenakan penalti yang sangat signifikan di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu keenam dan yang terakhir adalah berkaitan prospek masa hadapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Stampin ini mengenai keutamaan dari segi perniagaan kepada negeri seperti Sarawak yang mempunyai punca gas sendiri. Di bawah rangka kerja perundungan akses pihak ketiga, semua pihak yang terlibat akan dilayan sama rata tanpa mengira negeri tersebut mempunyai punca-punca gas tersendiri. Dalam hubungan ini semua penggiat industri mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembekalan gas di mana-mana negeri.

Pada masa ini kawal selia gas di negeri Sarawak tertakluk kepada *Sarawak Gas Supply Services (Operating Company) Ordinance 1995*. Walau bagaimanapun terdapat peruntukan di dalam akta ini yang membolehkan penyertaan negeri Sarawak ke dalam sistem akses pihak ketiga mengikut persetujuan kerajaan negeri Sarawak. Di samping itu di bawah akta pindaan ini tiada apa yang menghalang penduduk ataupun peniaga-peniaga di Sarawak untuk memohon dan mendapatkan lesen dan memasuki pasaran gas di Semenanjung Malaysia. Akta ini tidak mendiskriminasi berdasarkan tempat asal usul pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya kini membuat rumusan bagi perbahasan dan persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya percaya saya telah pun menjawab kesemua persoalan yang ditimbulkan. Sebagai kesimpulan Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016 ini adalah suatu rang undang-undang yang bakal mendatangkan banyak manfaat. Selain membolehkan pelaksanaan sistem akses pihak ketiga, rang undang-undang ini juga akan mewujudkan peluang sama rata atau *level playing field* dengan izin di kalangan pengguna kemudahan gas di samping memupuk persaingan sihat di kalangan penggiat-penggiat industri gas. Pengguna juga akan menikmati faedah melalui harga gas yang lebih kompetitif, perkhidmatan yang berkualiti, serta bekalan gas yang berdaya harap dan mapan.

Akhir sekali saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan semasa perbahasan Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016 di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan di

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, AG Chamber dengan izin, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Suruhanjaya Tenaga, Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat dan kesemua pegawai-pegawai kerajaan dan agensi kerajaan yang telah membantu dalam penyediaan rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan diputuskan]*

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

#### **Fasal 1 [Pindaan] -**

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Penggerusi, pindaan di dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dalam Fasal 1 rang undang-undang yang dipinda dengan memasukkan selepas sub fasal (3) sub fasal berikut:-

*"(4) seksyen 4A mula berkuat kuasa pada tarikh Akta disiarkan dalam Warta."*

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 1 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 2 dan 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]**

#### **Fasal 4 [Pindaan] -**

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Penggerusi, pindaan di dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dengan memasukkan selepas fasal 4 fasal yang berikut:

**"Seksyen baharu 1A**

*4A. (1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut:*

**Pemakaian bagi negeri Sarawak**

*1A. Walau apa pun subseksyen 1(2), Akta ini terpakai bagi negeri Sarawak, setelah mendapat kelulusan Yang di-Pertua Negeri Sarawak terlebih dahulu, pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.*

*(2) Penguatkuasaan Akta ibu disifatkan telah digantung bagi Negeri Sarawak mulai 17 Julai 1997 dan bagi maksud itu hendaklah dikira seolah-olah suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen 1(2) Akta ibu sehingga suatu tarikh ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1A Akta ibu yang dimasukkan melalui sub seksyen 4A(1) Akta ini.*

**■1240**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 4 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 5 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**Fasal 30 [Pindaan]-**

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengerusi, pindaan di dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dalam fasal 30 rang undang-undang yang dipinda dalam subseksyen baru 28J(2) dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan "seksyen 37B" dengan perkataan "seksyen 37C".

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 30 sebagaimana dipinda diperintahkan sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

### **Fasal 32 [Pindaan]-**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]:** Tuan Pengerusi, pindaan di dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dalam sub fasal 32(i)(i) rang undang-undang dipinda dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan “lima puluh” dengan perkataan “satu ratus”.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**[Fasal 32 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 33 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 2016**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.45 tgh.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bertajuk suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia memerlukan penggunaan tanah yang optimum khususnya di bandar-bandar besar dan kawasan-kawasan

membangun yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Peningkatan permintaan terhadap faktor tanah yang semakin terhad sumbernya telah menyebabkan keperluan dan tuntutan mengguna pakai ruang tanah di bawah permukaan tanah, tanah bawah tanah, ruang udara atas permukaan tanah yang lain bagi tujuan pembangunan.

Pada masa kini, pelaksanaan sesuatu projek membangun negara memerlukan perolehan tanah dibuat oleh kerajaan bagi memastikan negara Malaysia mempunyai daya saing dengan negara maju yang lain. Justeru, bagi meneruskan agenda pembangunan negara, kerajaan perlu menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 atau pun Akta 486 untuk memperoleh tanah yang sesuai bagi tujuan awam.

Sesetengah bandar raya lain di dunia telah menggunakan tanah bawah tanah secara optimum dengan membina ruang bawah tanah yang besar dan dalam pelbagai kegunaan. Ruang tanah bawah tanah boleh menjadi suatu sumber strategik untuk mewujudkan ruang tambahan yang sangat luas. Dalam suasana bandar raya yang padat, negara tersebut telah pun mengeksplorasiakan potensi tanah bawah untuk kegunaan yang lebih besar dan pelbagai.

Sebagai contoh, berhubung pengambilan tanah yang tujuan infrastruktur pengangkutan awam, dianggar jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 akan meningkat kepada 35 juta orang yang mana 80 peratus daripadanya tertumpu di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Ipoh dan Johor Bharu. Seiring dengan peningkatan populasi berkenaan, penggunaan kenderaan persendirian khususnya Lembah Klang dijangka meningkat empat juta pada masa ini kepada 6.3 juta pada tahun 2020.

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pengangkutan sehingga 31 Disember 2015, jumlah kenderaan bermotor di Malaysia adalah melebihi 26 juta yang mana 57 peratus atau lebih separuh daripada jumlahnya direkodkan di empat buah negeri yang mempunyai bandar besar iaitu Kuala Lumpur, Johor, Selangor, dan Pulau Pinang. Jumlah kenderaan bermotor dianggar meningkat sebanyak 1.2 juta setahun di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan populasi penduduk khususnya di bandar besar telah meningkat kadar kesesakan lalu lintas dan ini mendorong peningkatan permintaan terhadap infrastruktur dan kemudahan awam.

#### ■1250

Memandangkan faktor tanah adalah semakin terhad, pengambilan tanah bermilik diperlukan bagi tujuan pembangunan infrastruktur seperti pengangkutan awam, jambatan, sekolah, hospital dan lain-lain. Peningkatan permintaan terhadap tanah yang semakin terhad sebenarnya telah menyebabkan keperluan untuk mengguna pakai ruang tanah di bawah tanah, permukaan tanah dan harta tanah berstrata. Oleh itu cadangan pindaan akta ini adalah bertujuan untuk memastikan prosedur pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan perkembangan semasa. Pada masa yang sama, kepentingan tuan tanah dan pihak yang berkepentingan yang terlibat dapat dilindungi.

Secara umumnya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan 41 seksyen atau jadual pertama. Pindaan kepada borang-borang berkanun dalam jadual akta ini akan dibuat melalui kaedah-kaedah oleh Menteri di bawah seksyen 69 akta ini. Cadangan pindaan terhadap peruntukan seksyen dalam akta ini dibuat berdasarkan keperluan-keperluan berikut:

- (i) bagi menjelas dan menambah baik prosedur pelaksanaan pengambilan tanah bawah tanah, harta tanah berstrata dan pendudukan atau penggunaan sementara tanah;
- (ii) menjelas dan menambah baik prosedur berhubung rujukan ke mahkamah oleh tuan tanah; dan
- (iii) mempermaksa peruntukan sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa.

Sebagaimana kita sedia maklum, peruntukan sedia ada membenarkan pengambilan tanah bawah tanah dan harta tanah berstrata. Walau bagaimanapun, prosedur sedia ada perlu ditambah baik berhubung perkara ini. Bagi memastikan kepentingan semua pihak termasuk tuan tanah dan kerajaan dilindungi, perkara ini mengambil kira keperluan semasa bagi pengambilan tanah bawah tanah dan harta tanah berstrata dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran *schedule land* dengan izin di dalam akta ini dipinda bertujuan untuk memudahkan cara pelaksanaan pengambilan bangunan yang dipecah sebahagi atau tanah berstrata. Takrifan di bawah seksyen 2(1) akta ini dipinda dengan memasukkan perkataan '*including parcel or provisional block*' dengan izin, bagi memperjelaskan bahawa tanah yang jual juga merangkumi petak atau *block* sementara bagi tujuan ini. Manakala '*lot*' merupakan tafsiran baru yang diperkenalkan yang bertujuan menjelas dan menambah baik prosedur pelaksanaan pengambilan tanah.

Subseksyen 3(3) akta ini dipinda untuk membolehkan laporan penilaian awal penilaian swasta boleh disertakan bersama permohonan. Peruntukan sedia ada hanya membenarkan laporan penilaian awal, penilaian kerajaan sahaja disertakan bersama permohonan. Tujuan cadangan pindaan ini adalah untuk memastikan proses pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, penilaian swasta juga bagi tujuan laporan penilaian awal tersebut tidak dibenarkan untuk menyediakan apa-apa laporan penilaian bagi tujuan penentuan pampasan mana-mana pihak berkepentingan kelak.

Seksyen 3C dengan izin akta ini dipinda bagi menggantikan keahlian salah seorang ahli jawatankuasa khas pengambilan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pindaan ini akan hanya memperkenalkan jawatan secara umum untuk memudahkan pelaksanaannya, sekiranya sesuatu kementerian atau agensi distrukturkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3F akta ini dipinda bagi menyelaraskan prosedur penarikan balik permohonan pengambilan tanah. Cadangan pindaan ini bagi membolehkan pentadbir tanah merampas deposit yang ditetapkan dalam kaedah dan tidak keperluan bagi pentadbir tanah untuk membuat siasatan dan menentukan pampasan kerana pewartaan di bawah seksyen 8 belum dibuat.

Seksyen 7 akta ini dipinda bagi memperkenalkan subseksyen baru iaitu seksyen 7(2) yang memperuntukkan keperluan satu pelan yang menggambarkan keluasan dan dalam tanah di bawah tanah bagi mengambil yang melibatkan tanah bawah tanah. Dengan pindaan ini, baki tanah yang merupakan tanah permukaan kekal dalam pemilikan tuan tanah. Setakat had kedalaman yang ditetapkan dalam syarat, nyata hak milik sambungan dan apa-apa kedalaman di bawah had yang ditetapkan kepada tuan tanah merupakan tanah kerajaan selaras dengan peruntukan subseksyen 4(4), seksyen 92B dengan izin Kanun Tanah Negara.

Sebagai contoh, sekiranya had kedalaman ditetapkan bagi tanah permukaan adalah 20 meter, maka tanah selepas kedalaman tersebut adalah merupakan tanah kerajaan. Yang lebih diambil balik. Pelaksanaan perkara ini akan mengambil kira semua aspek teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pindaan kepada takrifan *schedule land* bagi tujuan untuk menambah baik pelaksanaan pengambilan tanah berstrata, peruntukan-peruntukan lain berkaitan perlu dipinda. Oleh itu, pindaan juga dicadangkan kepada:-

- (i) subseksyen 92 bagi membolehkan catatan tentang pengambilan melibatkan harta tanah berstrata dibuat dalam buku daftar strata yang berkenaan;
- (ii) subseksyen 22(3) yang berkehendakkan pentadbir tanah untuk menyampaikan satu salinan notis atau dokumen berkaitan kepada pihak berkenaan termasuk Perbadanan Pengurusan Skim Strata berkenaan;
- (iii) perenggan 23(a) dan 66 akan menjelaskan bahawa pengambilan petak strata akan terus diletakkan kepada badan berkanun, orang atau badan yang bagi pihaknya petak itu diambil; dan
- (iv) seksyen 26 bagi membolehkan pihak berkuasa berkenaan membuat tindakan susulan terhadap buku daftar strata selaras dengan peruntukan Akta Hak Milik Strata [*Akta 318*].

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 9A, cadangan untuk dipinda bagi memendekkan tempoh masa dalam mendapatkan maklumat mengenai tanah daripada pihak berkuasa perancangan tempatan tanpa perlu melalui Pengarah Perancang Bandar dan Desa. Selain itu, subseksyen 5A kepada seksyen ini turut diperkenalkan agar maklumat mengenai tanah yang diperoleh tidak perlu diambil kira sekiranya pengambilan tanah dilaksanakan selaras dengan seksyen 37, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Subseksyen 14(1) akta ini dipinda untuk memotong perkataan '*imposed by the valuer*' dan *fee* penilaian yang akan dibayar selaras dengan pengambilan tanah adalah sepertimana yang akan diperuntukkan di dalam kaedah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sedia ada dalam akta ini tidak menjelaskan secara terperinci berhubung dengan pengambilan tanah melalui perakuan segera. Oleh itu cadangan pindaan dibuat untuk memasukkan subseksyen baru 19A kepada akta ini bagi menjelaskan bahawa siasatan dan pampasan perlu dibuat walaupun perakuan segera dalam borang dan

borang K telah dikeluarkan. Selain itu segala prosiding yang telah diambil berhubung dengan pengambilan tanah tersebut masih lagi berkuat kuasa walaupun pampasan tidak dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dalam tempoh masa dua tahun seperti peruntukan dalam seksyen 48A adalah kerana tanah yang diambil selaras dengan pengeluaran borang K telah menjadi tanah kerajaan.

Masih ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sambung.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)] mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula di mana yang saya telah tak baca pagi tadi. Di bawah seksyen 28, akta ini dipinda bagi memasukkan peruntukan baharu untuk menjelaskan bahawa sekiranya terdapat perbezaan antara kelulusan tanah yang diambil selepas pengukuran dengan kelulusan tanah yang diwartakan. Tindakan pewartaan baharu perlu dibuat sekiranya melebihi suku hektar atau satu peratus tanah diwartakan, yang mana lebih luas. Sekiranya perbezaan adalah lebih daripada kadar tersebut, ia perlu diwartakan semula.

Selaras dengan hasrat kerajaan Tuan Yang di-Pertua, menambah baik prosedur yang sedia ada seksyen 29A, dengan izin, 31, 32, 35, 36, 37, 38, 49, 51, 53, 55 dan 65, dipinda agar seksyen-seksyen tersebut turut diguna pakai bagi tujuan penarikan balik di bawah seksyen 35 dan pendudukan sementara atau penggunaan tanah di bawah bahagian tujuh akta ini.

Selain itu, seksyen 29A, seksyen 32 dan 48 akta ini turut dipinda bagi mengurangkan kadar caj bayaran lewat daripada 8% setahun yang dikenakan dalam peruntukan sedia ada kepada 5% setahun. Kadar 5% kadar caj bayaran lewat selaras dengan kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 32A akta ini dicadang pinda untuk menggambarkan amalan pembayaran pampasan pengambilan tanah selaras dengan perkembangan teknologi pada masa ini. Seksyen 35 akta ini dicadang dipinda bagi memperkemaskan prosedur berhubung penarikan balik pengambilan tanah sekiranya penarikan balik hendak dibuat sebelum pemilikan formal dilaksanakan. Pewartaan penarikan balik hendaklah dilaksanakan, selain itu pentadbir tanah juga perlu menentukan kos sekiranya ada seperti mana yang dinyatakan di seksyen 14(5).

Seksyen 37 akta itu dipinda bagi menaikkan had pampasan untuk tujuan rayuan ke mahkamah kepada RM5,000. Selain itu, pindaan juga dicadangkan untuk membenarkan agensi pengambilan membuat bantahan ke mahkamah bagi semua maksud pengambilan tetapi had bantahan yang dibenarkan naik kepada RM30,000. Bagi tujuan ini, mana-mana kerajaan, orang atau perbadanan dianggap sebagai orang berkepentingan yang boleh membuat bantahan.

Seksyen 40B sedia ada memperuntukkan bahawa menjadi keperluan undang-undang bagi menarik pengapit yang terdiri daripada penilai kerajaan dan penilai swasta untuk hadir ke mahkamah apabila diarahkan. Seksyen ini dicadang dipinda bagi membolehkan penilai kerajaan turut menerima fi sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah di bawah seksyen 5, seksyen ini. Ini adalah kerana kedua-dua pengapit yang dilantik adalah bebas dan tidak terikut atau terpengaruh oleh mana-mana pihak dalam memberikan pandangan kepada mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 57 akta ini suatu peruntukan untuk menjelaskan berhubung kedudukan dan penggunaan sementara tanah. Pindaan yang dicadang bertujuan untuk membolehkan peruntukan ini digunakan dan keperluan untuk mengendorse catatan mengenai pendudukan dan penggunaan sementara tanah tersebut iaitu dalam dokumen hak milik atau dokumen yang ditetapkan di bawah seksyen 9(2)(a) dan (b) akta ini. Susulan pindaan kepada seksyen 57, seksyen 58 kepada akta ini dipinda bagi memasukkan peruntukan berhubung penentuan pampasan oleh pentadbir tanah yang boleh merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh penilai. Memasuki apa perkiraan bagi tujuan menggantikan pampasan dalam bentuk kewangan, merekodkan perkiraan dan semua keterangan semasa siasatan. Selain itu juga, ia bertujuan menjelaskan bahawa pihak berkuasa negeri boleh menduduki atau menggunakan tanah tersebut apabila notis berkaitan diberikan.

Seksyen 59 akta ini turut dipinda bagi membolehkan siasatan dibuat oleh pentadbir tanah untuk tujuan penentuan pampasan setelah tamat tempoh pendudukan atau penggunaan sementara.

Seksyen 60 akta ini turut dipinda bagi membolehkan bantahan oleh pihak berkepentingan yang tidak berpuas hati dengan pampasan yang diberikan dan membuat bantahan ke mahkamah dengan menggunakan peruntukan sedia ada dalam akta ini. Prosedur ini dikemas kini selaras dengan prosedur yang sedia ada bagi pengambilan tanah untuk memastikan perjalanan rujukan mahkamah oleh pihak berkepentingan adalah teratur.

Seksyen 69 akta ini dipinda bertujuan untuk membenarkan kaedah-kaedah dibuat berhubungan apa-apa perkara di bawah akta ini yang turut meliputi apa-apa borang, fi atau

deposit, ini termasuk fi penilaian yang baru dikenakan selaras dengan pindaan seksyen 14(5). Selain itu, ia dipinda bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah bagi menetapkan borang-borang dalam jadual kedua selaras dengan persekitaran elektronik, khususnya penggunaan tandatangan secara digital.

Jadual Pertama akta ini turut dipinda bagi tujuan penyelarasan dan mengambil kira keperluan seksyen 21(14A) , Kanun Tanah Negara dalam menilai nilai pasaran tanah ladang.

■1440

Peruntukan sedia ada memperuntukkan bahawa dalam menentukan nilai tanah ladang yang akan diambil tidak akan dipengaruhi dengan fakta bahawa ladang berkenaan boleh dijual kepada orang yang lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 214A, dengan izin, Kanun Tanah Negara. Ia bertujuan untuk mengelakkan keputusan dalam kes ‘Kumpulan Sua Betong Sdn. Bhd. lawan Izan Sdn. Bhd.’ di mana mahkamah memutuskan bahawa kelulusan Lembaga Tanah Ladang tidak diperlukan apabila tanah ladang atau sebahagiannya dipindah milik kepada seseorang sahaja. Cadangan pindaan ini akan memperjelaskan situasi bahawa sekiranya pengambilan tanah melibatkan tanah ladang, nilai tanah perlu mengambil kira perbandingan nilai tanah ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan pindaan utama terhadap Akta Pengambilan Tanah 1960. Pindaan-pindaan yang lain tidak dinyatakan, kebanyakannya merupakan pindaan yang berbangkit atau pun *consequential amendments*, dengan izin. Apa-apa penyelarasan dengan pindaan perundungan tanah yang lain dan kemas kini prosedur semasa.

Sesungguhnya cadangan pindaan yang saya bentangkan tadi adalah untuk mengemas kini prosedur pengambilan tanah, memudahkan pihak berkepentingan atau memfailkan bantahan ke mahkamah dan memastikan hak pihak berkepentingan terpelihara. Oleh itu proses pindaan ini melibatkan semua *stakeholders* kementerian dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik dan orang awam. Akta mengambil kira Akta Pengambilan Tanah 1960 telah melalui pelbagai proses perundingan, kementerian telah memulakan proses pindaan dengan satu Kertas Perundingan atau *Consultation Paper*, yang boleh diakses secara atas talian.

Kementerian ini bersama pihak Pentadbir Tanah Negeri telah mengenal pasti cadangan-cadangan pindaan yang boleh dilaksanakan *implement taboo*, dengan izin. Ini termasuk Persidangan Tadbir Tanah Malaysia, Mesyuarat Pengarah Tanah Malaysia, Mesyuarat Timbalan Pengarah Tanah Malaysia, dan mesyuarat-mesyuarat berkala dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pada 16 April 2015, satu sesi rundingan terbuka telah diadakan iaitu melalui perjumpaan khas dengan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan seperti ahli akademik, pemberi-pemberi pinjaman, institusi kewangan dan perbankan, badan-badan dan pertubuhan perwakilan seperti Majlis Peguam Malaysia, Persekutuan Pemaju Hartanah dan Perumahan. Persatuan Penilai dan Perunding Hartanah Swasta Malaysia, agen-agen hartaanah dan lain-lain. Ahli politik dan lain kumpulan profesional seperti juru ukur dan penilai hartaanah turut diadakan

untuk perunding dan diskusi secara dua hala dengan kementerian ini berhubung dengan pindaan.

Perjumpaan ini dibuat bagi memastikan pandangan mereka dapat diteliti dan diberi penilaian yang sewajarnya sebelum cadangan-cadangan pindaan dikemukakan. Selain daripada itu, pihak saya juga telah membuat *roadshow* kepada Majlis-Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mulai 12 Ogos 2015 hingga 20 April 2016. Pendek kata semua pihak yang berkenaan telah dilibatkan dalam proses penyediaan pindaan rang undang-undang ini. Konsultasi yang bersifat *inclusive* ini membolehkan kerajaan menyediakan cadangan pindaan yang mencukupi semua aspek pentadbiran tanah.

Peruntukan baru yang diperkenalkan dalam pindaan ini menjurus ke arah satu matlamat bagi memastikan rakyat mendapat manfaat daripada projek infrastruktur awam yang digunakan untuk kepentingan rakyat dan negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa menyokong?

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Gerik. Nasib baik ya kalau tidak terus Menteri gulung. Sila.

#### 2.44 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada petang ini saya turut bersama untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah di mana rang undang-undang ini melibatkan tiga *portion* yang kita hendak cadangkan dalam Kanun Tanah Negara iaitu di udara, di daratan, di tanah-tanah ini dan juga di peringkat bawah tanah. Dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tanah bawah tanah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Dalam tanah ya, dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri telah bertemu dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setidak-tidaknya kita Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Rakyat mengetahui. Bukan kita mencampuri urusan pihak kerajaan negeri tetapi kita cuba membentulkan atau mencadangkan seksyen-seksyen yang boleh diselaraskan supaya rakyat tidak bertanya-tanya apakah peraturan yang ada tadi bila pergi ke lain-lain negeri ia memberi gambaran, dan pandangan yang tidak sama. Sebagai contoh pada masa dulu apabila kita hendak buat pengambilan rumah bertingkat, tidak ada dikatakan geran strata, apabila buat pengambilan oleh pihak kerajaan, bila istilah untuk kita

kata Akta Pengambilan Tanah. Dia bukan bermaksud swasta ambil tanah atau pihak-pihak lain yang mengambil tanah yang ada di Malaysia.

Akan tetapi apabila kerajaan mengambil tanah daripada individu, daripada syarikat, *company* atau mana-mana, di mana saya minta kerajaan menjelaskan akta mana menyatakan tidak ada halangan kerajaan hendak mengambil tanah daripada mana-mana individu, mana-mana *company* estet apabila pembangunan kerajaan kita hendak buat. Ini kerana kita faham ini sudah di termaktub di dalam Kanun Tanah Negara dan di samping Kanun Tanah Negeri yang ada di seluruh negara. Ini kerana itu saya kata dan berterima kasih penjelasan Yang Berhormat Menteri telah bertemu dengan MMK. Walau bagaimanapun, saya mempunyai suatu pandangan supaya sempena dengan yang kita buat apa Kanun- Akta Pengambilan Tanah apa salahnya kerajaan menyatakan pengambilan tanah ini dalam bentuk metrik sistem.

Ini kerana saya melihat soal yang berlaku. Kalau kita pergi ke Kedah keluasan tanah kita kata '*riong*', pergi ke Perak ada sesetengah tempat kita kata dalam bentuk ekar, ada sesetengah tempat kita kata dalam bentuk hektar. Adalah lebih munasabah di peringkat *Federal* mencadangkan supaya walaupun mungkin sudah ada, supaya keluasan tanah ini dinyatakan dalam sistem metrik. Perkara yang seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah soal pengambilan tanah ini ialah apa yang akan berlaku persoalannya. Bila kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan mengambil tanah di kampung dalam 10 ekar. Kita di peringkat kampung menyelesaikan supaya jangan peneroka haram dan semuanya berada di atas tanah tadi, 10 ekar contoh.

Akan tetapi apabila pengambilan sudah selesai dibuat tanah sudah menjadi milik KPTG yang namanya ialah Kementerian Kesihatan kita tunggu 10 tahun, 20 tahun tanah tadi tidak dibangunkan. Dalam akta ini bagaimana tindakan yang boleh kita buat. Kadang-kadang keperluan yang kita lihat, tanah yang kita beri tadi mungkin kita boleh bangunkan rumah untuk generasi yang kedua tetapi kerana kita sudah bagi milik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, ya sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Gerik saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Gerik dan persoalan yang ditanyakan. Cuma adakah Yang Berhormat Gerik sedar bahawa apa Yang Berhormat Gerik sebut tadi soal kemungkinan berlakunya *abuse*, dengan izin, salah guna bila diwartakan atau diberikan satu Notis untuk pengambilan tanah untuk suatu tujuan pembangunan ataupun apa yang disebut tadi Kementerian Kesihatan tetapi di sana terdapat waktu yang agak lama untuk dibangunkan, hospital misalnya.

**■1450**

Sudah pasti ada elemen-elemen kemungkinan di salah gunakan. Jadi adakah Yang Berhormat Gerik setuju bahawa perlu ada suatu *safeguard* ataupun, dengan izin, perkara-perkara yang boleh mengawal dalam undang-undang ini agar ia tidak berlaku ada orang, kementerian sesuka hati ambil tanah dengan tujuan pembangunan tapi kemudiannya tidak dilaksanakan tujuan itu. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik, terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Gerik sedikit untuk meminta pencelahan. Terima kasih kakanda saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di negeri Perak negeri kita sendiri di mana kerajaan telah mengambil lebih kurang 5,000 ekar kononnya ingin membina Universiti Komanwel di Tapah tetapi tanah telah pun diambil, universiti langsung tidak ada. Kini tanah itu diambil oleh PKNP dan disewa balik kepada penanam kelapa sawit.

Inilah dia contoh. Adakah pindaan akta ini dapat mengatasi masalah sedemikian supaya hak-hak rakyat tidak dicabuli dan kepentingan awam dapat dibela dan dijaga? Ini kes di depan mata kita. Bagaimana pindaan akta ini dapat mengelakkan masalah ini daripada berlaku pada masa depan. Apakah pandangan Yang Berhormat Gerik? Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua berkait dengan Yang Berhormat Bukit Katil saya punya pandangan semasa keputusan Exco dibuat untuk kelulusan tersebut mesti dinyatakan berapa lama tempoh untuk membangunkan. Contoh, projek kerajaan. Kita bagi tempoh kalau tidak dibangunkan dalam tempoh kita bagi peluang lima tahun maka tanah tadi menjadi milik tanah kerajaan negeri semula, di mana kuasa itu berada di bawah kerajaan negeri.

Soalan yang kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping iaitu tanah yang diluluskan pada Universiti Komanwel. Saya tidak nampak salah kerana tanah diberi untuk pembangunan universiti. Universiti tidak dapat dibangunkan kerana universiti tidak dapat dibangunkan tanah kita bagi kepada mana-mana anak syarikat kerajaan negeri PKNP. Secara tidak langsung, tanah tadi walaupun disewa tetapi kerajaan negeri ada kata putus kepada tanah tersebut melainkan masa 11 bulan kerajaan saudara dulu memerintah, pernah dibagi kepada satu orang lebih daripada 100 ekar. Jadi, manakah lebih teruk?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kita bagi 50 ekar, tidak kita bagi kepada orang ramai tetapi kita pulangkan balik kepada PKNP. PKNP mesti kita arahkan membangunkan semula tanah tersebut mungkin dalam tempoh yang pendek. Kita kena fahamlah, mungkin tidak boleh ada pembangunan kita bagi sewakan, kita bagi ini. Mungkin yang tidak puas hati itu kita tanam kelapa sawit. Kelapa sawit ini saya sebenarnya tidak berapa setuju kalau tanah itu sebenarnya. Ya, Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih. Saya untuk penjelasan. Universiti Komanwel yang dicadangkan adalah pada tahun 2008 sekarang sudah 2016 lebih kurang 10

tahun tempohnya tanah dirampas, diambil alih oleh kerajaan tetapi universiti tidak ada. Kemudian disewa balik kepada pemilik tanah sendiri. Ini adalah katakan harta Yang Berhormat Gerik, kerajaan rampas tanah kamu kemudian sewa balik kepada kamu. Adakah ini adil?

Jika hendak buat universiti bukannya kita main-main, angan-angan mat jenin mesti ada satu perancangan yang teliti. Itu kerajaan bukan kedai kopi. Jika tidak ada rancangan hendak membina universiti mengapa gunakan akta ini ambil alih tanah pekebun-pekebun. Tadi tohmahan Yang Berhormat berkata kerajaan Pakatan Rakyat dulu ada luluskan tanah. Tidak betul bukan bagi 100 ekar itu universiti- dekat Kampar...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Gua Tempurung, ada syarat ambil balik..

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Gua Tempurung, ada syarat. Jika tidak bangun dalam tempoh ambil balik. Tidak boleh sewenang-wenangnya bagi kamu sebab itu saya cadangkan Yang Berhormat Gerik setuju atau tidak, kita untuk kebaikan semua pihak. Kerajaan apabila ambil tanah rakyat mesti ada satu had tempoh. Katakan saya bagi lima tahun jika universiti tidak ambil, tidak bina maka kembalikan kepada rakyat, pemilik tanah asal supaya ia adil daripada segi keadilan sosial. Setuju tidak Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Berdasar pada kes, kita tengok kes-kes yang ada. Secara umum saya bersetuju dengan pandangan kalau tidak dibangunkan sewa balik kepada kerajaan. Ini berdasarkan kepada secara umum. Akan tetapi Yang Berhormat Taiping tadi memberi contoh kita ambil tanah buat Universiti Komanwel kemudian tidak bangun kita bagi balik kepada PKNP. PKNP ialah anak syarikat kerajaan negeri di mana kerajaan negeri mempunyai kepentingan.

Ekoran daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan sempena dengan Akta Pengambilan Tanah ini. Bila kita ambil tanah, apa yang berlaku ialah sesetengah sekolah, balai polis lama, tanah tadi ialah hak KPTG bila mana balai polis sudah ditutup, kita buka balai polis baru. Sekolah dikatakan tidak selamat kita tutup kita buka sekolah baru di tapak yang lain. Kenapa kadang-kadang ada kegoaan di peringkat kementerian di mana tanah yang mereka tidak boleh bangun, mereka sudah tinggalkan bangunan yang buru, kenapa mereka tidak mahu serah balik supaya kita boleh bangunkan projek pembangunan lain di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Ini sering berlaku, kita tidak reti hendak menyelesaiannya. Kita selalu panggil KPTG duduk berunding, pejabat tanah duduk berunding. Kadang kita nampak tanah ini sesuai kita hendak buat perumahan kakitangan kerajaan tetapi tidak mendapat kebenaran. Tempat saya banyak kes di Kampung Kuak Luar ada sebuah sekolah tidak terpakai, lebih kurang tanah dekat hampir-hampir lima ekar dan banyak lagi tempat-tempat lain.

Ini yang patutnya dalam Akta Pengambilan Tanah ini macam mana kaedah kita kena nyatakan supaya tanah yang- bangunan yang sudah tidak digunakan siapa yang patut berkuasa? KPTG, kerajaan negeri atau kementerian yang kononnya sudah bangunkan kawasan tersebut. Itu persoalan yang kita hendakkan lihat bagaimana kerajaan boleh menjelaskan kepada kita supaya boleh dilakukan.

Satu kes, saya menjadi pengurus DDEC anak syarikat MARA yang berada di depan *Prince Court*. Tanah dianugerahkan oleh kerajaan melalui Jabatan Tanah Wilayah dalam keputusan kabinet diberi kepada MARA pajakan 99 tahun, MARA tidak bagi kepada DDEC. Akan tetapi difahamkan tanah tadi hendak diambil balik kerana MRT akan lalu di bawah tanah.

Persoalan saya ialah, bila tanah tadi sudah dipajakkan atau sudah ada *lease* 99 tahun atau kurang, adakah mereka akan dapat pampasan sama ada MARA dapat, atau DDEC. Pada saya yang paling berhak ialah MARA kerana dia ada menerima geran sehingga setakat ini saya rasa seolah-olah kerajaan hendak cuba ambil tanah tadi tanpa memberi pampasan kepada MARA. Akan tetapi kalau salah saya sebut ini pihak MARA boleh perbetulkan lah. Akan tetapi yang saya faham macam itulah setakat ini.

Saya berharap siapa juga yang buat pembangunan dan pengambilan tanah istilah pengambilan tanah tadi dibuat mesti kerajaan membayar pampasan kepada mana-mana tanah sama ada milik individu, milik kerajaan, milik syarikat mengikut keluasan yang ada. Bolehkah, kerajaan menjelaskan bagaimana prosedur pengambilan tanah dibuat terutama di peringkat bawah. Orang ramai tidak tahu. Apa yang dia tahu dalam kepala selalu pemimpin tempatan beritahu mereka tidak boleh lawan.

#### ■1500

Kalau tanah diambil untuk pembangunan kerajaan, memperbesar jalan contoh; apa-apa juga kita tidak boleh lawan kecuali kalau yang ada ilmu sedikit pergi ke mahkamah. Bayar saya ingat dahulu bayar RM1,500 tetapi saya rasa dalam pengambilan tanah kali ini masih ada prosedur itu kalau dapat pihak kerajaan jelaskan pihak mana yang terlibat dalam urusan pengambilan tanah. Kalau pembangunan JKR, mungkin JKR bersama pejabat tanah tempatan dan Jabatan Penilaian dengan mereka yang terlibat. Kalau tidak nanti mereka tidak tahu, bukan? Oleh sebab itu saya percaya supaya perkara ini dijelaskan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat supaya rakyat tahu bagaimana proses tadi. Tiada penentangan.

Kadang-kadang kita tahu, bila bawa ke mahkamah biasanya penilaian tadi akan bertambah sedikit mungkin 15 percent, 20 percent daripada nilai yang asal. Timbul persoalan. Waktu saya kecil-kecil dahulu, bila pengambilan ada macam kasta di kalangan rakyat dalam negara kita. Kalau tanah *Malay reserved*, value dia murah. Kalau tanah geran putih dikatakan *valuenya* lebih tinggi. Bagaimanakah hari ini? Saya berharap dengan kita mencadangkan rang undang-undang baru ini, Akta Pengambilan walaupun dipinda yang lama, kita berharap masalah perbezaan daripada segi penilaian mungkin pihak kerajaan boleh jelaskan bagaimana untuk menunjukkan supaya tidak rasa. Dahulu orang kata masa saya kecil dahulu ambil tanah Cina, marah Cina beratus-ratus ribu, ambil tanah Melayu, bayarlah 10 ribu seribu ringgit, sekupang empat boleh kita tipu orang Melayu ketika dahulu.

Ini persepsi dan pandangan orang Melayu yang saya datang dari kawasan Melayu kan? Dahulu pengambilan tanah-tanah Melayu nilai cukup rendah. Di sinilah pihak kerajaan mesti tengok. Pegawai-pegawai kerajaan yang duduk di Jabatan Penilaian kena melihat soal penilaian tanah kepada orang Melayu, jangan terlampaui rendah. Kadang-kadang sampai satu

kaki persegi tidak sampai 10 sen, lima sen. Ini kerana konon-kononnya, mereka bukan tahu, duduk di kawasan luar bandar. Pada hari ini saya berharap dengan Akta Pengambilan Tanah ini, kita boleh perbetulkan supaya tidak ada pandangan negatif daripada rakyat di kampung. Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya tertarik dengan penghujahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gerik dan saya menyokong apa yang telah disebut. Saya merasakan bahawa persoalan pentakrifan tanah yang dikatakan hak milik Melayu ataupun hak milik bumiputera, tidak sepatutnya diambil kira apabila yang hendak mengambil tanah itu pihak kerajaan.

Saya mencadangkan, dan kalau boleh dipersetujui oleh Yang Berhormat Gerik bahawa dasar ataupun pendekatan yang berbeza diambil kira, di mana tujuan di sebalik adanya pentakrifan sebagai tanah hak milik bumiputera ataupun hak milik Melayu sebenarnya, tujuannya adalah untuk menolong orang Melayu dan bumiputera. Bukannya untuk menjadikan mereka sebagai mangsa. Maka tidak digalakkan supaya tanah ini dijual kepada pihak yang lain untuk menentukan bahawa kaum bumiputera, kepentingan mereka dan hak mereka dilindungi.

Akan tetapi ia menjadi satu kezaliman apabila kerajaan menggunakan takrif itu dan kategori untuk membeli tanah daripada orang Melayu dengan harga yang murah. Apa pandangan, maknanya ia bercanggahlah matlamat dia hendak tolong akhirnya dia jadi sebagai mangsa. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Gerik. Sambung sedikit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Shah Alam tajuknya lebih kurang sama. Tadi Yang Berhormat Gerik bercakap soal persepsi kalau tanah orang Melayu ini harganya murah. Ada juga persepsi orang Melayu mengatakan, kita buat penilaian ini adalah berdasarkan kepada dua, satu dari Jabatan Penilaian iaitu agensi kerajaan dan juga satu daripada agensi swasta, *real estate agents* ataupun *surveyor* dan sebagainya.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Gerik berkaitan dengan persepsi bahawa, kalau tanah itu dinilai oleh penilai swasta, nilainya jauh lebih tinggi berbanding dengan penilaian yang dibuat oleh JPPH contohnya. Ini juga menjadikan satu lagi masalah di kalangan terutama orang-orang kampung, apabila tanah-tanah diambil tidak kira tanah bendang, tanah kebun dan sebagainya untuk projek pembangunan dan sebagainya. Mohon komen. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Parit. Parit pun nak menanya juga?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Gerik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Gerik bercakap fasal penilaian dibuat oleh

swasta dan kerajaan. Yang Berhormat Jerlun pun sama jugalah. Cuma kalau swasta tinggi tetapi kerajaan rendah. Ini nampak ada satu diskriminasi. Okey. Bila kita pergi ke mahkamah ada kes-kes yang sampai ke mahkamah, mahkamah bersetuju dengan pandangan oleh juruukur kerajaan dan tidak setuju dengan keputusan penilaian juruukur swasta. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Gerik supaya dalam perkara ini, kerajaan hendaklah bertindak supaya mereka yang tanahnya diambil setelah kehilangan tanah diberikan pampasan yang berpatutan supaya hilanglah rasa sedih kerana tanah mereka telah hilang. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Yang Berhormat Shah Alam, saya cukup bersetuju saya berharap dengan perubahan Akta Pengambilan Tanah yang baru ini tidak difikirkan soal itu *Malay reserved* kah bukan *Malay reserved*. Bila *value* mesti melihat keadaan pasaran semasa.

Kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun. Perbezaan di antara penilai kerajaan dan penilai swasta, ini yang berlaku. Penilai kerajaan ini, biasalah pengalaman saya selaku ADUN dahulu. Bila kita *complain*, kita tulis surat ke Jabatan Penilaian maka dia akan berunding balik. Akan tetapi, kadang-kadang tidak mengikut kepuasan orang tempatan yang di sekeliling.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jerlun. Kita mesti melihat harga pasaran. Kalau lebih sedikit apa salahnya. Ini orang kampung tanah mereka hilang. Bayangkan kalau ada pokok getah. Pokok getah itu untuk 25 tahun akan datang. Kalau kita nilai sedikit, bagaimanakah? Sama juga dengan Yang Berhormat Parit. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Parit. Penilaian biar lebih sedikit. Kerajaan ada duit, tidak ada muflisnya kerajaan bayar lebih. 1MDB pun rugi sedikit-sedikit kan? Akan tetapi kerajaan bolehlah kalau kita hendak kira macam itulah. Akan tetapi, sekurang-kurangnya penilaian ini rakyat yang dapat. BR1M kita bagi. Apakah dia masalahnya? Ya Yang Berhormat Jerantut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbahasan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Gerik. Cuma mungkin saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan. Adakah dengan pindaan yang dibuat oleh kerajaan ini memberi kesedaran kepada semua orang bahawa menjadi amalan sebelum ini. Sebenarnya kerajaan tidak meletakkan arahan yang jelas. Tanah rizab Melayu mesti ambil murah, tanah bukan rizab Melayu mesti mahal, tidak ada. Mungkin pada pandangan saya.

Cuma yang menjadi amalan ialah kepada penilai yang mungkin mereka melihat bahawa tanah rizab Melayu ini tidak ramai orang yang berminat untuk membeli yang menjadikan harganya dan permintaan tanah-tanah ini kurang menyebabkan penilai merasakan perlu bagi harga rendah tetapi bukan menjadi dasar kerajaan, yang saya faham begitu.

**■1510**

Dengan adanya pindaan yang dibuat oleh kerajaan ini, membuka mata banyak pihak bahawa semua orang boleh memprotes sekiranya penilaian yang diberi tidak bersesuaian dengan kehendak dia, tidak kira *title* tanah itu tanah rizab Melayu atau bukan tanah rizab Melayu. Sebab, saya difahamkan dalam ruangan pindaan ini, ada memperuntukkan bahawa kalau selama ini menjadi amalan, hanya penilaian pihak kerajaan sahaja, tetapi dengan pindaan ini, kerajaan telah membuka ruang bahawa pihak pemilik tanah boleh mengambil penilaian swasta dan kosnya boleh ditanggung oleh kerajaan. Tidakkah ini membuktikan bahawa kerajaan memang prihatin dalam menjaga kebajikan rakyat? Apakah pandangan Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Saya rasa ini yang dilakukan oleh Kementerian Alam Sekitar...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sedikit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kementerian daripada mana ini?... *[Disampuk]* Kementerian Sumber Asli.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Gerik, sedikit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tunggu 'sat', Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Ketawa]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sebab, saya rasa di bawah Yang Berhormat Menteri yang baru ini, ada beberapa perkara yang kita lihat telah dibuat satu transformasi. Antaranya yang kita tengok hutan dahulu, FRIM, dan hari ini kita lihat soal pandangan rakyat di bawah tentang pengambilan tanah dan pada pandangan saya, ini yang cuba dilakukan oleh Kementerian Alam Sekitar ini dan diharapkan rakyat di bawah memahami betapa hasrat kerajaan hendak membantu, mungkin kita tidak boleh memenuhi seratus peratus kehendak rakyat di bawah tetapi sekurang-kurangnya niat ikhlas kerajaan telah diterjemahkan melalui Kementerian Alam Sekitar. Ya, Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat Gerik, saya berpendapat dengan Yang Berhormat Jerantut tadi bahawa memang sudah lama- sebenarnya sudah lama saya duduk ADO- sebenarnya sudah lama kerajaan telah pun membatalkan harga pengambilan perbezaan antara bumiputra dan bukan bumiputra. Cuma, yang tanah bumiputra itu tidak boleh dipindah milik kepada bukan bumiputra. Akan tetapi soal pengambilan, harga pengambilan sudah lama. Soalnya semasa perbicaraan tanah itu, tuan tanah mungkin dia tidak faham sangat tentang haknya menuntut harga tanah.

Jadi Yang Berhormat, sepatutnya semasa perbicaraan, kita menuntut harga yang kita kehendaki. Kalau kita tidak bersetuju, dibawa ke mahkamah. Mahkamah akan menentukan tentang harga yang diminta oleh tuan tanah atas tanah yang akan dibuat pengambilan oleh pihak kerajaan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Betul, Yang Berhormat Pendang. Saya berharap dengan kami membahaskan dalam Dewan Parlimen pada hari ini, walaupun tidak ramai rakyat

yang mendengar tetapi satu perkara yang rakyat di luar kena tahu, setiap pengambilan tanah untuk pembangunan kerajaan, tuan tanah mesti bersetuju. Ada beberapa buah borang yang diberi. Jangan *sign* buta-buta kata bersetuju. Akhirnya dia bayar RM40 atau RM100, bukan? Akan tetapi tengok dahulu. Rakyat di bawah, pemilik-pemilik tanah di luar sana, tengok setiap borang. Saya tidak ingat hendak sebut satu persatu borang tetapi saya tahu lebih kurang soal borang-borang tersebut.

Cumanya Yang Berhormat Pendang, rakyat di bawah ini, bila disebut kata hendak pergi mahkamah, ‘depa’ tidak mahu bayar. Ini saya tengok dalam Akta Pengambilan Tanah ini, kita naikkan lagi cajnya. Untuk apa kita naik tinggikan caj kepada rakyat bila dia hendak kompelin di mahkamah? Daripada, tidak silap saya, dahulu RM1,500 tetapi hari ini jadi RM5,000. Bila tuan atau pemilik asal hendak bawa ke mahkamah, lagi tinggi dibayar, kita menyusahkan rakyat. Walaupun kita kata RM5,000 tidak banyak mana tetapi yang terlibat siapa dia? Bukan semua orang kaya yang terlibat. Kalau dalam kawasan saya, penoreh getah, kalau boleh pendapatan sebulan RM2,000, cukup hebat. Kalau dahulu saya cikgu, bolehlah. Masa dahulu, RM2,000 atau RM1,000 lebih

Akan tetapi ini yang saya tengok, yang saya hendak bertanyakan, kenapakah kita naikkan caj? Seperti mana kata Yang Berhormat Pendang tadi, kita hendak rakyat sedar perkara tersebut. Jangan sewenang-wenangnya ambil tanah. Biar mereka rasa puas hati. Ambil sekian tanah, berapakah nilainya yang dibayar balik. Hari ini kita hilang satu ekar, kita hendak dapat satu ekar bukan senang. Mana boleh hendak teroka haram sudah. Dan pelbagai lagi. Oleh sebab itu, kerajaan tolong tengok perkara tersebut supaya janganlah membebangkan rakyat dengan caj yang terlampaui tinggi untuk pengambilan tanah tadi.

Begitu juga dalam Dewan ini, yang selama ini rumah yang bertingkat yang dikatakan-saya pun kadang-kadang pun tidak berapa faham. Ini saya hendak minta kerajaan jelaskan kepada Dewan Rakyat ini. Dikatakan, kita hendak beri milik strata tetapi bagaimana tanah yang ada di keliling ada kolam mandi, ada tempat *parking*, ada dewan, ada surau? Kalau ikut katakan, itu juga menjadi milik bersama penduduk yang memiliki rumah geran strata. Minta kerajaan jelaskan kerana sebenarnya bila kita boleh membantu rakyat yang mempunyai rumah berstrata ataupun bahasa yang mudah kita panggil rumah flatlah dahulu ataupun kondominium yang mana pada sayalah, saya mempunyai satu pemikiran dahulu, kalau bagi geran atas tiap-tiap lapis itu, kalau ditakdirkan kata runtuh, macam di Ampang atau- apa nama itu?... *[Disampuk] Highlands Tower*. Terbalik *Highlands Tower*, apakah berlaku kepada pemilik-pemilik? Mereka terus kena bayar hutang pada bank.

Akan tetapi ini yang saya selalu mencari-cari jawapan, minta kementerian menjelaskan kepada Parlimen pada hari ini, macam mana kedudukannya? Kalau kata setakat flat, senanglah. Satu blok itu, tanah bawah itu mungkin milik bersama walaupun kita pilih- macam kita buat di kampunglah, bila tanah tadi kita buat bicara kuasa, satu geran kadang-kadang sampai 30 orang walaupun mempunyai keluasan dua ekar contohnya tetapi nama banyak. Macam mana? Macam geran strata ini, ini yang kita tidak tahu.

Cuma, kita berhadap dengan ada buat pengambilan ini, tidak payah hendak mengambil satu blok. Katalah laluan setakat atas diambil. Kalau ada 15 tingkat, yang hendak pakai tingkat 15 dengan tingkat 14 sahaja, maka di sana sahaja diambil, dibayar ganti rugi.

Jadi ini juga suatu yang dirasakan boleh memberi hala tuju baru walaupun kita memahami, kita di peringkat Parlimen ini bukanlah boleh- saya percaya bukannya boleh menjadikan undang-undang tadi diterima pakai tetapi mesti mendapat persetujuan di peringkat negeri dahulu. Kalau tidak nanti kita cuma boleh mencadangkan benda yang baik-baik tetapi tadi Yang Berhormat Menteri telah jelaskan di peringkat awal tadi...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Bahawa beliau telah bertemu dengan seluruh MMK, mesyuarat kerajaan negeri, ahli mesyuarat kerajaan negeri untuk memastikan apa yang kita pinda tentang undang-undang tanah, tentang Akta Pengambilan Tanah ini boleh diguna pakai di peringkat negeri. Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk mencelah dan bertanya kepada Yang Berhormat Gerik. Saya tertarik tentang nilai tanah tadi. Sebenarnya ini satu perkara yang besar dan saya berpendapat, ada cara-cara menilai tanah yang dibuat, *practice* yang dibuat dalam negara kita- saya bukan pakar tetapi kalau saya salah, betulkan. Akan tetapi pada pandangan saya, ada dua *method*. Satu, cara, dengan izin, *comparative method*, dia buat perbandingan. Satu cara lagi ialah *residual method*. Itu bergantung kepada keperluan tiap-tiap penilaian ini. Dan yang pastinya, penilaian ini berbeza-beza. Ada yang tinggi, ada yang rendah. Akan tetapi saya ingat kalau *comparative method*, dengan izin, ia tentu memerlukan *database* yang banyak, dan lagi banyak, maka lebih tepatlah.

## ■1520

Akan tetapi terpulang juga kepada juru nilai hendak pakai data yang mana. Di situ saya lihat ada kemungkinan dia pakai data yang tinggi kalau dia hendak tinggikan nilai. Dia boleh pakai data yang rendah, harga yang rendah kalau dia hendak rendahkan harga. Jadi ada sikit fleksibiliti yang boleh memungkinkan penilaian itu dibuat tidak menepati yang adil. Oleh sebab kita hendak dalam keadaan ini bukan terlampau tinggi ataupun rendah, yang adil, yang *fair value*. Nilai yang sepatutnya diberi nilai kepada sesuatu tanah yang diberi penilaian.

Jadi kepada pihak JBPH pula- penilaian, sudah tentulah kerajaan mesti mempunyai satu data set yang lebih terkini. Kesefahaman saya selalunya kerajaan mempunyai data terkini. Mereka mempunyai transaksi-transaksi melalui pejabat tanah, data-data yang terkini yang lebih tepat. Contohnya di kawasan-kawasan pembangunan khususnya, kawasan-kawasan pembangunan yang pesat membangun sudah tentu data-data ini lebih kemas kini oleh JBPH.

Dengan sebab itulah saya rasa kalau ada dua set penilaian daripada JBPH dan juga daripada swasta, maka kita akan dapat *fair value* atau nilai yang sepatutnya diberikan.

Kita tidak mahu terlampau tinggi- apabila ada contohnya, saya tidak menuduh, kalau misalnya juru tertentu naikkan harga, sudah tentu kos asas untuk perumahan contohnya atau pembangunan itu kos tanah sudah melambung naik. Sudah tentu apabila ditranslate akan diterjemahkan dalam harga yang jauh lebih tinggi. Ini sebenarnya menjadi keimbangan rakyat sebab apabila harga sudah terlampau tinggi, naik terlampau cepat dan di luar jangkauan mereka membeli, jadi rumah itu jadi mampu tengok sahaja bukan mampu milik. Jadi ini faktor-faktor yang perlu diambil kira.

Jadi saya bertanya kepada Yang Berhormat Gerik, kalau ada mekanisme yang baik yang sudah adapun JPH diselaraskan lebih ketat lagi, diketatkan sedikit penilaiannya supaya harganya tidak terlampau tinggi dan tidak terlampau rendah dan ia mengambil kira yang *fair value* untuk pembangunan dan mengambil kira juga kadang-kadang penilaian yang dibuat sebab potensi naik maka harganya melambung. Itu sebab harganya di luar kemampuan.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Gerik, adakah Yang Berhormat Gerik bersetuju kalau kerajaan melihat semula memperkemaskan *framework* ataupun penyelarasan penilaian harga ini di samping surveyor dan juga JBPH supaya nilai itu tidak terlampau jauh dan menepati nilai yang adil untuk pembeli dan penjual. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi. Akan tetapi saya hendak katakan macam inilah, penilaian ini biasanya ia berdasarkan kepada pembangunan setempat. Kalau kita ambil di Kuala Lumpur yang paling mudah, Pandan Indah sebuah bandar yang paling jem tetapi harga rumah cukup mahal. Saya ingat saya beli sebuah rumah RM68,000, saya boleh jual RM350,000. Saya beli rumah di Putrajaya...

**Seorang Ahli:** Kaya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tidaklah kaya. Begitu juga di kampung. Kalau kita tengok apa yang menyebabkan *value* ia tinggi? Antaranya kita buat projek jalan. Contohnya dari Jalan Kelantan melalui Gerik tembus ke Kedah.

**Seorang Ahli:** Baling, Baling.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Baling- di Baling, yang akhirnya Simpang Salim di Gerik itu tuan-tuan hendak tahu nilai ia seekar RM700,000. Saya naik '*bengong*' tengok benda tersebut kan? Bandingkan saya dengan Lenggong, tanah lot kedai di Lenggong boleh dapat dalam RM40,000 satu lot atau RM30,000. Saya di Gerik satu lot RM300,000 nilai pasaran semasa. Bermakna...

**Seorang Ahli:** Akibat?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Akibat tadi jalan, pembangunan. Kita sebut Gerik dengan Krau dekat dengan sempadan Thailand ada pembangunan TGMT nama, Entah, saya pun tidak reti hendak sebut. Akan tetapi maksudnya *value* tanah ia akan naik mengikut apa-apa pembangunan yang ada di sekitarnya. Di sinilah yang kita minta kementerian bagi pandangan

kepada jabatan penilaian kerajaan supaya mereka lebih peka, tengok. Jangan macam dulu-dulu, konon-konon cuma hendak menjimatkan duit kerajaan, tidak boleh. Kita mesti sesuaikan dengan *value* semasa. Jadi barulah ia boleh cantik.

Saya percaya cadangan kita hendak meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dan hendak diubah pada tahun 2016. Berapa lama ini? Saya rasa kita selaku pemimpin di peringkat bawah sama-sama membantu kementerian untuk memberi kesedaran kepada rakyat di mana saya percaya kementerian mengambil langkah yang paling baik untuk memberi kebajikan kepada setiap rakyat di seluruh negara. Kalau dia tidak hendak ingat kepada kementerian pun, sekurang-kurangnya rakyat semua mesti ingat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Beruas.

### 3.25 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, memang akta ini pada mulanya telah digubal untuk kepentingan awam. Untuk mengambil tanah orang perseorangan untuk membina fasiliti untuk orang awam tetapi akhirnya kemudian telah dipinda hingga ia boleh diambil untuk lain-lain perkara. Skopnya adalah terkandung di bawah seksyen 3, dan oleh sebab masa untuk pengambilan tanah ini begitu luas, ia telah banyak kali disalahgunakan. Kes yang sangat masyhur iaitu kes Stamford Holdings Sdn. Bhd., di mana sebuah syarikat yang mempunyai 6,600 ekar tanah tidak dapat membangunkannya melainkan syarikat itu bersetuju dengan kroni kerajaan negeri iaitu pada masa itu Tan Sri Syed Mokhtar dan juga Datuk Yahya Taib yang memberitahu syarikat tersebut bahawa mereka hanya dapat membangunkan tanah mereka kalau mereka bersetuju memajukan tanah mereka secara *joint venture*. Tanah ini diambil alih dengan harga murah kerana mereka terpaksa bersetuju dengan cadangan yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah guna kuasa di bawah seksyen 3 ini memang berleluasa dan kita tahu ada banyak tanah di mana pihak kerajaan negeri mengambil alih dikatakan untuk maksud *public purpose*. Akan tetapi akhirnya digunakan untuk *private and commercial purpose*.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Beruas, manakah contohnya kerajaan ambil kemudian dijadikan peribadi? Ini cuma persepsi dan pandangan Yang Berhormat Beruas untuk membohong dalam Parlimen ini, minta maaf ya. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Apabila Beruas bangun berucap, dia mesti ada bukti yang sahih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sudah jadi kerajaan *you know*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya bagi satu contoh di kawasan saya, kawasan Beruas yang sekarang ini merupakan sebahagian daripada Taman Sentosa Air Tawar. Satu

keping tanah peribadi telah diambil oleh kerajaan negeri untuk didirikan pejabat kecil Majlis Perbadanan Manjung. Akan tetapi pejabat itu tidak didirikan tetapi telah kemudiannya digunakan untuk satu projek *mix development commercial*. Memang tuan punya tanah ini dalam kes ini membawa kes ke mahkamah dan kemudian difahamkan dibayar secara- diselesaikan dengan memberikan empat unit kedai yang dimajukan kepada mereka sebagai penyelesaian.

Satu lagi kes besar di kawasan Manjung di mana salah guna kuasa ini telah berlaku iaitu di mana tanah-tanah di Seri Manjung, kawasan Seri Manjung telah diambil oleh pihak kerajaan dikatakan untuk pembangunan *naval base* dan juga tempat-tempat penginapan pegawai-pegawai *naval base*.

#### ■1530

Akan tetapi akhirnya, sebahagian daripada tanah yang telah diambil alih ini digunakan untuk pembangunan komersial. Ramai yang datang kepada kita sebagai peguam, bagaimana untuk mendapat balik tanah berkenaan ataupun untuk pampasan selanjutnya. Akan tetapi ada sedikit masalah kerana isu ini ialah adakah selepas tanah ini, selepas 12 tahun, bolehkah ia dibawa lagi ke mahkamah? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak kerajaan supaya salah guna kuasa ini tidak akan berlarutan. Kalau boleh mungkin kita pinda undang-undang dengan jelas bahawa kes-kes sedemikian, prinsip biasa iaitu isu tentang hak ke atas tanah ini iaitu ada hak 12 tahun ini mungkin dilonggarkan. Bila-bila boleh membawa kes ke mahkamah ataupun *descendants* mereka yang berkenaan boleh lagi tuntut pampasan atau secara automatik kerajaan akan membayar kepada tuan punya tanah itu ataupun *descendants* mereka jika kerajaan menukar penggunaan tanah tersebut daripada *public* kepada komersial or *public purpose*.

Oleh sebab prinsipnya jelas, semua harta tanah kita, kita mendapat perlindungan di bawah Perlembagaan Persekutuan, di mana Perkara 13(2) dengan begitu jelas menyatakan kalau kerajaan hendak mengambil alih sesiapa punya harta tanah, *adequate compensation* pengambilan tanah itu kerajaan mesti membayar pampasan yang mencukupi. Masalahnya ialah kalau kita mengambil alih sesuatu tanah itu sebagai tanah pertanian, nilainya rendah. Akan tetapi apabila telah diambil alih dan bukan digunakan untuk *public purpose* tetapi digunakan untuk kegunaan komersial atau *private*, nilainya akan melonjak mendadak hingga orang yang minta kerajaan negeri mengambil alih tanah ini mengaut untung berlebihan. Akan tetapi tuan punya sebenarnya akan menanggung kerugian kerana potensi tanah tersebut untuk naik harga dinikmati oleh orang ketiga tetapi bukan oleh tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi di bawah seksyen 3, dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris. Seksyen 3, subseksyen (1) menyatakan, "*the state authority may acquire any land which is needed for any public purpose*". Itu *first purpose* dan tapi telah diluaskan kepada (b) – "*by any person, the state authority may acquire any land which is needed by any person or corporation for any purpose which in the opinion of the state authority is beneficial to the economic development of Malaysia or any part thereof or to the public generally or any class of the public*" or (c) – "*for the purpose of mining or for residential*

*agriculture, commercial, industrial or recreational purposes or any combination of such purposes”.*

Jadi, kita nampak skop di bawah seksyen 3 ini begitu luas sekali. Bila-bila dalam keadaan apa pun boleh pihak kerajaan mengambil alih tanah ini bagi pihak ketiga dan bukan tuan punya tanah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maksud 3(1)(b) dan (c), memang akta ini mempunyai sedikit, dengan izin, *safeguard* iaitu apabila mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c), permohonan tersebut mesti ada bukti-bukti berikut. Dengan izin, seksyen 3 (3) mengatakan, “*any application made under paragraph 3(1)(b) and (c), shall be accompanied*

- (i) dengan *the project proposal*;
- (ii) *the layout and land acquisition plan*;
- (iii) *the plenary government valuation report of the land to be acquired; and*
- (iv) *as portrayed as may be described in the rules made under this act*.

Memang inilah undang-undang yang sedia ada. Yang saya hendak tekankan di sini ialah *safeguard* ini sekarang ini tidak mencukupi. Oleh sebab subseksyen (5) memberi budi bicara kepada pentadbir tanah sama ada untuk menolak permohonan sedemikian kalau mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan. Dengan izin, saya bacakan seksyen 3(5); “*the land administrator may...*”, saya tekankan perkataan *may*, “*...may reject any application which does not comply with the requirements in subsection 3*”.

Jadi maksud saya ini Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun apabila pihak ketiga hendak mengambil alih tanah tuan punya tanah untuk sebab-sebab yang dinyatakan di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c), memang ada *safeguard*. Akan tetapi tidak ada diperlukan untuk pentadbir tanah menolak permohonan sedemikian kalau syarat-syarat *safe guard* itu tidak dipatuhi. Saya mengesyorkan kepada pihak kerajaan agar perkataan, “*may*” ini ditukar kepada, “*shall*”. Maksudnya, untuk maksud (b) dan (c), subseksyen (1)(b) dan (c), kalau syarat-syarat *safe guard* itu tidak dipatuhi, pentadbir tanah haruslah menolak permohonan sedemikian. Kalau tidak, rampasan tanah tuan punya akan terus berlaku dan berleluasa. Memang ramai yang mengeluh tentang rampasan tanah yang tidak adil ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya utarakan untuk pihak kerajaan mengambil tindakan ialah dalam...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Beruas, saya nak mencelah sedikit dan minta pandangan dan tumpang *floor* Yang Berhormat Beruas. Saya ada satu kes di Negeri Sembilan, di mana Kerajaan Negeri Sembilan telah menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah daripada ramai pengusaha kecil di kawasan Mantin, Nilai untuk membantu syarikat pemaju untuk menyelesaikan masalah mereka. Masalahnya begini, pihak kerajaan negeri telah menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk membantu Tetuan BBN Development iaitu pemaju di Bandar

Baru Nilai. Bandar Baru Nilai ini merupakan satu projek yang besar, satu *township* yang besar, di mana sepatutnya semasa perancangan diluluskan oleh pihak kerajaan negeri, pemaju ini perlu menyediakan tapak tanah perkuburan. Akan tetapi oleh sebab mereka nak memaksimumkan keuntungan mereka di kawasan pembangunan mereka, mereka tidak menyediakan kawasan tanah perkuburan. Jadi, sekarang ini dia nak ganti balik tanah perkuburan dengan meminta kerajaan negeri menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah orang lain untuk menggantikan tanah perkuburan di kawasan mereka dengan harga yang murah.

Jadi, saya melihat ini bahawa ada penyalahgunaan Akta Pengambilan Tanah ini oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan untuk membantu sebuah pemaju. Padahal, mereka sepatutnya mempertahankan hak untuk pemilik-pemilik tanah yang kecil. Kita bukan menolak kegunaan tanah itu untuk tanah perkuburan tetapi sepatutnya tapak tanah perkuburan itu disediakan oleh pemaju di kawasan pembangunan mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat Beruas? Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Saya memang setuju dengan misalan yang telah diberikan dan sebenarnya kes-kes sedemikian ini memang agak berleluasa kerana memang seksyen 3 ini yang begitu luas telah banyak kali disalahgunakan. Sungguhpun saya sudah nyatakan dua misalan di kawasan tempat saya di daerah Manjung tadi. Saya harap tindakan susulan boleh dibuat supaya ketidakadilan ini tidak akan berlarutan. Lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan *report* penilaian. Tuan Yang di-Pertua, dalam prosedur pengambilan tanah yang sekarang ini, laporan penilaian oleh pihak tuan punya tanah yang dibuat oleh penilai swasta adalah dibayar oleh pihak kerajaan negeri yang akan mengambil alih tanah tersebut. Sungguhpun pihak kerajaan negeri yang mengambil alih tanah ini, dalam pengambilan tanah ini juga ada satu laporan dari Jabatan Penilaian Harta Persekutuan.

#### ■1530

Malangnya, oleh sebab bayaran untuk penilai swasta ini dibayar oleh pihak kerajaan ataupun pihak yang memohon untuk pengambilan tanah ini, apa yang berlaku ialah penilai swasta ini enggan memberikan satu salinan penilaian mereka kepada tuan punya tanah yang biasanya akan mendapat seorang peguam untuk mewakili mereka kerana dikatakan tuan punya tanah itu bukannya dengan izin *crime* kepada penilai tersebut.

Saya harap amalan sekarang ini akan ditukar di mana peraturan menetapkan supaya sungguh pun bayaran penilai tanah tersebut daripada swasta dibayar oleh pihak kerajaan negeri haruslah penilai itu merupakan penilai bagi pihak tuan punya tanah supaya peguam yang mewakili tuan punya tanah ini mempunyai masa untuk membaca dan menganalisis laporan yang telah disediakan kerana biasanya apa yang berlaku ialah peguam akan pergi pada hari perbicaraan tanpa mendapat satu laporan pihak penilai swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kes saya ingin menyatakan, ini satu kes yang saya mewakili pihak anak guam dan saya mendapati masalah ini berlaku dan saya hendak bangkitkan bukan untuk kes saya tetapi untuk dibaikkan cara pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta persekutuan mempunyai satu prinsip penilaian iaitu kalau mana-mana tanah itu tanah estet, harga itu akan turun mendadak. Dalam satu kes yang saya wakili anak guam di mana di tempat yang sama, baris yang sama atau jalan yang sama dikatakan kerana sesuatu tanah ini melebihi 100 ekar harganya turun mendadak sampai 60%.

Ini bermaksud kalau seseorang itu ada satu ekar tanah, 50 ekar di tepi jalan berkenaan katakan mereka dapat RM1 juta, orang yang kedua yang mempunyai 101 ekar ini akan mendapat pampasan yang kurang daripada mereka yang mempunyai tanah 50 ekar itu. Ini tak masuk akal kerana kita tidak boleh menilai sesuatu tanah ini semata-mata kerana tanah itu melebihi 100 ekar dan mesti turun mendadak sampai 60%.

Saya harap Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Persekutuan ini dapat mengamalkan satu penilaian yang adil di mana harga pasaran sesuatu tempat itu patutlah menjadi pedoman ataupun *guideline* kepada penilaian kerana kalau tidak, akan berlakunya ketidakadilan di mana seorang yang mempunyai 50 ekar di tempat yang sama, kawasan yang sama, di atas jalan yang sama mendapat pampasan lebih daripada mereka yang mempunyai tanah lebih dua kali ganda, 101 ekar ini.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya membawa perhatian kepada Tuan Yang di-Pertua tentang cadangan untuk mengambil alih tanah hanya untuk dengan izin *under ground* tanah, di bawah tanah atau *under ground land*.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman saya juga, ramai tuan punya tanah telah mendapat layanan yang tidak adil terutamanya dulu di mana apabila TNB apabila hendak membuat palen dan juga kabel elektrik kuasa atau *high power tension cable*, mereka hanya mengambil alih tanah atas orang kata, *the air space on top of the soil*. Mereka akan dibayar lebih kurang 40% sahaja harga tanah tersebut tetapi selepas pengambilan tanah oleh daripada kes ini, pengambilan udara atas tanah ini oleh pihak TNB. Tuan punya tanah tidak boleh menggunakan tanah tersebut untuk maksud-maksud mereka sehingga mereka ini, kita kata mengalami kerugian. Saya cadangkan bahawa dalam keadaan sedemikian, pihak tuan punya tanah mesti ada pilihan untuk membenarkan TNB baik pun dalam kes yang kita hendak bincangkan hari ini untuk mengambil *under ground land*.

Pilihan mesti diberi kepada tuan punya tanah untuk memaksa pihak kerajaan negeri untuk mengambil seluruh tanah berkenaan ataupun hanya sebahagian daripada tanah itu iaitu tanah di bawah tanah iaitu *under ground land*, dan juga TNB di mana kalau TNB hendak guna *air space*, tuan punya tanah mesti diberi pilihan untuk memaksa TNB mengambil alih seluruh tanah berkenaan.

Dalam kes *under ground land* di mana difahamkan kerana MRT dan LRT sedang dibina terutamanya di Kuala Lumpur di mana beratus-ratus lot tanah sedang diambil untuk maksud

tersebut, saya bersetuju kita perlu mengambil tanah tersebut tetapi kita mestilah berlaku adil kepada tuan punya tanah kerana terutamanya di kawasan di pusat bandar, kalau sesuatu tanah di bawah tanah ini, atau *underground land* ini diambil, tuan punya tanah di pusat-pusat bandar tidak boleh lagi membina katakan bangunan berpuluhan-puluhan tingkat, kalau tanah dia nilainya memang tinggi di pusat bandar kerana boleh dibina bangunan berpuluhan-puluhan tingkat, nilai tanah itu mestilah mahal dan kalau beliau menjual tanah tersebut, ia memang akan mendapat harga yang tinggi.

Oleh yang demikian, jika pihak kerajaan hendak ambil alih tanah di bawah tanah ini iaitu *underground land*, haruslah pilihan diberikan kepada tuan punya tanah ini untuk memaksa pihak kerajaan mengambil alih terus seluruh tanah berkenaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *temporary occupation* di bawah seksyen 57 dikatakan pihak kerajaan boleh memasuki tanah untuk sampai tempoh tiga tahun ataupun untuk sebentar. Akan tetapi apa yang berlaku dalam tiga tahun ini akan memang mendarangkan kerugian kepada tuan punya tanah yang isunya ialah kalau pampasan tidak dibayar kepada tuan punya tanah, bagaimana kita boleh menggunakan tanah mereka untuk tiga tahun berturut-turut tanpa bayaran dan kerana ia *temporary occupation*, ia boleh dibagi balik kepada tuan punya tanah? Kemungkinan ia boleh di baik pulih atau tidak, kita pun tidak tahu.

Jadi isunya ialah, pada hemat saya, sebelum sesuatu tanah itu diambil alih untuk digunakan oleh mana-mana pihak, tuan punya tanah itu haruslah dibayar pampasan yang mencukupi sebelum tanah itu dirampas kegunaannya daripada tuan punya tanah. Inilah sahaja hujah saya dan harap pihak kerajaan akan mengambil perhatian tentang isu-isu yang telah saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

### 3.49 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Membaca sepotong doa] *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri Yang Berhormat Bagan Serai peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016 Akta 486. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, Kementerian NRE kerana sudah bersedia untuk membuat pemindaan-pemindaan ini kerana akta yang sudah berkuat kuasa sejak 1960, hari ini keadaan dunia telah berubah, keadaan negara telah berubah. Hari ini negara sedang menunggu empat tahun lagi untuk pergi menjadi negara maju. Kita lihat keperluan-keperluan tanah sangatlah mendesak kerana kita lihat bagaimana apabila pertumbuhan penduduk begitu ramai, apabila banyak umpamanya kenderaan-kenderaan, apabila banyaknya perindustrian dan sebagainya memerlukan tempat.

**■1550**

Kita lihat contohnya kalau di Kuala Lumpur sendiri, keadaan sudah begitu padat. Hari ini contohnya kalau hujan lebat sekejap pun boleh jadi banjir kilat dan sebagainya. Jadi kita lihat dengan keadaan yang begini kerajaan sepatutnya membuat pindaan-pindaan ini supaya membolehkan kerajaan mendapat tanah untuk membuat perubahan-perubahan ini.

Jadi kita lihat, pindaan yang akan dibuat ini akan memberikan kesaksamaan kepada rakyat. Kita melihat secara positif untuk bagaimana rakyat diutamakan, untuk memberikan pampasan yang sepatutnya, yang sebaiknya dan juga untuk memberikan laluan kepada kerajaan untuk meneruskan perjuangan pembangunan, untuk meneruskan agenda pembangunan untuk membaiki negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, tanah merupakan perkara di bawah kuasa negeri yang menjadikan bidang kuasa eksekutif setiap kerajaan negeri. Meskipun begitu, Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan membolehkan Parlimen menggubal satu undang-undang tanah dengan tujuan untuk keseragaman polisi di antara negeri dan kuasa eksekutif masih terletak kepada pihak berkuasa negeri.

Jadi kita sudah lihat banyak kali sudah, contohnya keadaan yang berlaku sekarang ini, pencerobohan hutan, pembalakan haram, pembakaran terbuka dan sebagainyalah. Apabila kita lihat tangkapan ada dibuat, kita lihat penguatkuasaan ada dibuat dan kita lihat tindakan-tindakannya kadang-kadang tidak boleh dilakukan oleh *Federal*, Pusat umpamanya kerana ini adalah di bawah kuasa negeri.

Akan tetapi kita hendak tahu, bagaimana, apakah tindakan-tindakan yang dilakukan? Hari ini makin lama kita tengok dalam surat khabar dan sebagainya masih lagi berleluasa. Seolah-olah macam tidak ada tindakan. Akan tetapi tindakan dilakukan. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, pada kerajaan, di mana letak kuasa sebenarnya penguatkuasaan ini, adakah kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri, ataupun adakah ada persefahaman antara kerajaan pusat dan negeri. Siapakah patut menasihati siapa? Di mana bermulanya penguatkuasaan ini supaya kita lihat. Jangan penguatkuasaan ini dilakukan terlalu perlahan atau tidak berkala sehingga tidak ada pembaharuan, tidak ada tindakan yang nampak dilihat.

Oleh sebab semua perkara yang saya sebut tadi akan mendatangkan natijah yang buruk pada negara. Kita lihat hari ini sungai jadi cetek, tasik boleh jadi kering, empangan boleh jadi dalam bahaya. Kalau musim kemarau macam El Nino ini, sekejap saja boleh jadi kering tasik dan kalau kita lihat ini, hendak datang ini musim hujan ini, La Nina, kita bimbang dengan banjir yang luar biasa. Kita bimbang dengan banjir kilat dan sebagainya. Kejadian-kejadian ini disebabkan oleh perkara-perkara yang kita sebut hari ini. Tindakan ini adalah di bawah kuasa mana yang kita sebut tadi kerana tanah ini di bawah kuasa negeri. Jadi itu pertanyaan saya, di mana letaknya persefahaman ini. Adakah tindakan-tindakan dilakukan? Apakah masa depan sebenarnya?

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan tanah yang dilakukan mengikut Akta 1960 ini merangkumi tanah bermilik seperti ditakrifkan dalam Kanun Tanah Negara 1965, tanah yang diduduki mengikut hak di sisi adat. Ketiganya tanah yang diduduki dengan harapan mendapat hak milik. Ini saya rasa tanah ini makna dia duduk bukan tanah dia. Kalau kerajaan mengambil maka daripada segi perundangan mungkin tidak perlu dibayar pampasan tetapi hari ini diberi hadiahlah, *ex gratia*, diberikan hadiah *ex gratia*.

Saya ingin bertanya adakah perkara ini masih dilakukan? Adakah mesti dilakukan? Adakah kalau tidak dilakukan apa jadi pada perasaan rakyat yang telah duduk lama di situ. Saya ada lihat kes-kes yang di mana diberikan *ex gratia* tapi dia merungut pula dia kata bagi pun sikit. Kita bagi dia patutnya bersyukur sebab dia duduk bukan tanah dia. Bagi pun sikit, hendak pindah hendak cukup duit, hendak duduk tidak boleh. Hendak pergi mana saya. Jadi ini jadi satu persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah keperluan bagi meminda akta ini? Akta ini telah dipinda dengan teliti begitu banyak konsultasi dilakukan. Sebanyak 24 konsultasi dilakukan dan melibatkan semua negeri sama ada diperintah oleh kerajaan ataupun bukan kerajaan. Pertama, bagi menjelaskan dan menambah baik prosedur pelaksanaan, pengambilan tanah, bawah tanah, pengambilan harta tanah-harta tanah berstrata dan juga pendudukan dan penggunaan sementara tanah. Ini dulu tidak boleh. Dulu kalau ambil tanah, kena ambil semua. Akan tetapi hari ini ambil tanah, boleh ambil perkara yang perlu. Bermakna boleh ambil kepada unit ataupun blok yang perlu. Kerajaan tidak perlu ambil semua. Kerajaan perlu ambil benda yang diperlukan untuk pembangunan, untuk kepentingan awam. Yang ini dilakukan.

Jadi kerajaan tidak perlu berbelanja begitu besar, tapi boleh digunakan duit ini untuk perkara-perkara yang lain dan juga...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi saya habis. Begitu juga rakyat tidak perlu pindah. Rakyat boleh duduk lagi di situ dengan menikmati pembangunan yang ada di situ. Jadi ini satu pembaikan, satu penjelasan, prosedur pelaksanaan pengambilan tanah yang baik, yang dulu tidak ada. Jadi hari ini dengan negara kita hendak jadi negara maju, dengan pindaan-pindaan yang begini akan memudahkan kerajaan untuk meneruskan perjuangan dan akan memberikan kesaksamaan kepada rakyat yang ada di negara ini. Terima kasih, silakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai ,saya hendak tanya berkenaan dengan tanah tadi bila Yang Berhormat Bagan Serai kata ambil yang dalam tanah itu. Dekat Kuantan berlaku keadaan di mana bauksit diambil dari dalam tanah. Tanah peneroka, tanah tuan punya kebun durian. Jadi sekarang ini masalah timbul apabila rehabilitasi, pemulihan itu tidak ada siapa yang bertanggungjawab. Macam mana pandangan Yang Berhormat Bagan Serai? Sebelum saya serahkan balik, saya

ingin mengumumkan kehadiran pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Matang Pasir, oh, yang sudah keluar dari Parlimen Permatang Pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pohon Yang Berhormat Bagan Serai komen sikit tentang bauksit ini. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Itu sebabnya yang saya kata daripada awal lagi bahawa kerajaan hari ini telah buat satu perkara yang sangat positif dan baik kerana pindaan-pindaan ini akan memberikan kesaksamaan kepada rakyat kerana apa yang berlaku sebelum itu mungkin tidak ikut apa yang ada di dalam pindaan-pindaan yang kita hendak buat hari ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan bahawa pindaan, kenapa pindaan ini...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya? Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Kerana ia menjelaskan, dan menambah baik prosedur berhubung rujukan mahkamah oleh tuan tanah. Jadi maknanya, sebentar, saya baru masuk. Maknanya rujukan untuk prosedur-prosedur berkenaan dengan tanah ini ke mahkamah akan dipermudahkan, akan dimudahkan bagi rakyat. Jadi kita lihat rakyat tidak akan jadi masalah kerana inilah pindaan-pindaan yang dibuat supaya perkara-perkara contohnya perkara yang tidak puas hati, perkara yang dia tidak tahu kerana kita sudah tahu tadi pengambilan tanah ini mungkin berlaku di bandar ataupun berlaku di kampung.

Kita ambil yang di kampung contohnya, mungkin mereka tidak tahu pembangunan akan berlaku, *highway* akan disiapkan, jalan raya besar akan disiapkan, sama ada di Malaysia sini ataupun Malaysia timur, kita lihat dia melangkaui tanah-tanah orang kampung dan sebagainya. Mereka ini tidak tahu umpamanya. Jadi pindaan-pindaan ini akan menjelaskan dan memberi kebaikan kepada rakyat untuk mengikuti prosedur dengan mudah di mahkamah. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua saya tadi dengar Yang Berhormat Bagan Serai kata tentang banjir besar di Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu apakah ini ada kaitan dengan pindaan rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang? Saya rasa yang masalah banjir besar di Kuala Lumpur, banjir kilat itu adalah kerana yang tidak terlalu pembangunan di pusat bandar Kuala Lumpur dan juga pusat longkang, parit kita ini tidak didalamkan. Saya juga rasa perancangan yang kurang teratur yang berlaku di Kuala Lumpur yang menyumbang kepada berlakunya banjir kilat. Jadi ini tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang yang kita bahaskan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih kita...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

■1600

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Tentang pindaan-pindaan yang dilakukan untuk pengambilan tanah. Apa yang saya pada awal perbahasan ini menyatakan

bahawa tentang kuasa negeri dan kuasa pusat tentang pengambilan tanah ini dan tindakan-tindakan yang dilakukan. Maksud saya apabila penguatkuasaan dilakukan atau tidak dilakukan atau tidak dilakukan dengan sebaiknya, siapa yang patut disalahkan, siapakah yang hendak ditunjuk jari? Apakah masa depan yang patut dibuat? Adakah Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri? Satu persefahaman kena ada, satu tindakan kena ada itu yang saya maksudkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hasil daripada apa yang telah berlaku kita ini tahu ini pencerobohan, pembalakan haram, selalu disebut. Dalam surat khabar pun kita dengar hasil-hasil inilah akan mendatangkan bencana yang akan berlaku hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Labuan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya ada soalan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai fasal rang undang-undang ini ada pengaudit tanah, bawah tanah. Saya pun tertarik juga dan saya pun setuju dengan Yang Berhormat Seputeh tadi hendak tanya fasal bawah tanah ini. Akan tetapi saya teringat kalau kita buat SMART dahulu, jadi kita hendak buat SMART terowong bawah tanah ini kita kena masuk bawah.

Jadi bila kita hendak korek tanah ini mungkin dekat atas ada bangunan. Jadi kalau ikut sekarang ini kita kena ambil mungkin *involve* tanah dekat atas sekali jadi itu akan menyebabkan kos yang lebih tinggi. Saya yakin di negara-negara maju kita ada buat *subterranean development* makna ada dengan izin buat MRT, kita ada buat *subterranean* makna dia pembangunan di bawah tanah di bawah-bawah rumah ini yang perlu mungkin daripada segi *dome shell* ataupun tempat perlindungan dan sebagainya.

Jadi dengan adanya akta ini dia membolehkan kerajaan ambil tanah dari bawah tanah yang masih penting untuk kita melaksanakan infrastruktur untuk masa depan, MRT contohnya. Jadi kalau tidak ada bawah itu kita kena ambil dengan tanah-tanah dekat atas. Itu hak itu tidak dijelaskan dengan terperinci dalam PBT atau Kanun Pengambil Tanah sebelum ini. Jadi saya ingat apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai sebenarnya bagi saya rang undang-undang ini benarnya amat baik kerana membolehkan kerajaan membuat perancangan yang lebih baik dan dapat menangani kos yang berlebihan disebabkan oleh kos pengambilan tanah kalau kita tidak mempunyai klausma atau akta-akta yang membolehkan kita ambil pengambil tanah bawah tanah tadi.

Jadi sebenarnya pandangan saya, pandangan Yang Berhormat Seputeh itu ada keperluan tetapi kurang tepat sedikit. Ini sebab memang kita sebagai negara maju memang memerlukan keperluan-keperluan ini untuk pembangunan *subterranean* tadi, pembangunan di bawah-bawah bangunan besar untuk laluan kereta api, laluan paip, mungkin laluan *electricity* dan mungkin pembetungan dan sebagainya. Ini yang akan boleh dibuat hanya sekiranya rang undang-undang ini diluluskan. Apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, saya sangat setuju dengan pendapat Yang Berhormat Kota Tinggi tadi. Itulah yang saya sarankan daripada awal lagi bahawa saya hendak ucapkan sekali lagi tahniah kepada kerajaan kerana begitu prihatin, kerana begitu sedar yang kita ini hendak pergi ke negara maju. Kita perlukan semua pembangunan dan pembaharuan dan semua perkara yang ada ini dan kita perlukan tanah. Jadi kalau kita terlibat, contohnya tadi kalau ambil di bawah tanah sahaja maka kerajaan tidak membelanjakan banyak duit untuk ambil tanah. Jadi duit yang ada itu boleh digunakan untuk pembangunan. Kalau kerajaan tidak perlu ambil semua bermakna rakyat tadi boleh duduk, masih duduk di atas. Kerajaan boleh pilih dia hendak ambil satu blokkah, dia hendak ambil satu unitkah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia hendak ambil di bawahkah ataupun ditepikah masih lagi ada kawasan untuk rakyat untuk duduk di atas kawasan itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh tanya?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dengan prihatin.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi apa yang berlaku ialah ini satu pembaikan sebenarnya. Kita kena lihat secara positif kerana kita hendak pergi negara maju. Perkara ini mesti dilakukan jadi pengambilan tanah ini bukan kita sebut sebagai rampasan. Pengambilan tanah ini sebagai amal jariah sebenarnya, sebagai amal jariah kerana kita pun terlibat dalam pembangunan. Kita patut rasa bangga sebab tanah di bawah kita digunakan untuk kemajuan negara kita hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi yang pakai baju pink Yang Berhormat Seputeh, bagi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh ya bagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bagan Serai. Tentang yang pengambilan tanah di bawah bangunan kan. Saya rasa rang undang-undang ini tidak sentuh satu masalah ialah kita lihat di Petaling Street yang mana MRT akan gunakan tanah di bawah terowong, diguna buat terowong di bawah tanah jadi kedai-kedai yang sedia ada itu tidak disentuh, itu *heritagekan*. Akan tetapi masalahnya sebenarnya dengan cara ini walaupun MRT boleh dapat diadakan tetapi kita lihat

yang tuan rumah, yang kedai sedia ada itu dia hilang satu peluang untuk membangunkan lagi kedainya. Mungkin dia hendak jadikan satu *shopping complex* jadi tidak boleh buat lagi kerana bawah itu terowong kereta api.

Jadi saya rasa isu tentang pampasan itu ialah yang Yang Berhormat Bagan Serai kata ini baik kerana hanya bawah sahaja yang atas tidak sentuh. Akan tetapi peluang pembangunan semula bagi sebuah kedai ataupun *commercial complex* itu juga adalah dirampas. Jadi ini bercanggah dengan Yang Berhormat Kota Tinggi kata, Oh! Kerajaan prihatin, semua itu. Saya rasa macam mana kita selesaikan yang isu keprihatinan kerajaan, keadilan, kesaksamaan yang disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasihlah. Yang Berhormat Seputeh, hati kena putih tahu Yang Berhormat Seputeh. Jangan kita sebut rampas, mana ada rampas. Ini pengambilan tanah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tidak sebut perkataan rampas, dia sendiri yang cakap.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya dengar tadi sebut rampasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tidak sebut tentang rampas.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hati kena putih Yang Berhormat Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya kata gunakan untuk buat terowong untuk MRT bukan rampas.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tadi ada sebut rampasan, sebut rampasan. You jangan tukar cerita di depan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila dia boleh tahu hati hitamkah, hati putih ini? Dia ada kuasa apa ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini siapa yang bercakap ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mesin X-ray apa yang dipakai ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini masa bila dan datang daripada mana ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hati putihkah hati hitamkah mana dia tahu?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini dia datang daripada mana, ini siapa ini? Duduk duduk duduk. Duduklah saya cakap dengan Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia memalukanlah Ahli Parlimen cakap begini, hati putihkah hati hitam mana kita tahu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak fasal rampasan itu bila-kerajaan mengambil. Ini ada sudah dalam akta.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia ini mentaliti serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kerajaan boleh mengambil tanah bila ada keperluan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Oleh sebab itu Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pindaan dilakukan untuk kebajikan, untuk pemberian kemajuan negara. Jadi bukan kita persoal, "Oh! Kita rugi tidak dapat bina bangunan 100 tingkat atas tanah kita." Kita kena fikir dengan pengambilan ini kita telah membantu kerajaan dan rakyat Malaysia untuk menjadi negara maju, memudahkan pembangunan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Gerik bangun di belakang Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu yang saya katakan tadi sebagai amal jariah, amal jariah Yang Berhormat Seputeh. Faham tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun di belakang Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Fasal rampasan dia tidak faham apa masalah. Tidak apalah duduk duduk duduk.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan semua dianggap sebagai amal jariah tuan. Tidak semudah itu. Kerajaan ambil tidak semestinya amal jariah tengoklah dia hendak bina apa.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai kalau ikut amalan pengambilan tanah bawahkan, kalau ikut amalan bila buat pembangunan kerajaan di atas itu pun kerajaan akan ambil. Akan tetapi dengan terwujudnya akta ini sekurang-kurangnya tuan tanah yang duduk di atas tanah patut bersyukur. Di bawah dia ambil pengambilan di atas dia masih ada hak ke atas tanah. Apakah komen Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua inilah satu pemikiran yang saya gelar sebagai pemikiran yang positif. Kita lihat jadi dia tidak payah pindah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bila kerajaan ambil tanah yang mana kerajaan berhak untuk ambil tanah itu memberikan pampasan yang sewajarnya dan tuan tanah tidak perlu pindah, tuan tanah dapat menikmati pembangunan yang sedang berlaku di situ.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Inilah namanya pemikiran positif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bagan Serai, celah sedikit ya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang Yang Berhormat Seputeh cakap itu adalah *opportunity cost, loss of opportunity cost* kerana *future* dia akan bina 50 tingkatkah, 100 tingkatkah tetapi di bawah ada MRT tidak boleh buat, ini *loss opportunity cost*. Ini bukan semacam duit tahu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih duduklah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Duit tidak akan bina 100 tingkat tetapi ..

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Bayan Baru mana dia ...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi ...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Sebab tidak faham, sebab tidak faham. Saya bercakap fasal benda lain, Yang Berhormat cakap perkara lain. Ini cakap ayam, cakap itik. Kita cakap tentang amal jariah, kita cakap tentang membantu kerajaan untuk pembangunan Yang Berhormat cakap tentang perkara ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** GST akan turunkan harga barang. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ini, kita cakap beragak-agaklah. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini cakap *opportunity cost* saya ingat kita ini beragak-agaklah sedikit cakap. Kalau bila kita ambil itu tidak semua tempat kita ambil untuk buat pembangunan. Kalau ada bangunan pun tidakkan sampai semua tempat ada 100 tingkat. *I think* kita kena beragak-agak sedikitlah cakap. Tadi saya kata bila kita hendak ambil itu sekarang ini mungkin tidak ada perancangan mungkin dia ambil 20 meter, 30 meter, pun banyak di bandar-bandar lain sampai 50 meter, 60 meter dia ambil keperluan. Kalau *average* di situ mungkin 50 tingkat, 60 tingkat sudah ambil kiralah itu.

Jadi saya ingat jangan kita menakut-nakutkan rakyat seolah-olah kita buat ambil tanah itu rampas semua. Saya ingat bila kita buat ini berkira-kira ada *efficiency* dan *viability* projeknya. Bukan semata-mata kita ambil tinggal dua meter bawah. Sekarang ini mungkin tidak ada pembangunan terbabit beberapa buah kedai, memang ada. Akan tetapi *for future*, sebab kita ada perancangan macam ini kita sudah buat perangkaan yang lebih baik. Dengan itu cakap fasal *cost of opportunity* bila kita buat satu *complex infrastructure* yang besar dia akan memberi *direct and indirect benefit*, dengan izin, kepada pembangunan yang ada di situ.

■1610

Tidak semestinya 100 tingkat. Saya hendak beritahu, tidak semua 100 tingkat beruntung. Ada juga 45 tingkat lebih banyak *cost efficiency* dibandingkan dengan 100 tingkat.

Jadi, setakat *cost efficiency* beragak-agaklah sedikit. Jadi, saya hendak cakap pada Yang Berhormat Bagan Serai, ini satu ketidakfahaman dan cuba menakut-nakutkan. Akta ini sebenarnya memberi keselesaan kepada rakyat dan sebenarnya jangka panjang baik untuk sebuah bandar yang mampan. Tidak semua bangunan mampan itu ada 100 tingkat. Hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Bagan Serai, dahulu umpamanya kerajaan sudah mengambil tanah untuk projek-projek kerajaan. Bina pejabat dan kuarters. Akan tetapi sekarang ini kita dapat ada sesetengah tempat, termasuk di Parit umpamanya, ada yang telah pun ditinggalkan, tidak digunakan lagi. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai supaya Kerajaan Persekutuan menyerahkan semula tanah itu yang luasnya kadang-kadang 3, 4 ekar kepada kerajaan negeri supaya dapat digunakan sebagai tapak rumah kepada orang tempatan. Apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit dan Kota Tinggi. Itulah sebab saya katakan. Itu kita cerita tentang di bandar umpamanya tetapi macam mana pula kalau di kampung yang memang tanahnya tidak diusahakan atau pun tanah diusahakan tidak menjadi atau pun harganya memang rendah? Akan tetapi bila ada laluan umpamanya buat *highway*, laluan lebuh raya umpamanya, tanah itu jadi harga naik. Umpamanya, tanah sekeliling jadi harga naik. Jadi, ini dapat untung.

Jadi, itu maknanya rezeki yang masing-masing dapat dan kerajaan dengan haknya untuk mengambil tanah untuk pembangunan ini akan memberikan pampasan. Akan dikira mengikut kiraan yang saksama, yang sebaik mungkin. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3. Laporan penilaian awal penilai swasta boleh disertakan bersama-sama dengan permohonan. Ini satu lagi kebaikan yang mana tidak akan mengambil masa yang akan mempercepatkan proses untuk pengambilan tanah ini yang sekali lagi akan memudahkan kerajaan dan akan memberi kesaksamaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7 memperuntukkan keperluan satu *plan* yang menggambarkan keluasan dan kedalaman tanah bawah tanah bagi pengambilan yang melibatkan tanah bawah tanah, *underground*. Ia membolehkan baki tanah yang merupakan tanah permukaan kekal dalam milik tuan tanah setakat had kedalaman yang ditetapkan. Ini satu perkara lagi yang kita sebut tadi. Ia ada macam-macam. Ada yang diambil di bawah sahaja, atas tidak ambil. Ada yang ambil kesemua sekali. Ada yang ambil di bawah dan di atas, dijangka ada pemindahan sementara, penggunaan sementara. Ada juga kerajaan akan ambil tanah di bawah dan di atas dan had-had yang ada, baki yang ada itu masih lagi menjadi hak milik tuan tanah. Jadi, pindaan-pindaan ini memberikan keselesaan, memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak dan yang penting sekali pembangunan dapat dilaksanakan. Masalah

di bandar contohnya dapat diselesaikan, masalah komunikasi perjalanan di Malaysia dapat diselesaikan. Jadi, kita hendak menuju negara maju ini sudah kenalah pada tempatnya. Kita lihat negara-negara maju ada semua perkara yang begini yang mana kita tidak ada dengan akta yang ada pada sekian lama ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit lagi Yang Berhormat Bagan Serai, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya tertarik dengan pandangan Beruas tadi. Bila ada rang undang-undang ini kita buat sementara, masuk sementara. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Beruas. Mungkin ada terjejas sedikit tetapi sebenarnya bila buat sementara tiga tahun, empat tahun pada pemikiran saya Yang Berhormat Bagan Serai, tujuan kerajaan ambil alih itu dia tidak hendak orang di situ dia pergi tempat lain. Dia bagi kita tiga tahun, kita bangunkan kawasan ini dengan infrastruktur yang baik. Bila siap, you boleh datang duduk balik. Makna dia, mungkin terjejas tiga tahun sebab kerja-kerja pembangunan supaya tidak terganggu atas faktor-faktor keselamatan.

Akan tetapi bila sudah siap, dia masuk balik, sudah tentu nilainya akan bertambah berkali ganda sebab kemudahan infrastruktur yang disiapkan dalam masa tiga, empat tahun. Saya ingat pandangan saya sementara ini, *temporary occupation* lebih bersifat sementara untuk menyiapkan pembangunan dan selepas itu kesan positifnya akan *directly* dapat dinikmati oleh pemilik itu sendiri. Ini maknanya, satu lagi bukti bahawa kerajaan hendak ambil itu bukan sebab hendak menyusahkan tetapi mengupgradekan, memperkasakan, menambah baik keadaan yang ada. Selepas itu, pemilik itu akan masuk balik dan dengan cara itu walaupun dalam dua, tiga tahun dia terjejas negatif daripada segi mungkin *income* dan sebagainya tetapi selepas itu dia akan mendapat *contribution* yang lebih baik dalam jangka masa medium dan *long term*. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai tentang itu? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya setuju sekali lah Yang Berhormat Kota Tinggi. Mohon pencelahan ini dimasukkan dalam perbahasan saya sama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh. Puteh juga ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ada satu musykil lah sedikit. Kalau tidak silap saya bila seseorang itu memiliki tanah, dia memiliki tanah itu di atas tanah dan beberapa kaki sahaja di bawah tanah. Makna, katakan enam kakilah di bawah tanah itu hak dia. Yang bawah pada itu semuanya milik kerajaan. Jadi, saya pelik juga kenapa kerajaan hendak bayar lagi sesuatu kepada bukan milik dia, kepada pemilik tanah yang memang tidak disentuh pun.

Tanah dia yang diambil oleh kerajaan ialah mungkin 20 meter di bawah misalnya atau 10 meter di bawah. Itu bukan milik tuan tanah lagi. Akan tetapi saya boleh memahami kalau kita katakan rasional dia ialah di dalam bandar ialah *cost opportunity* tadi. Selalunya dalam bandar ini bila kita hendak buat bangunan yang tinggi mungkin kita perlu *foundation* yang dalam dan itu dianggap hak milik tuan tanah. Mungkin dalamnya itu mungkin 20 meter, 30 meter. Maka, *opportunity* untuk membuat bangunan yang tinggi itu akan hilang oleh tuan punya. Akan tetapi sebenarnya pemilik tanah itu masih lagi yang diambil tadi ialah milik kerajaan. Yang dibayar oleh kerajaan hanyalah *opportunity lost* kepada pemilik tanah. Boleh komen sedikit Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang ini saya rasa macam puteh. Terasa putehnya itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pada pendapat saya itu masalah teknikal. Yang teknikalnya memang kementerian akan jawab tetapi kita bercakap ini tentang polisi. Yang kita cerita ini tentang dasar sebenarnya. Yang dasarnya macam kita buat dasar-dasar. Dasar-dasar lama ditinggalkan untuk mengambil dasar-dasar baru yang lebih baik, yang lebih sesuai untuk masa kini yang sesuai untuk negara maju. Jadi, ini yang dikatakan tadi keperluan tanah sekarang terdesak, tempat kita telah padat. Jadi, apabila kerajaan hendak buat satu kemajuan, satu pembaharuan pembangunan, maka digunakan akta ini untuk pengambilan tanah ini. Jadi, tidak timbul masalah rampasan. Tidak timbul soal tiba-tiba hendak buat bangunan 100 tingkat. Itu tidak timbul. Malah yang timbulnya kita patut rasa bangga yang tanah kita terlibat dalam pembangunan dan kita rasa macam saya sebut tadi, satu amal jariah yang memberikan kebaikan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap seksyen 9, 22, 23 dan 66 mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya? Okey, silakan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai, apakah cadangan atau pun pandangan Yang Berhormat Bagan Serai tentang nilai bawah tanah ini? Oleh sebab ia boleh beberapa ringgit sahaja kerana langsung tidak ada nilai atau pun kalau boleh bangunkan bangunan berpuluhan-puluhan tingkat ia boleh bernilai berjuta-juta. Boleh dapatkan pandangan tidak? Oleh kerana rakyat mahu tahu apakah pampasan yang kita akan bayar kalau kita ambil tanah bawah tanah? So, before we pass this law kita hendak tahu lah berapakah kerajaan hendak bayar pampasan? Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Itu satu persoalan yang baik sebenarnya dan memang kementerian patut memberi jawapanlah. Sefaham saya mesti ada cara-cara penilaian, ciri-ciri penilaian, berapa harga tanah, di mana tanah, jauhnya tanah dari pusat bandar dan sebagainya. Sudah pasti apa Yang Berhormat Beruas cuba bawa tadi satu persoalan yang kerajaan patut memberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan bagi pengambilan tanah hak milik strata ini merujuk kepada pengurusan seksyen yang saya sebutkan tadi. Skim strata, buku daftar strata, pengambilan petak strata akan terus diletakkan kepada hak badan berkanun atau orang atau badan yang bagi pihaknya petak itu diambil dan tindakan susulan terhadap buku daftar strata. Pengurusan hak milik melibatkan bahagian-bahagian yang tidak diambil dibuat berdasarkan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2016. Bagi pengambilan petak, ia akan terus diletakkan hak kepada pihak yang berkuasa berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap seksyen 28 menjelaskan sekiranya terdapat perbezaan antara keluasan tanah yang diambil selepas pengukuran dengan keluasan tanah yang diwartakan, tiada pewartaan baru perlu dibuat. Sekiranya tidak melebihi suku hektar atau pun 1% luas tanah yang diwartakan. Perkara ini baik dan menampakkan satu perubahan kepada sistem tanah sedia ada. Namun, sedikit persoalan ingin saya utarakan, bagaimana penguatkuasaan yang dilakukan oleh kementerian dalam memastikan tiada mana-mana syarikat yang mengambil lebih tanah daripada yang sepatutnya dengan tidak membuat pewartaan semula dan melanggar peruntukan yang sedia ada. Jika ada, apakah jenis hukuman yang akan dikenakan? Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 29a, 32 dan 48 mengurangkan kadar caj bayaran lewat daripada 8% setahun kepada yang dikenakan dalam peruntukan sedia ada sekarang ini kepada 5% setahun.

#### ■1620

Kadar 5% kadar caj bayaran lewat selaras dengan kadar semasa yang digunakan oleh mahkamah pada masa kini. Pindaan terhadap seksyen ini juga memperlihatkan keprihatinan kementerian dan kerajaan dalam mengurangkan kadar peratus caj bayaran lewat yang harus dibayar oleh mereka yang terbabit. Perkara ini akan mengurangkan beban yang terbabit serta ia mengikut standard operasi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 60. Jika rang undang-undang ini berjaya diluluskan, ia membolehkan pihak berkepentingan membuat bantahan terhadap jumlah pampasan yang diterima, jika ia tidak berpuas hati melalui mahkamah. Prosedur ini dikemas kini selaras dengan prosedur sedia ada pengambilan tanah untuk memastikan perjalanan rujukan ke mahkamah oleh pihak berkepentingan adalah teratur, bersistem, efisien dan mudah untuk diuruskan. Sebab itu saya katakan tadi kalau tidak puas hati, contohnya tanah di bandar yang dia rasa dia boleh buat bangunan 100 tingkat dengan harga yang begitu banyak menguntungkan. Jadi bawa ke mahkamah umpamanya. Diadili di mahkamah berapa yang sepatutnya diberikan. Saya percaya kerajaan akan memberikan perhatian yang saksama kepada- contohnya tanah di

kampung dan tanah di bandar. Tanah di tengah bandar dan tanah di pinggir bandar. Ini memberikan perbezaan-perbezaan dan sudah tentulah tidak sama pada harganya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada akhirnya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan NRE kerana pindaan-pindaan ini akan memberikan kebaikan kepada rakyat, akan memberikan kebaikan kepada negara, akan membuatkan kita lebih cepat untuk menuju kepada negara maju dan inilah yang sepatutnya kita setuju dan ambil bahagian kerana perkara-perkara inilah yang boleh kalau tidak dilaksanakan akan membantutkan dan memperlakukan kejayaan negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

#### 4.22 ptg.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah pandai bab isu Kanun Tanah dan pengambilan tanah. Akan tetapi semenjak kita diberi mandat oleh rakyat, beberapa perkara yang saya rasa perlu dipertimbangkan semula kerana rakyat yang tanah mereka diambil tidak ada tempat mengadu dan mereka tidak ada cara yang mudah untuk membela nasib mereka.

Pertama, ialah isu pampasan. Saya tahu bahawa mereka boleh *challenge* atau mencabar pampasan yang telah ditetapkan oleh pentadbir tanah. Namun, ia hanya boleh dilakukan selepas pengambilan tanah. Maknanya, kos ataupun harga tanah itu dibawa ke mahkamah dan semua ini perlu melalui peguam. Beberapa kes yang datang bertanya dan mereka ini tidak ada *recost* untuk *justice* sebenarnya mengenai tanah yang diambil terutamanya tanah yang pusaka ataupun tanah yang kita kata ada lot lidi. Nama dalam geran tanah ini tidak semuanya ada. Tidak semua orang yang ada rumah atas tanah itu, nama mereka ada di dalam geran ini. Kita kena faham bahawa cara, mungkin disebabkan kejahilan mereka, biasanya di kawasan-kawasan yang satu ketika dahulu luar bandar, sekarang menjadi semi bandar ataupun semi urban, satu lot tanah itu hanya mempunyai nama-nama beberapa orang tuan asal. Mereka telah membayar harga lot mereka kepada tuan tanah ini tetapi oleh sebab proses pertukaran nama ataupun memasukkan nama ini, mereka agak jahil dalamnya, mereka tidak *pursue*, akhirnya nama mereka tidak ada dalam geran tanah ini.

Apabila kerajaan mengambil alih tanah ini untuk projek awam, maka mereka ada rumah-rumah mereka di atas itu tetapi nama mereka tidak ada dalam geran tanah. Mengikut pegawai tanah dan galian, Jabatan Tanah dan Galian ini, mereka yang tidak ada nama di dalam geran ini, kiranya tidak layak mendapat apa-apa pampasan. Jadi maknanya mereka kerugian kerana apabila tanah itu diambil balik, mereka tidak ada tempat baru untuk mereka mendirikan rumah dan mereka tidak ada duit kerana mereka ini kira rakyat yang di satu tahap yang bukan orang senang. Orang sederhana dan mungkin orang susah. Jadi tuan-tuan punya

aset di atas tanah itu sekiranya nama mereka tidak ada di atas tanah itu, mereka tidak akan dapat apa-apa pampasan.

Ini berlaku di Kampung Baru saya ingat apabila kerajaan meluluskan Akta Pengambilan Tanah di Kampung Baru beberapa tahun yang lepas. Kita diberitahu bahawa penduduk-penduduk, pemilik-pemilik tanah bersetuju tetapi ramai juga yang tidak setuju kerana tanah yang mereka dapat itu, tanah asal tanah pusaka. Apabila tanah pusaka itu, mereka tidak dapat selesaikan, ada rumah asal dan ada di antara orang kata anak cucu daripada pemilik asal itu mendirikan rumah mereka di situ dan sementara anak cucu lain, keturunan lain tidak mendapat hak milik mereka.

Jadi kalau tanah itu diambil, kalau kita pergi ke Pejabat Pusaka dan sebagainya, akhirnya semua orang yang layak mendapat itu akan mendapat bahagian mereka. Jadi akhirnya seorang sedikitlah akan mendapat bahagian tetapi orang yang telah duduk lama di atas tanah itu tidak mungkin dapat membina rumah atau membeli rumah di tempat yang lain kerana jumlah itu sangat sedikit kalau dibanding dengan harga harta tanah sekarang.

Jadi saya tidak tahu apakah pembelaan yang kita dapat berikan kepada rakyat ini kerana dalam kawasan saya ada dua projek pengambilan tanah. Satu sudah selesai iaitu dalam pembinaan Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LAKSA) dan sekarang dalam proses Lebuhraya Persisiran Pantai Barat dan sebahagian daripada pengambilan tanah ini ataupun pakejnya ada dalam kawasan saya. Jadi yang selesai itu iaitu Lebuhraya Kemuning-Shah Alam ini, pemilik tanah itu mengatakan kenapa kerajaan bila hendak ambil tanah hanya ambil sebahagian. Lot yang ada itu jadi terbelah dua. Bila terbelah begitu, jadi rumah-rumah di dalam *in the pathway of the development*, dia hanya akan bayar di situ sedangkan di dalam geran tanah itu, ada beberapa nama dan orang-orang yang pemilik-pemilik aset di atas tanah itu yang rumah mereka tidak kena pembangunan juga mendapat pampasan kerana nama mereka ada dalam geran. Ini kerana di dalam geran itu, tidak disebut di mana pemilikan itu. Dia cuma nama di situ tetapi tidak tahu di mana posisi pemilikan itu.

Jadi apabila pampasan itu diberi, pampasan diberi kepada semua orang yang namanya ada di dalam geran, sedangkan pemilik aset di mana pembangunan itu berlaku, mendapat juga pampasan tetapi tidak mencukupi untuk mereka membeli tanah baru atau membeli sebuah rumah. Jadi kalau inilah yang berlaku, maknanya rakyat tidak terbela. Sekarang ini masalah lagi. Dalam pengambilan tanah untuk pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat. Akan mengena dalam kawasan perumahan kaum India dan lain-lain kaum. Banyak kaum di situ. Memang ada pemilik-pemilik rumah di atas tanah itu mereka ini tidak ada nama di dalam geran. Mereka ini sesetengahnya menduduki rumah pusaka. Jadi bila disiasat dan sebagainya, memang saya bertanya pada Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan, adakah mereka ini akan mendapat pampasan juga dan adakah pampasan yang akan diberi ini mencukupi untuk mereka membina rumah lain atau membeli rumah lain.

Bila kita bercakap harga tanah itu pula, ia duduk di dalam kawasan semi urban. Tanah itu pula dikira sebagai tanah asalnya tanah ladang, belum ditukar statusnya, maka nilai tanah

itu sendiri sekarang ini masih tidak diketahui dan rakyat tidak tahu banyak mana mereka akan dapat dan sama ada mereka boleh meneruskan kehidupan mereka di mana mereka hendak membina ataupun membeli rumah selepas ini. Jadi saya meminta pihak kerajaan apabila membuat penilaian, *above and all*, atas penilaian yang diberi oleh pihak-pihak berkuasa, maka kita juga perlu memberi pampasan mengikut sama ada mereka ini selepas tanah itu diambil oleh kerajaan, dapat beli rumah satu lagi ataupun bina rumah di tempat yang lain.

**■1630**

Kebanyakan mereka tidak akan mampu kalau setakat pampasan RM20,000, RM30,000 di dalam daerah Klang maknanya tidak ada tempat untuk mereka membina rumah atau membeli rumah ya. Tidak cukup ya. Jadi ini adalah di antara saya sebut...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat kepada isu orang yang tinggal tanpa namanya ada dalam geran dan sebagainya, boleh dianggap sebagai *squatters*lah, betul? Di negara-negara luar kita ada *equitable rights* bermaksud walaupun dia tidak ada hak milikan tinggal di sana tetapi disebabkan dia tinggal di kawasan itu berpuluhan-puluhan tahun telah menaikkan nilai harga tanah itu dan menjaga kawasan persekitaran, apabila dibawa ke mahkamah mereka akan diberi satu keputusan yang memihak kepada mereka disebabkan oleh istilah *equitable rights*.

Akan tetapi di Malaysia memang kita tidak ada dan kita memahami undang-undang Malaysia tidak memberi peruntukan atau *National Land Court* (NLC) kita tidak memberi atau tidak ada dalam peruntukan atau menerima *equitable rights*. Maka, apabila tak ada satu kawalan daripada peruntukan undang-undang bukankah kerajaan yang sepatutnya menjaga hak mereka, mengambil kira juga betapa lama mereka tinggal di sana, betapa mereka telah menaikkan dan menjaga kawasan-kawasan persekitarannya?

Saya rasa walaupun tidak ada peruntukan undang-undang kuasa ini diberikan kepada kerajaan untuk mengambil berat tentang hak mereka kerana kalau kerajaan tidak mengambil berat tentang mereka dengan memberi pampasan sebanyak RM20,000, RM30,000 dan menyuruh mereka tiba-tiba keluar dari kawasan yang mereka telah tinggal selama 30, 40 tahun, saya rasa memang itu tidak memadai. Maka kesimpulan saya disebabkan tidak ada peruntukan undang-undang seperti negara-negara lain, kerajaan perlu mengambil tempat untuk mengisi kekosongan itu dan menjaga kebijakan rakyat yang telah menetap di kawasan-kawasan tersebut. Pandangan, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Kapar, saya harap ia dimasukkan juga sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Saya kira menterilah yang akan menjawab apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kapar. Saya hendak menyambung sedikit mengenai tadi Yang Berhormat Kapar ada menyebutkan bahawa mereka duduk di atas tanah-tanah, mungkin yang duduk di atas tanah kerajaan yang disebut tadi tetapi yang '*ha'* saya bawa ini tadi tanah itu ya, hak milik mereka ya.

Mereka telah membeli tanah itu daripada tuan milik asal, itu yang saya sebut tadi dia jadi lot lidi. Cuma oleh sebab nama-nama mereka tidak dimasukkan ke dalam geran ya, kalau kita tengok kalau ikut kalau tak silap saya kalau tanah perladangan, satu pertanian, satu ekar tanah hanya boleh ada satu buah rumah dan juga kalau hendak masukkan lagi nama sekarang ini dia kena tukarkan status tanah itu kepada tanah perumahan atau tanah pembangunan dan sebagainya. Rata-rata kita lihat terutamanya rakyat kita di kampung tidak mampu untuk menukarkan satu ekar tanah hendak bagi di situ letaknya orang kata, bapanya duduk di situ, mak saudaranya, bapa saudaranya lepas itu sepupu sepapatnya, semua di situ. Semua masing-masing membina rumah mereka di situ.

Jadi ini adalah satu lagi kelemahan di dalam Kanun Tanah Negara kita kerana soal pusaka ini yang jadi sebahagian besar juga adalah kerana tanah pusaka ini tidak diselesaikan dalam masa yang cepat. Akhirnya yang layak semuanya bina rumah di situ dan akhirnya tanah itu hanya pada satu atau nama di dalam geran tanah itu hanya satu atau dua orang kerana dia tidak boleh dibahagikan kecuali kalau mereka menukar status tanah itu. Akhirnya sekiranya kerajaan hendak mengambil alih tanah itu semula maka yang hanya layak mendapatnya itu penama-penamanya yang lain itu tak ada hak di situ ya. Kalau dia masuk di pejabat pusaka pun dia akan mengambil masa yang lama. Saya hendak bertanya kepada kerajaan, tidak ingin kah kerajaan meminda Kanun Tanah Negara ini untuk mewajibkan pembahagian pusaka dan sebagainya pada masa-masa tertentu?

Sekiranya kegagalan ini berlaku apakah mungkin kerajaan pada ketika itu menyelesaikan dengan cara orang kata bukanlah paksa, hendak menyelesaikan awal kerana semuanya ini bukan- bila tanah pusaka akan menjadikan tanah itu tidak bernilai, tanah itu tidak bernilai kerana tidak boleh dicagarkan, tidak boleh dibangunkan dan sebagainya. Ini merupakan satu kerugian kepada orang Melayu terutamanya. Oleh itu saya harap dapat Menteri beri perhatian.

Kemudian saya hendak sebut juga tentang pengambilan tanah tadi Yang Berhormat Beruas telah menyebut tentang bagaimana tanah diambil ruang udaranya diambil untuk memasang kabel elektrik, *high tension wire* dan sebagainya. Pada zaman sebelum Lembaga Elektrik Negara (LLM) diswastakan menjadi TNB, pada ketika itu tanah-tanah itu diambil ya, dan mereka diberi setengahnya diberi pampasan hanya kalau dia ada pokok kelapa sawit, dia ada pokok-pokok, dia dibayar hanya mengikut beberapa batang pokok yang terpaksa ditumbangkan untuk memasang *high tension wire* itu. Akan tetapi pemilik tanah itu tidak dapat membuat apa-apa kemajuan hatta hendak bina rumah pun tidak boleh kerana kita tahu bahawa apabila kabel *high tension wire* ini dipasang, TNB atau LLM pada ketika itu tidak membenarkan lagi apa-apa pembangunan *permanent* atau pembangunan yang kekal di bawah *line electric* ini.

Saya biasa bertanya kepada pihak kerajaan negeri, bagi saya adalah zalim kerana mereka masih lagi terpaksa membayar cukai tanah dan kita menggunakan tanah mereka di atas, di bawah tidak boleh buat apa-apa mereka tidak ada hasil daripada tanah tersebut dan cadangan daripada pihak negeri mengatakan "Oh boleh dia buat claim tetapi dia kena buat

*sendiri lah kerajaan tidak akan memberi secara automatik.*" Kini semua tanah atau aset LLM dahulu yang suatu masa di bawah kerajaan sekarang menjadi hak milik TNB. TNB sebuah korporat. Tidakkah boleh sekarang ini kerajaan mengadakan undang-undang untuk semua jenis tanah yang diambil sebegini termasuklah pembinaan perparitan dan sebagainya yang tidak dibayar satu sen pun kepada rakyat supaya ganti rugi ini dibuat kepada mereka dan mereka tidak perlu membayar cukai tanah di atas tanah-tanah itu sebab tanah itu masih lagi atas nama mereka.

Cuma mereka tidak boleh pakai. Adakah adil kerana kita membayar pampasan beberapa pokok kelapa sawit, pokok getah dan sebagainya maka selepas itu guna tanah itu tidak dapat lagi dinikmati oleh pemilik tanah itu. Jadi ini satu perkara yang saya rasa yang menjadi kemesyikilan saya tahu kita bawa ini di Parlimen tetapi akhirnya bila kita pergi Parlimen menteri akan kata, "*Oh itu di bawah kuasa kerajaan negeri. Terpulang kepada budi bicara kerajaan negeri*" dan sebagainya. Akan tetapi, selagi Kanun Tanah Negara itu membenarkan kerajaan negeri untuk melakukan begitu maka mereka tidak ada usaha untuk membuatnya secara sukarela.

Saya bagi lagi satu contoh, bagaimana teruknya Kanun Tanah Negara ini bagi rakyat biasa. Saya duduk di kampung dalam Kuala Lumpur. Menjadi kehairanan saya apabila kiri kanan jalan dibina kedai dan dibina apa-apalah rumah dan sebagainya tidak ada *reserve jalan*. Tidak ada *reserve jalan*. Kalau terbabas kereta mesti kena bangunan. Jadi bila saya bertanya kepada pihak berkuasa tempatan mereka mengatakan bahawa memang itu tanah rakyat. Maknanya bila kerajaan dahulu membina tanah di dalam kampung, kerajaan tidak mengambil tanah itu dengan sah. Jadi tidak ada *reserve jalan*. Jadi hendak besarkan jalan *is out of the question*, dengan izin. Jadi sampai bila ini akan berterusan?

Begitu juga sekarang ini apabila berlaku banjir dan sebagainya perparitan terpaksa diluaskan ya dan ini semua di atas tanah hak milik. Tidak ada pampasan. Tidak ada usaha untuk membayar pampasan dan mengambil alih tanah-tanah yang diambil daripada rakyat.

#### ■1640

Saya harap Kanun Tanah Negara ini tidak sahaja pengambilan tanah ini tidak sahaja melihat kepada orang kata tanah-tanah di bandar bawah tanah dan sebagainya. Akan tetapi melihat kepada keperluan rakyat di luar sana yang biasanya kalau mereka berjumpa dengan pejabat tanah dia memang menemui kebuntuan kerana pentadbir tanah kata oh tidak boleh hendak buat apa. Sudah begini sudah lama begini. Jadi apakah kesudahan rakyat begini? Itu pertanyaan persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

**4.40 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah 2016. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan, kepada Kementerian NRE yang telah siap menyediakan untuk pindaan yang akan membantu untuk memastikan negara kita akan terus berdaya saing dan dalam keadaan pertumbuhan penduduk yang semakin padat, urbanisasi yang semakin rancak, maka ini adalah satu yang sangat penting. Malah saya lihat ia memang *long overdue*, dengan izin.

Ia juga sudah tentu akan memberikan perlindungan kepada pemilik tanah selain daripada juga untuk kerajaan. Banyak perbahasan tadi yang saya dengar pertanyaan-pertanyaan untuk memastikan perlindungan kepada tuan tanah dan pemilik tanah apabila pengambilan diambil. Saya yakin dengan pindaan ini perlindungan yang lebih baik akan dapat diberikan kepada pemilik tanah dalam semua aspek termasuklah daripada segi nilai dan sebagainya.

Apa yang saya ingin tanyakan di sini pula adalah lebih kepada keperluan kerajaan ataupun bolehkah dengan pindaan ini pihak kerajaan mengambil tanah yang berada di kawasan yang strategik untuk dibangunkan ataupun di kawasan *urban*, di kawasan bandar yang tidak dimajukan untuk sekian lama.

Padahal keadaan pasaran saya bagi contohlah Labuan di mana tempat komersial, tempat *shop lot* dan sebagainya adalah kurang sehingga membuatkan sewa itu menjadi terlalu mahal. Tambahan pula, untuk *developer acquire* tanah-tanah yang ada harganya terlalu mahal dan ia terletak di kawasan-kawasan yang kurang strategik. Memandangkan *demand* itu lebih kurang sahaja dan banyak lagi alternatif lain daripada segi *investment* di bandar-bandar lain yang lebih menarik maka *investor* tidak membuat *acquisition* tanah dan daripada pemilik-pemilik swasta. Tanah-tanah yang strategik yang mungkin bermasalah boleh jadi ia tanah yang pemiliknya sudah tidak ada dan dia punya *inheritors* atau pun pewaris-pewaris dia kebanyakannya sebahagiannya sudah berada di luar negara, *migrate* dan sebagainya. Ia adalah sedikit sebanyak membuat pembangunan atau keindahan bandar itu terganggu disebabkan ia berada di tengah-tengah bandar tetapi tidak dibangunkan.

Jadi pertanyaan saya bolehkah kita ambil alih, kerajaan ambil alih tetapi bukan tujuan untuk buat kemudahan awam tetapi lebih untuk pembangunan komersial. Walaupun ia bukan untuk tujuan awam tetapi sebenarnya pembangunan ini akan membuatkan ekonomi menjadi lebih rancak dan ia sekali gus nanti akan membuatkan ekonomi yang lebih baik dan seterusnya akan memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Persoalan yang seterusnya adalah seperti juga di kawasan-kawasan lain yang dikatakan di luar bandar, di Labuan juga sebenarnya banyak tanah rakyat ataupun orang kampung yang mungkin tidak begitu arif ataupun tidak mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai pampasan dan sebagainya. Jadi banyak tanah-tanah yang diambil dan dibangunkan untuk kemudahan awam suatu masa dulu tetapi tidak pernah diberikan pampasan. Adakah

dengan *amendment* ini ataupun selama ini boleh pampasan itu dituntut oleh mereka yang terlibat.

Selain daripada itu ada juga tanah-tanah yang sudah diambil alih disebabkan oleh pembangunan awam dan sebahagian daripada yang tertinggal adalah lebihan yang tidak dapat dinikmati oleh pemilik tanah tetapi tidak diambil oleh kerajaan disebabkan bajet ataupun *saving* yang ingin diadakan oleh kerajaan pada ketika itu. Adakah pindaan ini membolehkan mereka yang mempunyai tanah bentuk yang tidak lagi boleh dibangunkan ataupun *sizenya* yang terlalu kecil ataupun berada di tepi *runway airport* dan sebagainya yang tidak boleh dibangunkan boleh diberikan pampasan untuk memberikan keadilan kepada mereka yang terlibat.

Selain daripada itu, saya cuma ingin menambah sedikit iaitu di Labuan kita mempunyai banyak juga tanah-tanah yang dimiliki oleh agensi-agensi kerajaan tertentu sama ada Kerajaan Persekutuan terutama Kerajaan Negeri Sabah yang tidak dibangunkan. Adakah patut ataupun boleh kerajaan mengambil alih tanah yang dimiliki oleh agensi kerajaan lain yang tidak dibangunkan untuk tujuan pembangunan terutamanya pembangunan untuk awam seperti Rumah Mampu Milik ataupun Projek Perumahan Rakyat. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan selepas itu menteri menjawab.

#### **4.48 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016. Saya hendak sentuh perkara tentang kejadian berlaku di Cameron Highlands iaitu operasi Ops Gading. Walaupun ia tidak melibatkan, ia di bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri tetapi ia ada bersangkut paut dengan pengambilan tanah dan juga masalah alam sekitar. Di mana perkara ini berlaku tahun 2014, kerana berlakunya bencana alam banjir kilat dan memberi kesan amat buruk kepada alam sekitar. Ya satu operasi Ops Gading telah pun dijalankan melibatkan semua jabatan terutama pejabat tanah, polis, tentera dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Dalam Ops Gading itu banyak perkara berlaku di mana tidak kira apa pun di mana terdapat penyalahgunaan kuasa terutama di pejabat tanah di mana banyak petani terutama sayur yang juga bunga di mana sumber mereka dihapuskan kerana mereka duduk tanah yang haram.

#### **■1650**

Akan tetapi mereka sebelum itu memang ada bayar cukai tanah walaupun mereka tahu mereka duduk tanah itu sudah lama, daripada generasi nenek moyang mereka. Ada tiga keturunan, sepatutnya mereka boleh menduduki tanah itu dan mereka mohon melalui pejabat tanah. Mereka dipermainkan, di mana mereka dapat permohonan untuk duduki tanah itu untuk tanam sayur dan juga bunga.

Akan tetapi malang sekali dalam Ops Gading itu di mana ke semua tanah mereka telah pun dimusnahkan. Walaupun ia juga melibatkan tentang pendatang asing dan juga hal-hal lain tapi saya hendak tanya tentang berkenaan Yang Amat Berhormat Menteri. Adakah pengambilalihan tanah itu berkaitan dengan Ops Gading 2 yang akan diperkenalkan. Di mana saya difahamkan Ops Gading 2 ini ia melibatkan beratus juta, terutama untuk menanam semula pokok-pokok di tanah yang telah pun dimusnahkan tanaman sayur tanaman mereka ini. So, saya memang kecewa tentang insiden yang berlaku pada Ops Gading 1 ini, di mana asas. Saya hendak tahu setakat ini beberapa buahkah tanah ataupun rumah dimusnahkan dan juga jumlah kos yang terlibat, terutama di mana melibatkan semua jentera kerajaan dan juga kos-kos tanaman-tanaman yang dimusnahkan itu.

Ini sebab banyak petani, mereka mengadu kepada Ahli Parlimen yang sedia ada tapi mereka tidak dapat jumpa Ahli Parlimen itu. Mereka tidak ada ruang untuk buat untuk *complaint* berkenaan hal ini. So, saya Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan terpaksa mengambil isu ini, di mana ada penduduk-penduduk di kawasan saya, keluarga mereka tinggal di Cameron Highlands. Mereka sudah pun menduduki tanah itu sejak nenek mereka guna tanah itu untuk menanam tanam sayuran dan bunga.

Akan tetapi sangat kecewa di mana Ops Gading 1 musnahkan kesemua tanaman mereka dan mereka mengalami kerugian yang amat besar. Bukan beribu-ribu Ringgit, berpuluhan, beratus ribu Ringgit. Saya hendak tahu juga Ops Gading ini, setakat ini adakah pegawai pejabat tanah telah ditangkap dan dihadap ke mahkamah. Oleh sebab sebelum itu memang berlakunya gejala rasuah di kalangan pegawai pejabat tanah. Di mana berlakunya di mana petani-petani memberi sogok yuran ataupun setiap tahun mereka membayar cukai tanah kepada pejabat tanah.

Akan tetapi akhirnya, mereka mendapat layanan begitu, di mana selepas itu mereka tahu tanah itu bukan tanah mereka. So, saya rasa ada masalah tuduhan gejala rasuah di kalangan pejabat tanah di Cameron Highlands. So, saya hendak tahu berapakah setakat ini? Adakah mereka telah dihadap ke mahkamah dan juga adakah bukan setakat pegawai tapi petani. Kalau petani, mereka mengakui dia bayar banyak duit kepada pegawai. Saya hendak tahu juga adakah yang dikenakan tahan itu merupakan petani tetapi bukan pegawai. So, itu saya pelik sekali. Juga saya hendak tahu tentang Ops Gading 2 yang akan datang ini di bawah Kementerian Alam Sekitar, di mana memastikan pengambilan tanah kali ini boleh memastikan supaya tidak lagi berlakunya bencana alam seperti berlaku pada 2014. So, saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai lagi pula.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, bagilah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dimaklumkan *subsequent bill* selepas ini juga berkaitan. Berkaitan Yang Berhormat Menteri?

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ada sikit-sikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada berkaitan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit sahajalah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah, kita habiskanlah ya, Yang Berhormat Sekijang.

#### 4.55 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah ini. Akta Pengambilan Tanah yang mula dikuatkuasakan pada tahun 1960 adalah bertujuan untuk menyeragamkan hal-hal berkaitan dengan pengambilan tanah secara paksa yang mana selepas pindaan yang lalu pada tahun 1997 ia dilihat terdapat beberapa keperluan mendesak. Terutamanya bagi memudah cara pembangunan semasa serta perkara berkaitan peningkatan nilai tanah tersebut bagi memastikan penggunaan secara optimum tanah-tanah di kawasan bandar. Sudah tentu apabila dikuatkuasakan kelak, peruntukan yang ada melalui pindaan ini dapat memastikan pentadbiran dalam proses pengambilan tanah dapat dijalankan secara lebih efektif.

Terdapat dua perkara utama melalui pindaan akta ini iaitu bagi memudah cara pelaksanaan pengambilan tanah melibatkan skim harta tanah berstrata serta kebenaran pengambilan tanah bawah tanah sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian tanah di bawah tanah yang selama ini telah menjadi kekeliruan kepada pemilik asal berhubung cara pengambilan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini peruntukan yang ada pada akta ini tidak memenuhi kehendak pengambilan tanah melibatkan skim harta tanah berstrata. Skim harta tanah berstrata semakin hari semakin banyak didirikan, terutamanya di kawasan-kawasan bandar disebabkan sumber tanah yang semakin terhad dan peningkatan populasi penduduk serta permintaan kepada pemilikan rumah yang semakin meningkat.

Justeru, keadaan ini mengakibatkan tidak banyak ruang yang tinggal bagi menampung kehendak orang awam untuk memiliki harta tanah. Oleh hal yang demikian, pembangunan rumah bertingkat alternatif dan penyelesaian yang terbaik. Seperti yang kita ketahui kerajaan mempunyai hak untuk mengambil mana-mana tanah milik persendirian yang diperlukan bagi memelihara kepentingan orang awam seperti bagi memberi laluan kepada akses jalan raya, pembinaan sekolah serta sistem perhubungan pengangkutan seperti MRT. Peruntukan ini adalah terpakai bagi mana-mana tanah milik persendirian, termasuklah bagi skim harta tanah berstrata iaitu petak yang dipecah bahagi. Walaupun begitu didapati bahawa tidak ada prosedur yang jelas dalam Akta Pengambilan Tanah bagi tujuan pelaksanaan pengambilan

melibatkan skim harta tanah berstrata menjadi sukar dan tidak seperti pengambilan tanah individu berbentuk lain.

Oleh hal demikian, cadangan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah ini adalah bertujuan untuk menyediakan prosedur pelaksanaan yang jelas. Bagi pengambilan melibatkan skim harta tanah berstrata tersebut bagi mengelakkan kekeliruan kepada pemilik-pemilik yang terlibat. Akan tetapi dalam kita berkata tentang prosedur ini, saya minta pihak kementerian agar dapat menerangkan apakah prosedur-prosedur tersebut sama ada prosedur adalah sama dengan prosedur pengambilan tanah milik persendirian lain atau terdapat satu prosedur khas bagi pelaksanaan melibatkan skim harta tanah berstrata ini.

Penerangan berkenaan prosedur ini penting memandangkan pindaan ini nanti bakal melibatkan juga pindaan sokongan kepada Akta Hak Milik Strata yang mana tanpa pindaan sokongan ini ia akan menyebabkan pengambilan melibatkan skim harta tanah berstrata tidak dapat kita hendak laksanakan. Oleh itu, saya berharap prosedur ini dapat diterangkan dengan terperinci, seterusnya mampu menjadikan pindaan kepada akta ini dapat mencapai maksudnya. Tuan Yang di-Pertua, pemilikan sesebuah tanah di negara ini adalah berasaskan sistem *Torrens* seperti mana yang termaktub di bawah Kanun Tanah Negara. Pemilikan tanah tersebut yang telah disahkan oleh kerajaan, baik di peringkat Persekutuan ataupun negeri tidak boleh dipersoalkan. Ini termasuklah tentang bagaimana tanah tersebut hendak digunakan melainkan suatu bentuk pampasan diberikan kepada pemilik tanah tersebut.

Melalui Kanun Tanah Negara, seorang pemilik tanah berhak menggunakan dan menikmati secara eksklusif seluas mana ruang udara yang ada atas permukaan tanah itu dan seluas mana tanah yang ada di bawah permukaan dengan munasabahnya untuk menggunakan dan menikmati tanah tersebut. Namun begitu, tiada peruntukan yang menyatakan sedalam mana tanah tersebut menjadi milik tuan tanah selain dari hanya keluasan yang ada padanya.

#### ■1700

Hal ini telah menyebabkan tuan tanah beranggapan mereka mempunyai hak penuh ke atas penggunaan tanah bawah tanah tanpa had termasuklah dengan apa yang ada di dalamnya. Kalau dalam itu ada macam-macam khazanah emas kah, lombong dan sebagainya itu untunglah tuan tanah itu. Namun begitu, melalui Akta Pengambilan Tanah kerajaan mempunyai hak untuk mengambil mana-mana tanah bagi tujuan kepentingan awam. Kebanyakan tanah-tanah yang diambil sebelum ini melibatkan keseluruhan atau sebahagian tanah tersebut dalam bentuk keluasan kawasan dan tiada peruntukan jelas membenarkan pengambilan tanah bawah tanah.

Pembangunan pesat terutamanya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur yang begitu mendesak pada masa kini dan masa hadapan termasuk bagi pembinaan pengangkutan awam bawah tanah seperti MRT memerlukan peruntukan ini jika hendak dibina. Buat masa sekarang kesemua laluan LRT atau MRT termasuklah laluan terowong SMART terletak di bawah tanah milik kerajaan. Disebabkan ini kemungkinan untuk berlaku masalah untuk pembinaan baru pada masa hadapan adalah sangat tinggi. Justeru pindaan akta ini agar tuan

tanah dapat mengekalkan pemilikan tanah permukaan walaupun tanah di bawahnya telah diambil dilihat satu langkah progresif bagi memastikan pembangunan masa hadapan tidak terbantut.

Pindaan seksyen 7 yang tidak menetapkan kedalaman tanah bawah tanah yang diambil juga adalah suatu yang tepat bagi memastikan penggunaan tanah secara optimum. Elemen ini sememangnya adalah praktis sedia ada yang kini diperkuatkan dengan tersedianya akta ini yang seterusnya dapat menghapuskan risiko pertikaian di kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah ini dilihat sebagai satu dimensi baru dalam pelaksanaan pengambilan tanah. Ia juga selari dengan objektif asal akta ini yang bertujuan menyeragamkan undang-undang yang berkaitan dengan pengambilan tanah. Penilaian terhadap pampasan pengambilan tanah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Kita perlu maklum pembangunan negara terutamanya melibatkan kepentingan awam keseluruhannya sesuatu yang amat penting. Justeru kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa kerajaan perlu mengambil tanah milik persendirian bagi memastikan pembangunan negara dapat dijalankan dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Pengambilan Tanah ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Minta pandangan Yang Berhormat Sekijang sedikit

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Baru hendak duduk.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Apabila kita bincang tentang pengambilan tanah ini sebelum tahun 1995, pengambilan tanah ini adalah terhad hanya untuk kegunaan awam sahaja. Akan tetapi selepas tarikh tersebut, pengambilan telah dibuat yang merangkumi untuk tujuan komersial, perumahan dan lain-lain. Maka kita dapat lihat pihak berkuasa tempatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain berlumba-lumba untuk mengambil tanah. Mereka ini bukan sahaja memajukan tetapi hanya menjadi orang kedua sahaja, orang tengah. Apabila mereka dapat buat pengambilan tanah ini dia akan jual pula kepada pemaju-pemaju yang lain.

Akibatnya apa yang terjadi pada ketika ini, akibatnya banyak daripada tanah-tanah kepunyaan rizab Melayu telah diambil, dimajukan, dijualkan dan mendapat keuntungan. Sepatutnya kerajaan-kerajaan negeri kalau mengikut kehendak daripada Kerajaan Pusat di bawah Kanun Tanah Negara telah memperuntukkan semua kerajaan negeri apabila setiap pengambilan untuk dimajukan tanah-tanah milik Melayu, mestilah diganti semula dengan sama nilai. Bukan sama luas, sama nilai. Kalau tanah tersebut dalam tahun harganya lebih mungkin tanah itu dipindahkan ke tempat lain sebagai ganti mestilah dengan satu jumlah yang lebih besar lagi.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Sekijang ini, apakah pandangan sama ada perkara ini boleh dibenarkan lagi berlaku atau tidak? Kalau tidak, kadang-kadang banyak agensi kerajaan kita, kerja dia lain tidak ada, itu sahaja yang dibuat. Untuk mendapatkan

keuntungan tetapi tanpa memikirkan kesan sampingan yang berlaku kepada hak tanah bumiputera. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang terima kasih. Lanjutan dari apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin, memang kita tahu bahawa sesetengah negeri contohnya macam di Kedah, kita mempunyai *limitation* ataupun kekangan tanah yang untuk dibangunkan sebab kebetulan Kedah ini memang terkenal sebagai negeri luar bandar dan Melayu sudah lama. Jadi banyak tanah di Kedah ini Alor Setar, Jitra apa semua ini tanah milik Melayu terutama sekali sawah bendang.

Kita pun tidak dapat nafikan dan dengan perjalanan kemajuan pembangunan negara rakyat makin ramai apa semua ini, tanah-tanah ini diperlukan untuk dibangunkan sama ada hendak membina rumah dan sebagainya. Sudah tentulah macam Yang Berhormat Jasin sebut tadi, syaratnya kalau mana-mana tanah milik Melayu ini hendak dibangunkan perlu buat *swapping*. *Land swapping* ataupun ia ganti balik dengan nilai yang sama. Memanglah banyak tanah ini kerajaan telah pun membenarkan *land swapping* ini maka dibawa ke kawasan-kawasan jauh Pokok Sena, Jitra, Kuala Nerang dan sebagainya.

Cumanya soalan saya ialah adakah Kerajaan Pusat juga mengambil maklum dan diberi pemakluman berapakah luas kawasan tanah rizab Melayu yang telah pun dibangunkan dan diganti dengan tanah baru dengan nilai yang sama dalam pengetahuan Kerajaan Persekutuan? Apakah Kerajaan Persekutuan dapat membuat kawalan daripada segi pertukaran status tanah ini bagi menjamin bahawa pertama, keluasan tanah rizab Melayu itu tidak berkurangan? Kedua, nilai tanah milik Melayu itu pun bertambah nilainya, tidak menjadi kurang. Mohon penjelasan ataupun apalah yang patut dari Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apalah yang patut Yang Berhormat [Ketawa]

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat daripada Jerlun. Saya minta masukkan ucapan kedua-dua sahabat saya ini dalam ucapan saya untuk dijawab oleh pihak Menteri. Oleh sebab kalau saya jawab, saya bukannya Menteri. Cuma pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, Oleh sebab kedua-dua sahabat ini menceritakan tentang hal kepentingan hak milik tanah berkaitan dengan tanah Melayu dan juga bumiputera, saya kira ini satu perkara yang kita tidak boleh pandang remeh sebab bukan sahaja di negeri Kedah dan juga di negeri Melaka, saya rasa di mana-mana negeri pun kebanyakannya isunya hampir sama. Tanah-tanah bumiputera ini yang telah diambil, dibangunkan tetapi apabila diminta untuk dipulangkan semula pada kadar nilai dan keluasan yang sama tidak dapat diberikan tanah-tanah tersebut untuk dipulangkan pada kadar yang sepatutnya. Jadi minta jasa baik daripada pihak kementerian supaya dapat memberi perhatian.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Sekijang, saya tambah sikit lagi lah. Kalau kita ikut daripada wasiat Raja-raja, ikut Perlembagaan 1989 ada sebut terang 50 peratus daripada tanah, termasuk hutan, termasuk gunung, termasuk ganang sekali...

**Seorang Ahli:** Air.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Air, 50 peratus telah diperuntukkan kepada bumiputera di bawah tanah rizab Melayu. Akan tetapi sekarang pada ketika ini kita hanya tinggal 12 peratus sahaja. Perkara ini kita tidak boleh salahkan kerajaan kerana ia berlaku dari bawah daripada kerajaan negeri kerana tanah ini satu daripada hak mutlak negeri termasuk air sekali. Jadi sekarang kita ucap tahniah kepada negeri Johor. Apa yang Kerajaan Negeri Johor buat sudah cukup baik betul, yang telah pada ketika ini membetulkan keadaan dan dengan menambahkan semula rizab tanah Melayu ini yang telah diambil sekian banyak. Jadi kita hendak tengok kalau boleh kerajaan-kerajaan negeri, minta maaf cakaplah kita tengok sekarang yang ada terkurang sekarang kita dapat Selangor dan juga Penang.

**Seorang Ahli:** Pulau Pinang.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pulau Pinang. Jadi kerajaan-kalaularah kerajaan negeri itu berlarutan kita takut satu hari nanti bumiputera akan jadi pengemis dalam negaranya sendiri. Terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Sekijang minta laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, wakil Penang Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sekijang. Menyentuh tentang pembangunan tanah ini saya juga ingin mendapatkan sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Sekijang dan juga daripada Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini saya merujuk kepada negeri Pulau Pinang negeri saya sendirilah, oleh sebab Yang Berhormat Jasin tadi pun ada menyebut tentang keadaan di Pulau Pinang. Ada satu isu di mana tanah-tanah pertanian di negeri Pulau Pinang contohnya sawah-sawah padi dan sebagainya kecenderungan untuk dia orang menukarkan tanah-tanah sawah padi pertanian ini menjadi tanah-tanah pembangunan, dibina bangunan, ditambak, ada yang dibuat kawasan perumahan dan sebagainya.

#### ■1710

Jadi, apakah di sini wujud suatu undang-undang yang boleh mengawal keluasan yang dibenarkan kerana yang saya faham, di atas tanah pertanian kalau keluasan satu ekar lebih hanya boleh dibina sebuah rumah tuan tanah itu sahaja untuk dia duduk. Akan tetapi sekarang ini, kebanyakan tanah-tanah pertanian khususnya di Pulau Pinang ini banyak yang telah dibina rumah burung layang-layang, telah dibuat stor, ia ditambak, dibuat stor. Akhirnya, jumlah tanah pertanian kalau di negeri Pulau Pinang memang sudah begitu berkurangan dan kalau tidak ada satu undang-undang yang boleh mengawalnya di seluruh Malaysia, mungkin keadaan ini akan menyebabkan keluasan tanah pertanian bagi membekalkan sumber makanan akan terus berkurangan. Itu satu hal.

Kedua, kita tahu selalu orang kata tambun ini adalah *state matter*, urusan kerajaan negeri. Akan tetapi apakah tidak ada undang-undang di peringkat akar, di peringkat

persekutuan yang boleh mengawal, contohnya ialah daripada segi penambakan laut. Kejadian penambakan laut ini nampaknya macam satu pesta di Pulau Pinang. Kiri kanan pulau itu sudah pun diplannedkan dan ditambah pun ada, yang akan ditambah, dibuat tiga buah pulau lagi dan macam-macam lagi. Ini di Pulau Pinang lah. Saya nampak macam satu pesta, Pesta Pulau Pinang termasuklah pesta tambak laut. *[Ketawa]Jadi, apakah – bila kita bangkitkan isu ini, selalunya dijawab “*Ini adalah state matter*”, urusan kerajaan negeri, seolah-olah macam tidak ada undang-undang di peringkat persekutuan yang boleh mengehadkan keadaan ini kerana Pulau Pinang adalah sebahagian daripada persekutuan. Sepatutnya ada akta yang menjelaskan secara terperinci tentang kedudukan aktiviti penambakan laut.*

Kedua, saya hendak tanya di sini ialah ada atau tidak daripada segi penetapan keluasan-keluasan tertentu yang boleh dibenarkan sahaja untuk tujuan-tujuan yang berkepentingan darurat sahaja, barulah boleh kita membuat tambakan dan sebagainya. Saya berpendapat di sini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita dengan sewenang-wenangnya menambah laut kiri kanan mengikut suka kita dan mencipta pelbagai justifikasi alasan-alasan untuk buat itu, buat ini. Di Pulau Pinang, dicipta alasan kerana hendak buat satu jalur jalan raya ataupun *transportation* punya keperluan, lalu perlu tambak laut, bina tiga buah pulau sehingga menjelaskan pendapatan para nelayan dan lebih 1,000 nelayan tidak ada pekerjaan. Jadi, kita seolah-olah tidak boleh membuat apa-apa, seolah-olah tidak boleh menyekat kerana kita katakan “*Oh! Ini hak kerajaan negeri*”.

Jadi, patutnya di dalam Akta Tanah Negara ini, kita mestilah meletakkan syarat. Mungkin dahulu tidak ada kerana kita tidak pernah jangka perkara-perkara macam ini boleh berlaku. Sebabnya satu, Kerajaan Barisan Nasional dia tidaklah fikir sangat hendak tambun laut ini tetapi bila kerajaan DAP ini dia hendak tambak laut sahaja. Jadi, saya tidak tahu sama ada untung besar sangatkah atau apa-apakah tetapi perlu ada satu undang-undang yang mengawal.

Kemudian yang ketiga, kita perlu juga ada akta menyebutkan dalam Akta Tanah ini, sejauh mana kita boleh menjual tanah kita ini kepada orang asing? Sejauh mana kita boleh menjual tanah ini kepada warganegara luar? Di Pulau Pinang ini, tanah ini kebanyakannya sudah dijual, dijual itu kepada ada yang warga-warga asing dan sebagainya. Kalau setakat jual rumah *MySecondHome* itu, mungkinlah kita boleh katakan ada justifikasinya. Akan tetapi apabila sampai tanah-tanah juga dijual dan seolah-olah negara kita ini daripada segi undang-undang, banyak tanah dimiliki oleh warganegara asing tanpa ada satu had yang tertentu. Jadi sepatutnya di sini, saya rasa perlu ada perhatian daripada pihak Kerajaan Persekutuan daripada segi menggubal Akta Tanah Negara, melihat tentang fenomena ini supaya negara dan rakyat kita akan selamat di masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ada lagi Yang Berhormat Jerlun?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sedikit lagi. Sambung daripada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat Tasek Gelugor dan

minta perhatian daripada Yang Berhormat Sekijang. Antara taktik ataupun cara orang buat *proposal* membangunkan kawasan contohnya lebuh raya. Lebuh raya ini selalunya mereka kira berkisar dengan kutipan tol tetapi dengan bilangan trafik yang tidak mencukupi, maka kos membina lebuh raya itu tidak *viable*. Akan tetapi sesetengah tempat ini dia ganti dengan kebenaran untuk buat *land reclamation* ataupun tambakan laut. Contohnya kalau di Penang ini kawasan Tasek Gelugor ini, Butterworth Outer Ring Road (BORR). Jadi masa itu mereka hendak buat lebuh raya, tidak *viable* daripada segi *traffic volume*, dengan izin tetapi diberikan satu kebenaran oleh kerajaan ketika itu untuk buat tambakan laut. Sudah tentulah macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor bila semakin maju ke depan, bukan setakat hendak *reclaim* pantai, diperluaskan kawasan tetapi hendak buat pulau.

Jadi, adakah Kerajaan Pusat walaupun ini *state matter* katanya, Kerajaan Pusat melalui mungkin Majlis Tanah Negara boleh menggunakan ruang tertentu, akta apa-apa pun dan sebagainya dengan menggunakan pula agensi-agensi seperti PNB, mungkin mereka kata kalau hendak bekalan air apa semua ini negeri punya, boleh dimasukkan tetapi TNB adalah agensi pusat boleh mengkaji. Kita boleh mengawal benda-benda yang sampai nanti tidak terkawal ini melalui kecekapan pembekalan utiliti ataupun kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya. Jadi, apakah pandangan daripada Yang Berhormat Sekijang?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin, untuk makluman, di Johor ini di Iskandar Malaysia, kalau tahun 1957 dahulu ada peningkatan sebanyak 12% tanah bumiputera dan di seluruh daerah di dalam negeri Johor ini, saya dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan beliau pada persidangan Dewan Undangan Negeri yang lepas, peningkatan sebanyak 21% tanah milik bumiputera. *[Tepuk]* Maksudnya Kerajaan Negeri Johor, memang kita laksanakan usaha-usaha seperti ini kerana melihat kepentingan tanah milikan bumiputera itu sendiri.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Tasek Gelugor tadi, rintihan tentang Penang, tentang Pulau Pinang dan juga berkaitan dengan penambakan tanah laut dan sebagainya seperti juga sahabat saya daripada Yang Berhormat Jerlun tadi. Saya minta yang ini pun sama masukkan dalam ucapan saya dan saya minta jasa baik pihak Menteri untuk menjawabnya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

### 5.17 ptg.

**Tuan SimTzeTzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahas tentang Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, ada ramai yang mengatakan bahawa tanah di bawah tanah itu adalah *the last frontier* kerana manusia telah *conquer all the lands* dan selepas itu dia cipta kapal terbang, boleh terbang di mana-mana, selepas itu ada roket pula sampai bulan. Jadi, tanah di bawah tanah itu disifatkan sebagai *last frontier* dan hari ini Menteri telah *tabled*

undang-undang untuk *land acquisition* di bawah tanah. Ini dikatakan bertujuan sebagai MRT tetapi saya pun ingin mengingatkan semua Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang lain bahawa ia tidak terhad kepada MRT sahaja. Sebenarnya, akta ini pun boleh digunakan untuk *land acquisition* di bawah tanah untuk *gas pipe*, contohnya dan pada masa depan, *highway*, pada masa depan juga mungkin *military used*, boleh menggunakan sebagai *military base* di bawah tanah dan mungkin ia akan menjadi *nuclear testing ground*. Ini kita tidak tahu.

Jadi, apa *limitnya* terhadap isu-isu ini dan sebenarnya ini adalah sesuatu yang sangat serius kerana kalau kita *expand all these facilities*, ada MRT selepas itu *highway then gas pipes* selepas itu *military used* dan *nuclear testing ground*. Ini tidak ada hadnya dan yang akan terjejas ialah orang-orang yang duduk di atas tanah itu. Kalau kita tengok di Singapura – sebenarnya saya pernah pergi ke Singapura dan terang-terang di dalam *Urban Development Authority* (UDA), dia telah menunjukkan perancangan mereka.

#### ■1720

Okey, atas tanah tempat orang duduk. 10 meter bawah tanah itu *shopping complex* dan apa ini semua *facilities*. Lepas itu di bawah lagi *highway*. Lepas lagi bawah tanah lebih kurang 50 meter – *sorry I think* 50 meter ke macam itu menjadi *military used*. *Military based*. Jadi, ini adalah rancangan negara Singapura dan saya nampak bahawa kerajaan menuju ke arah itu juga.

Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jawab adakah kerajaan berhasrat mencontohi Singapura dari segi itu. *What is the limit on land acquisition below the ground. What is the limit?* Untuk pengangkutan ke, untuk *civilian used* ke atau akan terus dengan *military*. Saya rasa khuatir kerana *even civilian used* katakan *gas pipe* yang kita tahu bahawa kalau *gas pipe* melalui bawah tanah melalui *properties*, kalau berlaku apa yang berlaku di Taiwan contohnya atau berlaku di Kanada yang mana *gas pipe* itu meletup dan akibatnya *property* di atas itu terjejas. Orang mati.

Jadi, ini adalah satu isu yang perlu Yang Berhormat Menteri terangkan. Kalau katakan *gas pipe* — kalau kerajaan ingin mengambil tanah untuk tujuan *gas pipe* dan sebagainya. Dia akan menjelaskan hartanah di atas tanah kerana hartanah di atas tanah itu dalam keadaan yang *high risk*. Okey. Jadi, kalau apa-apa yang berlaku mereka akan menjelaskan insurans premium dan sebagainya. Walaupun, kerajaan kata hanya ambil tanah di bawah tanah sahaja tetapi *property* di atas tanah itu masih terjejas kerana premium meningkat. Mereka mungkin ada *risk* dari segi retakan dan sebagainya.

Apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi adalah *opportunity cost, lost. Opportunity cost* itu masa depan mereka hendak bina apa-apa yang lebih tinggi dan canggih mereka tidak boleh pakai kerana bawah tanah telah diambil oleh kerajaan. Jadi, ini seterusnya kita terpaksa bincangkan apakah *compensation* kerana tanah di bawah tanah itu tidak ada nilai. Tidak ada orang tahu apa nilainya. *What is the basis of valuation* — *valuer* pun tidak tahu bagaimana menilai tersebut. Jadi, bagaimana menilai nilai di bawah tanah. Mungkin *zero cost* sebab ia di bawah tanah.

Saya juga ingin minta Yang Berhormat Menteri jawab bahawa dari segi *datum*. Ada sesetengah negara dia menetapkan bahawa 30 meter di bawah tanah itu adalah milik kerajaan. Adakah Kerajaan Malaysia ini juga menetapkan satu *datum* di mana di paras daripada *ground zero* sampai ke negatif 30 meter itu milik *private property owner* dan *below* 30 meter itu adalah milik kerajaan. Itu adalah persoalan yang saya ingin kerajaan jawab.

Akhir sekali, tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Jerlun dan sebagainya. Itu memang tidak ada kena mengena dengan *land acquisition* itu adalah tambakan tanah. Akan tetapi, kerana dia bincangkan isu Pulau Pinang terpaksa saya jawab sedikit kerana penambakan tanah itu dia sebenarnya adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang menjawab Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri. Saya terpaksa — *I mean I had to counter a bit* kerana ini bermotifkan politik, jadi saya terpaksa perjelaskan kerana penambakan tanah itu sebenarnya dimulakan oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional kerana dahulu ada Tanjung Pinang. Tanjung Pinang 1,000 ekar diluluskan oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional bagi kepada E&O untuk tambakan tanah. Itu 1,000 ekar. Lepas itu, Yang Berhormat Jerlun pun tahu bahawa **PORR** bagi kepada IJN untuk tambak tanah untuk membina *highway*. Itu semuanya Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi kerana kita di Pulau Pinang...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Kalau Kerajaan Pusat sanggup memberi duit 2.6 bilion setiap ekar.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** 2.6 bilion untuk kita bina LRT dan juga pengangkutan awam.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Maka, kita tidak perlu buat penambakan tanah. *I'm very happy...*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Kalau Kerajaan Pusat Yang Berhormat Tasek Gelugor boleh bantu cakap dengan Yang Amat Berhormat Pekan bagi duit 2.6 bilion. Dia banyak duit itu. Dia ada *donation*. Ambillah duit itu bagi kepada... *[Dewan riuh]*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan. Itu politik itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *We will be very happy.* Kita tidak payah buat penambakan tanah.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Bayan Baru saya bercakap boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Singkat sahaja. Saya amat tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru mengenai penambakan tanah ini. Saya hendak tanya, setuju dengan saya mana negeri yang tidak jalankan proses ini. Kenapa hanya ditujukan di Pulau Pinang sahaja? Adakah ini memang bermotifkan politik?

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey boleh ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara. Pertama sekali, Yang Berhormat Bayan Baru tadi sebut Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Kenapa sebut Kerajaan UMNO Barisan Nasional Pulau Pinang? Yang berada di Pulau Pinang Kerajaan Barisan Nasional. Dalam itu ada UMNO, ada Gerakan, ada MCA dan ada MIC. Tidak faham-faham ke? Itu satu.

Kedua, kalau penambakan yang diberi yang Kerajaan BN buat dahulu itu adalah satu tambakan yang lebih kurang 1,000 ekar sahaja dan ia telah melibatkan satu pembesaran kawasan di kawasan Tanjung Tokong untuk tujuan pembangunan perumahan. Akan tetapi, kita hendak tanya yang tiga pulau yang hendak dibuat di kawasan Bayan Lepas itu, kawasan Yang Berhormat Parlimen jugalah iaitu Bayan Baru dan Permatang Damar Laut. Dalam kawasan itu, apa ada keperluan hanya semata-mata hendak peruntukan untuk hendak buat jalan pengangkutan. Kenapa tidak dirundingkan dengan kerajaan lebih dahulu untuk bincang tentang pembangunan jalan yang berkenaan?

Sedangkan rundingan jalan berkenaan telah pun dibuat masa Kerajaan BN dahulu dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Apa perlu diwujudkan tiga pulau itu? Ditambah itu sehingga 1,000 lebih nelayan hilang punca pencarian. Kampung Permatang Damar Laut yang jadi penempatan penduduk-penduduk di situ pelbagai bangsa ada di situ semuanya nanti akan terubah. Jadi, itu meninggalkan menjelaskan keadaan di negeri Pulau Pinang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor. Terima kasih. Cukuplah. Kita tidak ada masa. Saya sudah faham. Terima kasih. Saya cuma hendak jawab secara cepat. Apa perbezaan antara tambakan tanah di bahagian selatan pulau dan juga apa perbezaan dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional di Tanjung Pinang di utara Pulau Pinang. Kerajaan Barisan Nasional, bagi penambakan tanah kepada E&O untuk bina *commercial property*. Okey, tanpa mendapat manfaat kepada kerajaan.

Akan tetapi, apa yang dibuat oleh penambakan tanah di Kerajaan Pakatan, kita tambak tanah lepas itu, tanah itu akan dijual untuk membiayai LRT dan juga *highway* kerana Kerajaan Barisan Nasional pusat Yang Amat Berhormat Pekan tidak beri satu sen pun untuk kerajaan negeri. Terpaksa kita cari dana sendiri. Jadi, ini adalah isu kalau Yang Berhormat Tasek Gelugor sanggup berbincang dengan Yang Amat Berhormat Pekan. *This is my floor.*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ini lagi sekali. Sebelum ini, Ketua Menteri kata kerajaan tidak bagi itu terowong tetapi tidak minta pun. Ini sama juga tidak bagi orang, tidak bincang pun. Inilah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kejap, kejap. *This is my floor.* Kalau — duduklah. Tidak apalah. *[Dewan riuh]* Kalau Kerajaan Pusat sanggup membiayai 26 bilion bagi kepala

Kerajaan Pulau Pinang, we have – kita boleh cancel terus penambakan tanah. No problem okay kerana kita tidak mahu. Jadi ini adalah isunya.

Okey, last sekali Tuan Yang di-Pertua saya minta kita sekarang kerajaan dalam rang undang-undang ini juga memberi penilaian swasta kepada pihak swasta. Itu adalah satu yang kita perlu Yang Berhormat Menteri beritahu kerana swasta itu dia *not in the interest of government*. Apabila penilaian *valuation from swasta*, *they tend to be* lebih tinggi daripada *valuation* daripada kerajaan. Jadi, *valuation* daripada kerajaan dia lebih memihak kepada kerajaan. Dia jaga *the interest of the government* tetapi *valuer* itu *market*.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, saya hendak minta *how* kita boleh *consult* kalau *valuer* *that* swasta datang dengan *valuation* kerajaan bercanggah, siapa yang dapat *who is the – which valuation* yang akan diterima. Jadi ini adalah soalan yang saya, kami minta.

■1730

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua- Ada lagi?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Saya ingin menanyakan pandangan daripada Yang Berhormat Bayan Baru, berkenaan dengan tanah yang dijual oleh PERDA di Nibong Tebal. Tanah itu diambil dengan nilai RM1.7 juta tetapi mengapa selepas 30 tahun, ia dapat di jual pada RM1.42 juta. Mengapa ini nilai yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran walaupun ditaksir oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri RM17 juta. Jadi, minta pandangan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu sebab- sekejaplah, sekejap ya.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Boleh saya jawab ya, saya jawab terus. Tak payah Menteri jawablah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak perlu jawab, masa dah habis...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini adalah isu *if you leave in a glass house, don't throw stone*. Kalau ada banyak isu di Barisan Nasional...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sedikit, bagi laluan sedikit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jangan cabar ya.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Last saya minta ya, saya hendak minta masa sikit hendak jelaskan jawapan pada Yang Berhormat Tanjong, hendak jelaskan. Last sekali hendak bagi tahu bahawa itu untuk kawasan 20.2 ekar. 1.4 kita jual itu... *[Dewan riuh]*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** 1.4 juta kita jual itu kawasannya 8.6 ekar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, *this is my floor*. Tolong...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** ...dan kita untung RM800,000 daripada penjualan taman tersebut, bukan rugi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Kalau tak tahu fakta jangan cakap, jangan tipu dalam Dewan kita. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Cukuplah, cukuplah.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jangan tipu, jangan tipu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh, boleh, boleh, okay terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tak tahu, diamlah!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Last ya, sekejap. Yang Berhormat Setiu...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Bayan Baru, boleh saya mencelah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat, habiskan. Saya minta dia habiskan Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Batu Kawan, bagi dia satu minit sahaja, satu minit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Satu minit? Okey. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor mengenai isu pengambilalihan tanah di Tok Keramat, Nibong Tebal. Saya ingin membawa perhatian Dewan ini kepada isu ini dan bertanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru kalau setuju. Tanah yang berharga RM1.7 juta ini pada tahun 1986, bukan dijual ya tetapi diambil alih oleh PERDA untuk tujuan pembinaan rumah. Selepas itu, saya tak tahu macam mana, warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu bertukar tahun 2016, bulan Mac, MPSP terima permohonan daripada syarikat, apa nama syarikat dia? SKT. SKT menyatakan mahu membina rumah kedai.

Jadi, saya ingin tahu dalam isu pengambilan tanah ini Tuan Yang di-Pertua dan pandangan Yang Berhormat Bayan Baru, apa tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan? Terutama sekali kementerian terhadap badan-badan di bawah Kerajaan Persekutuan, agensi seperti PERDA ini yang dahulunya mengatakan mahu membina rumah, selepas itu kata...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...hendak membina...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bayan Baru, bagi saya jawab, bagi saya jawab, bagi saya jawab. *[Dewan riuh]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ini Menteri kah siapa Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Batu Kawan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, duduk. Kalau nak bahas, esok bahas. Jangan jawab, *my floor okay? Please* habis, selesai. Tolong duduk, tolong duduk.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Kalau hendak penjelasan, bagi saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini tak berkaitan dengan rang undang-undang, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, tadi saya jawab, tolong duduk, tolong duduk Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tak, kalau berani bagi saya jawab.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, bila Ketua Menteri Pulau Pinang berbahas kenapa tak datang?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You* tak faham kalau *answer*, *you* tak faham, duduk diam. *[Dewan riuh]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ada jemputan dari Ketua Menteri Pulau Pinang untuk Yang Berhormat Tasek Gelugor datang jelaskan tetapi tak datang jelaskan.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Fakta *you* pun tak betul, duduk diamlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Please, please, please*, tak apa, tak apa. Cuma saya hendak gulungkan ya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan, habiskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ada banyak isu tanah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin. Itulah PERDA, PERDA adalah salah satu kerana ada tanah rakyat, tak bina rumah rakyat, bagilah kepada...

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Bagi laluan, bagi laluan, saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kata nak bina rumah, selepas itu bina rumah kedai. Macam mana... *[Dewan riuh]*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Bagi saya jawab. *[Dewan riuh]* Sekarang saya Pengerusi PERDA ada, saya boleh jawab. Saya bertanggungjawab untuk jawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, ini adalah laluan, di negeri Johor pun ada, di negeri Pahang pun ada, di negeri Melaka pun banyak isu macam ini. *[Dewan riuh]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Pengerusi PERDA tak jawab di Pulau Pinang. Pengerusi PERDA tetapi tak jawab. Di Pulau Pinang, isu tanah di Pulau Pinang tak dijawab-jawab di Pulau Pinang, datang Dewan Rakyat tunjuk hero.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, setakat itulah perbahasan rang undang-undang hari ini. Esok, selepas sesi soal jawab, Yang

Berhormat Menteri akan mula menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 24 Mei 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang]***